



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 22**

**Selasa**

**2 Julai 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 6)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 43)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019	(Halaman 44)
Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019	(Halaman 122)



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 2 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 – Yang Berhormat Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai) tidak hadir]*

**2. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah mitigasi yang telah diambil oleh pihak kementerian berikutan kenyataan Persatuan Pemandu Grab Malaysia bertarikh 14 Mei 2019 yang mendakwa hanya 10 peratus hingga 50 peratus pemandu *e-hailing* lulus dalam setiap kelas seperti yang dilaporkan akhbar Berita Harian dengan tajuk "*Ramai Pemandu E-Hailing Gagal Lesen PSV*".

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat pagi. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula 1 April 2019, pemohon lesen vokasional PSV untuk teksi dan *e-hailing* perlu menghadiri kursus teori selama enam jam di pusat latihan memandu yang diiktiraf oleh JPJ dan menduduki ujian teori sebanyak 60 soalan. Soalan ujian teori bagi lesen vokasional PSV teksi dan *e-hailing* telah dibangunkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Modul Latihan Baharu Pemandu Teksi dan *e-hailing* yang terdiri daripada agensi-agensi seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan pakar akademik dari universiti awam Malaysia.

Tahap penilaian soalan yang dibangunkan pula telah diuji dan dinilai terlebih dahulu supaya menepati suatu pencapaian kompetensi bagi seseorang yang ingin dilesenkan dengan lesen vokasional PSV untuk teksi dan *e-hailing*. Sehubungan dengan

itu, adalah menjadi keperluan seseorang calon untuk memahami modul pembelajaran bagi memastikan calon kompeten semasa menduduki ujian dan bersedia untuk menjadi pemandu kenderaan perkhidmatan awam ataupun *e-hailing*.

Bermula 1 April sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 16,338 calon telah menduduki ujian teori PSV. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10,151 orang telah lulus dan layak memohon lesen PSV. Maka daripada jumlah tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa sebanyak 62 peratus calon telah lulus ujian tersebut dan berjaya di lesenkan. Maka dengan itu, kenyataan daripada Persatuan Pemandu Grab Malaysia bertarikh 14 Mei 2019 yang mendakwa hanya 10 peratus hingga 50 peratus pemandu *e-hailing* lulus dalam setiap kelas seperti yang dilaporkan dalam Berita Harian adalah tidak tepat sama sekali.

Bilangan ini dijangka akan meningkat dengan lebih mendadak menjelang 12 Julai 2019 selaras dengan pengenalan kursus secara digital yang telah dijalankan bermula 3 Jun 2019 di pusat-pusat latihan yang telah diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga membenarkan syarikat-syarikat *e-hailing operator* (EHO) ini, untuk mengadakan ujian PSV ini secara berkelompok dan secara berkumpulan dengan kehadiran pegawai-pegawai JPJ. Maka, setiap hari ujian ini dijalankan dan ramai pemandu *e-hailing* dapat dilesenkan PSV menjelang 12 Julai. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mendapat lesen PSV kepada *e-hailing*, kebanyakan pemandu ini adalah pemandu *part time* dan juga ramai di kalangan mereka ini lebih kurang macam *freelance* untuk membawa kenderaan ini. Jadi, berapakah jumlah kos yang diperlukan oleh pemandu *e-hailing* bila mereka hendak mendapatkan lesen PSV bersekali dengan insurans? Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bayaran kursus PSV yang telah ditetapkan ialah kadar silingnya RM200 untuk institut pemandu ataupun kalau dilaksanakan secara digital oleh syarikat-syarikat EHO seperti Grab, mereka memberikan percuma kursus itu kepada pemandu-pemandunya. Jadi, kos untuk mengambil kursus PSV itu hanya RM200. Untuk lesen itu, RM20 sahaja. Akan tetapi untuk insurans, mungkin dalam lingkungan RM300 hingga RM400. Memang anggaran kita untuk seseorang pemandu *e-hailing* ini untuk mengambil lesen PSV, mengambil kursus dan mengambil lesen PSV dan menginsuranskan kereta ini, dia dalam lingkungan RM800 sahaja untuk setiap kereta. Jadi, itu adalah satu kadar ataupun

kos yang kita telah anggarkan dan tidaklah begitu tinggi kepada pemandu-pemandu *e-hailing* .

Kita faham bahawa ada ramai yang mengatakan bahawa mereka ini adalah *part time*, tetapi untuk kita mengadakan satu peraturan untuk *e-hailing*, kita tidak boleh membahagikan antara *fulltime* ataupun *part time*. Selagi mereka hendak beroperasi sebagai pemandu *e-hailing* yang sah, maka peraturan-peraturan ini perlu dikuatkuasakan dan mereka perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Terima kasih.

#### ■1010

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya berkaitan dengan *e-hailing* operator yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Bagaimana perbezaan harga disebabkan proses untuk mengambil PSV ini, operator mengenakan sebagai insentif kepada *driver* yang memandu *e-hailing* ini tetapi ada perbezaan harga yang dikenakan pula kepada *customer*, maknanya ada satu yang mahal dan ada yang murah. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Insentif kepada pemandu ini saya rasa ia tidak ada kena-mengena dengan tambang. Tambang itu memang mengikut pasaran. Seperti yang umum ketahui bahawa untuk *e-hailing* ini, kita tidak ada satu harga siling atau harga lantai untuk kadar tambang untuk *e-hailing*. Itu adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat EHO itu berdasarkan kepada pasaran. Jadi memang untuk *compete*, untuk bersaing dalam pasaran *e-hailing* ini syarikat-syarikat EHO sudah tentunya perlu menawarkan kadar tambang yang berpatutan dan kompetitif kepada penumpang-penumpang mereka. Jadi saya tidak melihat bahawa ia akan berubah secara mendadak.

Ramai yang mengatakan bahawa apabila kita membuat *regulation* ini maka kadar tambang itu akan meningkat. Itu adalah anggaran dan juga apa yang dikatakan tetapi ia tidak menjadi kenyataan. Kita harap syarikat-syarikat *e-hailing* ini sudah tentunya apabila telah pun disahkan ataupun kita telah menjalani proses peraturan ini maka kadar tambang itu mestilah berpatutan dan kalau mereka tidak kompetitif maka penumpang-penumpang akan tidak memilih perkhidmatan mereka. Jadi *e-hailing* ini adalah sesuatu yang kompetitif dan kita harap lebih banyak lagi syarikat EHO yang akan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan ini kepada penumpang. Akhirnya, kita mengharapkan bahawa masyarakat kita dan rakyat kita mendapat satu tawaran harga yang berpatutan dalam pasaran. Terima kasih.

**3. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah penggunaan senjata api dalam kawalan populasi anjing oleh Majlis Bandaraya Ipoh baru-baru ini dan mungkin juga oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lain dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan diluluskan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Bagan Serai.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I am also a pet and animal lovers.* Saya adalah pencinta binatang. *[Tepuk]* Saya ada peliharaan kucing yang saya sangat sayang. Sebagai Menteri yang diamanahkan untuk menjaga kementerian ini, kita tidak mengizinkan sesekali penggunaan senjata api ataupun apa-apa *weapon* dengan izin terhadap mana-mana binatang yang menjadi makhluk Allah SWT. Akan tetapi kita juga kena ingat kepentingan umum itu juga satu perhitungan yang juga menjadi tanggungjawab kita semua sebagai sebuah kerajaan.

Maka kita harus melihat dengan teliti Akta Kebajikan Haiwan 2015 seksyen 30(1) yang menyatakan dengan jelas bahawa "*Tidak seorang pun boleh membunuh dengan menembak dengan senjata api mana-mana anjing, kucing atau mana-mana haiwan yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang sangat terdesak...*" Ini kita boleh gunakan. Contohnya anjing liar ataupun disebut anjing gila yang menyerang dengan garang, sukar ditangkap dan telah menjadikan makhluk lain sebagai pemangsa. Dalam keadaan ini, barulah akta ini akan digunakan itu pun dengan nasihat dan budi bicara, dengan izin *the last resort*. Ini adalah satu perkara yang sangat kita perhatikan.

Dengan kaedah-kaedah ini Tuan Yang di-Pertua, apa pun kebenaran yang diberikan melalui akta ini, kita akan mengambil kira satu perhitungan yang tidak sekali-kali berniat untuk menjadikan binatang sebagai mangsa kezaliman kita semua. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mutakhir ini banyak haiwan peliharaan yang menderita kemalangan. Ada yang jatuh perigi, ada yang melanggar manusia dan manusia juga mati.

Soalan saya, berapa kali kah Lembaga Kebajikan Haiwan serius membincangkan pelaksanaan sistem pendaftaran pemilikan haiwan ternakan. Tanpa pendaftaran yang sepatutnya iaitu seksyen 33, Akta Kebajikan Haiwan 2015 ini

dibimbangi tidak dapat berjalan dan tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan ini mengancam nyawa dan kebajikan haiwan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Veterinar dan kesedaran umum melalui kempen-kempen yang bersistematik dan dalam talian-talian *online* dan juga menggunakan media sosial dengan bantuan NGO-NGO yang sangat peka dan prihatin tentang kebajikan haiwan ini sentiasa menggalakkan semua yang memiliki haiwan-haiwan ini, binatang-binatang peliharaan ini supaya mendaftarkan binatang peliharaan mereka ini sama ada anjing, kucing, monyet dan lain-lain supaya dengan *database* yang ada itu kita dapat memantau dan kemudian dalam keadaan berskala kita boleh menentukan tahap kesihatan, tahap keliaran dan seumpamanya.

Contohnya, bila wabak *rabies* telah menjadi suatu *outbreak* dengan izin di Sarawak, itu pun kita menggunakan ubat pelali. Kita menggunakan kaedah yang cukup mesra binatang supaya tidak berlaku kezaliman. Maka saya menyokong pandangan Yang Berhormat Bagan Serai supaya kempen-kempen dan pendaftaran ini mesti dilakukan dan tuan punya binatang peliharaan ini mesti tampil ke hadapan untuk kalau boleh mendaftarkan sendiri binatang atau haiwan ini supaya dapat dikawal dan dapat kita jadikan sebagai contoh untuk kita mengajak seluruh negara kita ini menjadi rakyat yang cintakan haiwan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah anjing liar ini mungkin masalah di Ipoh. Di Terengganu, saya rasa di Kuala Terengganu, masalah berkait dengan babi, saya tidak tahu nak kata babi hutan ataupun babi ternakan yang terlepas atau apa sebab bukan dalam kawasan hutan tetapi ini telah menjadi satu masalah yang besar di Kuala Terengganu sekarang ini. Hampir semua kampung bercakap tentang masalah di mana-mana jumpa babi di dalam jumlah yang besar.

Cuma saya hendak tanya, adakah Jabatan Veterinar mempunyai kepakaran bagi membantu pengawalan populasi babi liar ini mungkin dalam bentuk teknologi kawalan secara biologi. Adakah isu berkait dengan babi hutan ini juga tertakluk di bawah Akta Kebajikan Haiwan yang disebut tadi? Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya daripada Kuala Terengganu, tindakan yang akan diambil oleh pihak berkuasa tempatan adalah bergantung pada laporan kes-kes yang dilaporkan kepada sama ada PBT ataupun kepada Jabatan Veterinar. Oleh itu saya memberikan pandangan bukan sekadar babi hutan tetapi di kampung-kampung, di pinggir-pinggir bandar juga isu monyet yang

mengganggu kehidupan manusia juga telah menjadi suatu perkara yang semakin menjadi-jadi sekarang ini.

Oleh itu saya akan mengambil kira fakta Yang Berhormat dan kita akan mengambil satu tindakan yang terbaik, senjata api adalah merupakan pilihan terakhir tetapi kalau ada kaedah-kaedah seperti halangan menggunakan kaedah-kaedah perubatan untuk mengawal populasi, itu boleh kita fikirkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

■1020

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan itu tamatlah sesi untuk jawab pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Kita terus ke sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

*[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]*

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kementerian mempunyai perancangan untuk menyelaraskan warna semua uniform PBT di seluruh negara kerana kepelbagaian warna uniform PBT boleh mengelirukan orang ramai selain memudahkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat yang kemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengambil tindakan untuk menyelaraskan warna semua uniform penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara. Cadangan penyeragaman untuk uniform pegawai-pegawai penguat kuasa PBT ini boleh mengelakkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai selain daripada menghindari penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Adalah diharapkan kerajaan negeri akan memberi kerjasama untuk melaksanakan.

Pada masa ini, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan sedang mengadakan sesi libat urus dengan Persatuan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PESAMA) bagi mendapatkan maklum balas terhadap cadangan warna uniform PBT. Selain itu, cadangan warna ini juga perlu mendapat kebenaran pejabat



Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia sebelum dilaksanakan di semua PBT. Sekian dimaklumkan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Tahniah Kerajaan Pakatan Harapan. Saya juga mendapat maklumat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka ada menyebutkan bahawa mereka juga akan menyelaraskan semua PBT yang di Melaka dengan warna *Enforcement International Color Code* dengan izin. Saya rasa itu satu perkembangan yang baik yang dapat diselaraskan satu negara. Apakah KPKT ada rancangan untuk menambah baik akta-akta berkaitan agar PBT dapat kuasa yang lebih dalam menjalankan tugas dan jaminan keselamatan untuk penguat kuasa mereka kerana mereka sangat penting ketika berurusan dengan Jabatan Alam Sekitar sepertinya kes di Pasir Gudang ataupun membantu polis trafik.

Pagi ini sahaja ketika saya dalam perjalanan ke Parlimen ini, saya dapat bertemu dengan warden trafik DBKL yang tampan di Jalan Loke Yew bersama dengan polis trafik, mereka mengawal perjalanan dan kesesakan. Soalan saya, apakah kementerian akan meminda mana-mana akta PBT yang boleh menguntungkan negara dan orang ramai. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang penguatkuasaan atau bantuan dalam isu alam sekitar, pihak PBT bergantung kepada aduan yang diterima oleh mereka yang terlibat di dalam situasi tersebut. Oleh itu, adalah disarankan apa jua masalah yang dihadapi seperti mungkin yang berlaku di Johor dan juga di Kelantan perlu ditimbulkan seawal mungkin supaya pihak kami di bawah pasukan alam sekitar yang memantau iaitu HAZMAT boleh mengambil tindakan di peringkat awal.

Kita perlu tekankan di sini kalau laporan ini diterima di peringkat awal, keberkesanan pasukan kami mengambil tindakan adalah lebih tinggi *success rate*-nya dengan izin. Oleh itu, saya rasa undang-undang yang ada sudah mencukupi. Akan tetapi *enforcement* perlulah dibuat seawal mungkin untuk keberkesanannya. *Insyaa-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Yang Berhormat Parit.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Kuala Krau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krau. Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Cuma dengan penyeragaman atau kita selaraskan uniform PBT ini, adakah boleh meningkatkan lagi prestasi kerja di antara di kalangan kakitangan PBT dan akan meningkatkan lagi hasil kepada PBT? Ini kerana PBT ini sebenarnya macam kakitangan jabatan lain. Ada bahagian-bahagian tertentu. Ada bahagian pejabat, pentadbiran, rekreasi, taman-taman dan ada penguatkuasaan. Adakah ini akan diselaraskan di antara jabatan-jabatan yang berkenaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa isu ini perlu di bincang di peringkat PBT dan juga di setiap negeri yang berkenaan untuk menyelaraskan uniform-uniform tersebut. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, penguatkuasaan contohnya bagi bahagian *carpark* atau tempat meletak kereta adalah satu bahagian. Akan tetapi yang selain daripada itu adalah bahagian-bahagian yang berbeza.

Saya rasa dari segi kalau ada uniform yang boleh dikenal pasti dengan lebih senang dan lebih jelas, apa-apa laporan oleh orang awam bolehlah disampaikan dengan lebih efektif supaya pihak yang memantau dan membuat kerja-kerja penguatkuasaan ditentukan menjalankan tugas mereka dengan baik. Ini akan membantu dari segi keberkesanan pemantauan, *effectiveness enforcement*.

Inilah di antara *advantage* atau kelebihan kalau uniform ini boleh dijadikan satu perbezaan daripada pasukan-pasukan lain. Kita amatlah mengharapkan dengan berlakunya perubahan *color* yang lebih *distinctive* dengan izin, ia akan memberi satu kecekapan yang baharu dari segi *effectiveness* penguatkuasaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai tersebut. *Insyaa-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Satu lagi Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong langkah KPKT untuk menyeragamkan uniform terutamanya *enforcement unit*. Cuma saya hendak tanya bilakah kerajaan kementerian KPKT akan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT sebagaimana yang telah dicadangkan dahulu dalam langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan dan pentadbiran PBT itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang penubuhan suruhanjaya ini ia adalah di dalam proses yang mana kita telah membuat persiapan yang awal dan kita sedang mendengar dan

menerima pandangan dan juga cadangan-cadangan pada semua pihak yang berkenaan dan juga *stakeholders*. *Insyah-Allah* kita akan menyoegerakan perkara ini supaya akan dapat dilaksanakan dalam waktu yang terdekat.

Akan tetapi juga kami ingin memastikan bahawasanya apabila ia ditubuhkan, segala yang diperuntukkan di dalam cadangan tersebut adalah komprehensif. Itulah yang saya dapat sampaikan pada waktu ini. *Insyah-Allah* kita akan beri *update* dari semasa ke semasa apabila kita telah sampai di peringkat yang lebih *advance*. Terima kasih.

**2. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) apakah status perkembangan pembangunan model prototaip kereta terbang; dan
- (b) apakah pencapaian semasa terhadap 11 projek pelaburan aeroangkasa baharu bernilai RM816.3 juta yang telah diluluskan pihak kerajaan tahun lalu.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:**

Terima kasih daripada Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan selamat hari raya kepada semua dalam Dewan ini kalau belum menerima ucapan saya. Maaf zahir dan batin.

Tuan Yang di-Pertua, industri *air mobility* merupakan antara bidang keusahawanan baharu yang dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa. Terutamanya dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *Air mobility* ini mengimplikasikan teknologi terkini seperti *drone*, *big data analytics*, *turnkey application*, *artificial intelligence*, *mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.

Pembangunan *prototype air mobility* yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang berkemampuan dan berminat untuk memenuhi pasaran industri ini semua hak milik *intellectual* termasuk reka bentuk dan *percent air mobility* adalah di bawah tanggungjawab syarikat yang membangunkan projek ini termasuk kos berkaitan. Kementerian hanya memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam membangunkan ekosistem industri *air mobility* terutamanya dalam aspek menggubal polisi, peraturan dan sokongan industri tempatan bagi memenuhi keperluan yang diperlukan untuk

membangunkan industri ini. Kementerian menjangkakan prototaip *air mobility* akan dapat dilancarkan seawal bulan Oktober 2019.

■1030

Sukacita saya memperingatkan Ahli-ahli Dewan, projek *air mobility* yang melibatkan pembangunan prototaip kereta terbang tidak melibatkan satu sen pun duit rakyat. Ia adalah inisiatif daripada beberapa syarikat persendirian. Kita kena sentiasa menjalinkan hubungan dengan *private sectors* atau syarikat-syarikat persendirian supaya industri ini dirangsang selari dengan pembangunan industri antarabangsa. Saya nak sebutkan di sini, inovasi berjalan begitu cepat. Jadi, kalau kita tidak menyediakan ruang dan peluang, maka kita akan ketinggalan di belakang. Jadi, atas sebab itu kita lihat hari ini, kita melibatkan diri dalam menyokong, mendukung segala usaha-usaha anak tempatan untuk membangunkan industri saya agak sudah begitu ke depan di peringkat antarabangsa.

Soalan (b) tadi Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018, sejumlah 11 projek telah diluluskan bagi sektor aeroangkasa dengan jumlah pelaburan bernilai RM816 juta kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, empat projek dimiliki oleh syarikat asing dengan jumlah pelaburan bernilai RM338 juta ataupun 41 peratus, manakala tujuh projek adalah dimiliki oleh syarikat tempatan dengan jumlah pelaburan domestik bernilai RM478 juta ataupun 59 peratus. Daripada kesebelas projek yang diluluskan, 10 projek merupakan bagi aktiviti pengilangan pembuatan aeroangkasa untuk menghasilkan komponen dan bahagian kapal terbang seperti komponen enjin, *machine metal parts* dan juga *aero structure parts* serta perkhidmatan *service treatment* yang akan dibekalkan kepada syarikat tier 1 dan tier 2.

Manakala satu projek diluluskan bagi menjalankan aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih komponen-komponen enjin kapal terbang bagi pasaran eksport. Projek-projek yang diluluskan dijangka menjana peluang pekerjaan sebanyak 2,442 orang. Pencapaian semasa bagi projek-projek yang diluluskan adalah seperti berikut:-

- (i) 10 projek dalam peringkat pelaksanaan iaitu pembinaan kilang, pemasangan mesin dan peralatan serta dalam proses mendapatkan kelulusan daripada agensi jabatan di peringkat negeri berkaitan projek syarikat, dan;
- (ii) satu projek dalam peringkat perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya rakamkan tahniah kerana ada satu *target* untuk melancarkan prototaip kereta terbang pada bulan September ini. Cuma soalan yang ingin saya bangkitkan, sejauh mana hubungan prototaip kereta terbang ini dengan projek aeroangkasa yang ada? Ini kerana apabila kita menyentuh aeroangkasa ini, ia membabitkan isu-isu keselamatan. Terutamanya apabila beberapa teknologi yang dipindah daripada US ke Malaysia seperti *ScanEagle* yang saya difahamkan diberi percuma oleh Amerika yang tentunya mereka ini ada *something* dengan negara kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Kalau kita lihat hari ini, daripada kaedah pembangunan kereta terbang, kita lihat segala bentuk rekaan, segala bentuk inovasi adalah diasaskan oleh anak tempatan. Jadinya, kalau kita tidak merangka satu undang-undang, kalau kita tidak membuka ruang angkasa contohnya, ia berbeza. Undang-undang yang sedia ada adalah untuk industri penerbangan dan kita pun telah *initiate* kan satu mesyuarat melibatkan beberapa kementerian, terutamanya Kementerian Pengangkutan, *Civil Aviation Authority* untuk berbincang, apakah bentuk ruang yang kita kena wujudkan? Apakah bentuk undang-undang yang kita kena wujudkan? Apakah keperluan yang kita kena adakan? Hal ini supaya apabila kereta terbang ini siap ataupun industri ini berkembang, kita sudah ada kemudahan untuk mereka berkembang.

Contoh di negara-negara lain, cukup tahun ini di negara Emiriah Arab Bersatu (*United Arab Emirates*), telah menjemput kami untuk menyaksikan pelancaran kereta terbang. Mereka telah mewujudkan undang-undang ruang aeroangkasa tadi untuk kita melibatkan diri di dalam industri itu. Mereka telah pun mewujudkan undang-undang ataupun telah mula mewujudkan undang-undang dan ruang tiga tahun sudah. Maksudnya sekarang, saya sebutkan tadi kalau kita tidak bersedia, kita akan mengekang perkembangan dan pembangunan industri ini. Inisiatif kita hari ini, kita telah pun mula, saya sebutkan tadi merangka undang-undang untuk ruang angkasa spesifik untuk kereta terbang. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan isu soal pencerobohan ataupun isu keselamatan negara dan pencerobohan ruang peribadi yang menjadi isu di kebanyakan negara dunia apabila prototaip ataupun *air mobility* ini berkembang. Dalam konteks

negara kita, apakah mekanisme yang pihak kementerian bercadang untuk diwujudkan bagi mengawal isu-isu soal ini? Supaya apabila *air mobility* menjadi satu fenomena dalam konteks negara, isu pencerobohan ruang peribadi dan isu keselamatan dapat dibetulkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Dengan menggunakan kaedah yang sedia ada, contoh dengan mempelajari daripada negara-negara yang sedang menggiatkan industri kereta terbang, contohnya di Perancis, di *United Arab Emirates*, *United States of America* contohnya, kita lihat hari ini pelancaran kereta terbang dari Singapura sekalipun, mereka melancarkan di United States sebab undang-undang belum ada lagi untuk memudahcarakan penerbangan kereta terbang.

Jadinya kalau kita lihat hari ini, negeri-negeri yang bergiat dalam pembangunan kereta terbang telah pun wujud. Contoh di Perancis, mereka telah mengadakan satu sistem *software* di mana oleh *Thales of France* yang kita sedang berbincang untuk bukan hendak meniru tetapi untuk menjadi contoh, bagaimanakah kita boleh menerbangkan kereta terbang ini dalam keadaan yang selamat contohnya. So, kita menggunakan *artificial intelligence*. Contohnya, kalau kita tidak mahu mencerobohi ruang angkasa, kita menggunakan kaedah *internet of things*, *artificial intelligence*, *is A to A*. Maksudnya, kita cuma boleh terbang dalam satu laluan yang akan dikenal pasti yang mematuhi undang-undang yang kita akan wujudkan. Ini sekarang kita dalam peringkat perbincangan dengan Kementerian Pengangkutan dan lain-lain agensi yang berkaitan. Terima kasih.

**3. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan status kemajuan rundingan isu sempadan maritim Malaysia – Singapura dan apakah butiran penyelesaian yang telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua negara.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** *Bismillaahir Rahmanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, semasa Sesi Permukiman Kesembilan Pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia – Singapura yang diadakan pada 9 April 2019 di Putrajaya, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura menyambut baik kerjasama dua hala (*bilateral*) dalam melaksanakan cadangan kumpulan kerja iaitu *working groups* bagi menangani isu maritim yang melibatkan peluasan had Pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had Pelabuhan

Singapura di Tuas. Singapura juga bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia mengenai Persempadanan Maritim Malaysia – Singapura yang masih belum dimuktamadkan dan bukan sahaja bagi kawasan had pelabuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, susulan itu, mesyuarat pertama Jawatankuasa Malaysia – Singapura bagi Pembatasan Sempadan Maritim di sekitar kawasan had pelabuhan bertindih Johor Bahru di Tanjong Piai dan Singapura di Tuas telah diadakan pada 13 Mei 2019 di Singapura.

#### ■1040

Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Encik Chee Wee Kiong, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura. Bagi pihak Malaysia, agensi-agensi berkaitan turut hadir ke mesyuarat tersebut iaitu Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengangkutan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Pusat Hidrografi Nasional dan Jabatan Laut Malaysia.

Mesyuarat tersebut telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil sub komiti untuk membincangkan perkara dari segi perundangan dan teknikal bagi pembatasan persempadanan Maritim Malaysia – Singapura. Ia diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri bagi pihak Malaysia dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara bagi pihak Singapura dan bersetuju supaya jawatankuasa utama tersebut akan bersidang sebanyak dua kali setahun. Manakala mesyuarat di peringkat jawatankuasa kecil pula akan bersidang mengikut keperluan iaitu secara *intersessional*.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kawasan had pelabuhan bertindih tersebut, Malaysia dan Singapura juga akan meneruskan rundingan sempadan maritim di kawasan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Sehubungan ini, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee* bagi melaksanakan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Berhubung kes kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008, sehingga kini, tujuh Mesyuarat MSJTC telah diadakan dalam proses perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah. Mesyuarat kelapan dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober tahun ini dengan Malaysia sebagai tuan rumah. Proses perundingan ini telah tertunda sebelum

ini berikutan terdapat beberapa percanggahan di dalam rundingan di antara kedua-dua negara dan kerana Malaysia telah mengemukakan semakan semula penghakiman kes ini kepada ICJ. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Difahamkan yang negara China akan muncul sebagai negara kuasa maritim dunia. Ada pendapat yang mengatakan sudah pun menjadi negara maritim dunia.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah perancangan strategik dan diplomatik yang boleh diambil oleh kerajaan untuk berdepan dengan cabaran-cabaran perubahan senario, perubahan perimbangan kuasa dunia ini yang boleh membawa manfaat kepada Malaysia ataupun yang boleh dimanfaatkan oleh negara memandangkan industri maritim negara dijangka berkembang dan berpotensi memberi sumbangan besar kepada pendapatan dan juga pertumbuhan ekonomi negara? Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Berbalik kepada soal persoalan tadi adalah lebih menyentuh kepada soal pertumbuhan maritim yang mana ini agak lari daripada persoalan yang ditanya tentang soal persempadanan.

Akan tetapi saya cuba hendak menjawab soalan ini. Sebenarnya, walau apa juga perkembangan maritim sekalipun, kita di Kementerian Luar Negeri ini hanya untuk memastikan kedaulatan negara dan juga kedudukan sempadan negara ini sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan juga hubungan dua hala kita terutama dengan China dan juga *Singapore* adalah hubungan yang baik, yang akrab. Kita tidak mahu menjadikan isu persaingan pertumbuhan ekonomi ini adalah sebahagian daripada kekangan yang mana kita terpaksa berdepan di masa akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal tambahan kedua.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Pontian, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Saya difahamkan bahawa kerajaan dalam beberapa laporan bercadang untuk menarik diri daripada semakan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai status Pulau Batu Puteh. Saya ingin penjelasan sama ada kerajaan telah menarik diri atau belum.



Kedua, mengenai Pulau Pisang. Pihak berkuasa pelabuhan dan maritim Singapura ada sebuah lampu, di situ ada rumah api yang dibina sejak tahun 1914, 105 tahun dahulu. Mereka masih menjaga rumah api itu daripada jeti Pulau Pisang tersebut sehinggalah laluan ke rumah api masih dijaga oleh pihak berkuasa pelabuhan maritim Singapura sedangkan Pulau Pisang itu adalah pulau milik Malaysia. Sehingga bila Singapura akan menjaga rumah api itu dan memiliki rumah api itu? Adakah kerajaan bercadang untuk berbincang dengan Singapura supaya tidak payah lagi menjaga rumah api itu dan serah kepada Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Pertama sekali berkenaan dengan Pulau Batu Puteh. Jadi kita masih lagi komited, tadi saya pun sudah sebut bahawa kerajaan akan mengemukakan semakan semula penghakiman kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ini kepada ICJ dan ini kita akan teruskan.

Berkenaan dengan Pulau Pisang, saya difahamkan Pulau Pisang ini ada perjanjian terdahulu di antara Sultan Johor dan juga Singapura dan ini telah diguna pakai sehingga hari ini. Pihak kerajaan juga memang akan sentiasa memberi perhatian supaya walaupun tentera ataupun marin daripada *Singapore* yang mengawal di situ tetapi tidak ada sebarang perkara-perkara yang dapat dilaporkan daripada mereka yang mana boleh menjejaskan kedaulatan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Mustahak. Satu soalan lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Satu soalan boleh?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya perlu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mustahak sangat ya?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Mustahak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Jasin, Jasin boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengenai maritim yang berkaitan dengan Singapura?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tidak. Berkait dengan isu sempadan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Isu sempadan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Isu sempadan tadi, saya perlu tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Isu sempadan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lari daripada soalan.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, ya, saya perlu soalan tambahan satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana nampak macam penting sangat ya saya biarkan [*Dewan ketawa*].

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya, ya Kuala Terengganu. Pada 1 Jun di dalam Dialog Shangri-La IISS 2019, Menteri Pertahanan Malaysia ada menyebut bahawa Malaysia mempunyai sempadan dengan negara China. Sekiranya seseorang merujuk kepada peta dunia, Malaysia tidak mempunyai sempadan pun dengan negara China kerana negara China terletak nun jauh di utara sedangkan Malaysia di selatan. Sejauh manakah kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri Pertahanan, memberi implikasi kepada tuntutan Malaysia di Laut China Selatan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri Pertahanan tidak ada pun di sini, tidak perlu jawablah. Tidak adil bagi pihak Menteri Luar Negeri.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tidak, implikasi kenyataan oleh itu kepada rundingan dengan sempadan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lari daripada tajuk.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Bagi peluang Kalabakan lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Kalabakan. Bagi peluang kepada Kalabakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selalunya dua soalan tambahan saja. Sekarang sudah empat.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Sempadan, sempadan [*Ketawa*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya tidak benarkan.

4. **Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah hasil atau dapatan dari kajian "*cost benefit analysis*" serta "*feasibility study*" untuk cadangan jajaran "*Sabah-Sarawak Link Road*" yang diumumkan oleh YB Menteri.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian kemungkinan *Sarawak – Sabah Link Road* telah siap dilaksanakan oleh kementerian ini pada tahun 2006. Kajian tersebut telah mengenal pasti jajaran bagi jalan ini sepanjang 275 kilometer dan telah mencadangkan pelaksanaan projek ini dibuat secara berfasa.

Atas kesinambungan itu, kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM5 juta untuk kerja-kerja awalan bagi Pakej Satu sepanjang 80 kilometer dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut. Kajian menunjukkan projek ini secara keseluruhannya dijangka akan memanfaatkan penduduk di pedalaman serta boleh mencetuskan peluang-peluang kegiatan ekonomi yang baharu menerusi ekopelancongan dan agropelancongan.

Selain dari itu, projek ini juga akan meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya yang pada masa ini terpaksa menggunakan jalan balak untuk tujuan perhubungan ke suatu kawasan.

#### ■1050

Secara ringkasnya, hasil penilaian *cost-benefit analysis*, dengan izin, dalam kajian ini mendapati bahawa projek *Sarawak-Sabah Link Road* ini adalah berdaya maju untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Cuma, kalau tak salah dengar saya, tadi mengatakan bahawa berasaskan kajian yang dibuat pada tahun 2006. Untuk kita, tiada masalah untuk menyokong apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk jajaran *Sabah-Sarawak Link Road* ini.

Cuma, saya hendak mendapatkan kepastian, adakah ia tidak akan memberi penekanan pula kepada jajaran Fasa Kedua *Pan Borneo Highway* iaitu daripada Limbang-Lawas melalui Brunei? Kalau kita melihat, tiada peruntukan yang diluluskan untuk menyambung *Pan Borneo Highway* ini sementara persetujuan telah pun tercapai dengan Brunei untuk kita naik taraf sebab Brunei sudah pun menaik taraf jajaran mereka. Adakah disebabkan kita hendak memberikan fokus kepada jajaran *Sabah-Sarawak Link Road* ini yang *bypass* Brunei, maka Fasa Kedua *Pan Borneo Highway* dikorbankan untuk memindahkan peruntukan yang sedia ada untuk membina *Sabah-Sarawak Link Road* ini? Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Tidak! Ia akan menekankan Fasa Dua dan bagi kita, kita merasakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jalan Fasa Kedua itu sudah ada. Sudah ada. Akan tetapi, kalau dari segi *benefit*, dengan izin, *Sarawak-Sabah Link Road* ini adalah satu cadangan yang baharu dan akan mungkin memberi manfaat kepada lebih 100,000 orang di pedalaman Lawas, Limbang dan juga Baram atau Miri.

Jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu, ia tidak akan menjejaskan Fasa Kedua. Mungkin akan ditangguhkan sedikit. Hanya isu masa sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua di sebelah kanan. Ada? Tidak ada. Sebelah kiri?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Limbang. Limbang sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Limbang. Silakan Yang Berhormat Limbang. Selamat hari raya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan *the Link Road, you go ahead, then the existing road* yang ada sekarang ini *where* lebih kurang jajaran sepatutnya Pan Borneo Fasa Kedua.

Jadi, sementara menunggu *the continuation of Fasa Dua and Sabah-Sarawak Link Road*, dapat kah keadaan sekarang ini, jalan yang ada sekarang ini, *the road* yang sekarang ini menghubungkan daripada utara Sabah sampai ke Kuching *is in a bad condition right now*. Apakah dapat jalan sedia ada ini dapat dinaiktarafkan yang Limbang-Lawas ini? *Because that is the main* yang menghubungkan dari Sabah dan Sarawak sekarang ini.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih, Yang Berhormat Limbang. Tentu sekali, Yang Berhormat, kita akan meneliti keadaan itu sekiranya keadaan di kawasan ini harus dinaiktarafkan. Kita akan menerima semua cadangan yang perlu dilaksanakan dan kita harus meneliti semua ini dan kita akan menerima dan kita akan melaksanakan dan menaik taraf kalau sekiranya itu perlu. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *Just info* sedikit tanya. Yang Berhormat Menteri, JKR tahun ini *right now* banyak arahan-arahan kerja untuk menaik taraf tidak diluluskan oleh kementerian. *I sit down with them last Friday. So, can you look into this, please?*

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Kita akan meneliti kesemua itu. Terima kasih.

5. **Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah perkembangan pelaksanaan Sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) di hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Selayang. Saya akan menjawab soalan ini sekali dengan Yang Berhormat Puncak Borneo, Tuan Yang di-Pertua.

Sistem Rekod Perubatan Elektronik ataupun, dengan izin, *Electronic Medical Record* (EMR) adalah antara infrastruktur digital asas dan fundamental dalam membentuk sebuah ekosistem *digital health*. Dengan wujudnya secara meluas ketika keseluruhan klinik dan hospital-hospital kita diintegrasikan, maka kita akan dapat mencapai satu tahap perkhidmatan dan sistem maklumat pesakit yang, dengan izin, bersifat *seamless*, tidak ada *barrier*, halangan atau rintangan untuk mencapai maklumat-maklumat pesakit yang dengan itu dapat kita tingkatkan dari sudut rawatan dan dari sudut pengurusan pesakit.

Juga begitu, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Selayang, kita juga akan dapat mengurus dengan data yang akan dapat kita bina atau *big data* itu akan dapat kita lakukan apa yang diistilahkan sebagai pengurusan kesihatan penduduk ataupun *population health management with the data analytics* dan kita akan hasilkan suatu *health informatics* untuk seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Sistem Rekod Perubatan Elektronik telah dilaksanakan di 35 buah hospital daripada keseluruhan 145 buah hospital kerajaan dan di 118 buah klinik daripada keseluruhan 1,703 buah klinik kerajaan menggunakan pelbagai produk ataupun dengan istilahnya *hospital information system* dan *clinical information system*. Antara *providers*-nya adalah Cerner, iSOFT, Sistem Pengurusan Pesakit kita sendiri bagi kegunaan hospital. Manakala di klinik, kita menggunakan produk CIS sepertimana *Tele-Primary Care* ataupun TPC dan *Oral Health Care Information* ataupun gabungannya, TPC-OHCIS.

Sehingga kini, keseluruhan— yang boleh saya sebutkan— pelaksanaannya ialah 25 peratus hospital kerajaan dan tujuh peratus klinik kerajaan dapat kita laksanakan sistem EMR ini. Pada masa sekarang, KKM sedang merancang satu pendekatan strategik untuk memperluaskan lagi sistem ini kepada seluruh hospital dan klinik secara berfasa. KKM juga sedang dalam proses menilai cadangan daripada lebih 60 syarikat ketika kita mengadakan *Open Day EMR* dan dengan itu, *insya-Allah*, kita akan dapat

*shortlist* dan akan terus kita perhatikan antara pendekatan untuk kita sampai kepada mencapai satu keputusan dalam meningkatkan pelaksanaan sistem EMR ini.

Jadi itu dahulu, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Selayang. Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih. Apakah jangkaan tempoh masa projek ini dapat disempurnakan? Kedua, apakah langkah-langkah di dalam sistem EMR ini untuk memastikan bahawa maklumat pesakit itu selamat, tidak di-*hack* atau dicuri atau disalahgunakan?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Selayang. Dari sudut *timeline*-nya, kita memandang dalam tempoh Parlimen ke-14 ini dan saya telah memerhatikan pelbagai cadangan dan cadangan-cadangannya agak baik. Ada yang memberikan satu *timeline* untuk setahun, ada satu hingga dua atau tiga tahun. Akan tetapi, yang pentingnya ialah tergantung segala-galanya kepada *funding*. Kita pun telah mula berbincang akan persoalan *funding* kerana ini akan menentukan secepat mana akan dapat kita *rollout*, dapat kita laksanakan.

Adapun dari sudut *data security* ataupun maklumat-maklumat sepertimana Yang Berhormat Selayang sebutkan tadi itu, itu adalah perkara-perkara yang kita ambil perhatian dan memang perkara itu adalah penting. Dengan kata lain juga, kalaulah ia digunakan untuk *data analytics*, ia digunakan dalam bentuk *anonymize*. Ia tidak mendedahkan butiran-butiran pesakit itu secara khusus.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah sistem EMR ini akan diguna pakai oleh sektor pengamal perubatan alternatif juga? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita boleh bayangkan, cita-cita saya adalah untuk mengintegrasikan keseluruhannya, bukan sahaja pihak awam bahkan hospital dan klinik swasta. Itu cita-cita saya. Sebahagian daripada apa yang kita lakukan dalam KKM adalah mengintegrasikan apa yang diistilahkan sebagai T&CM ataupun *traditional and complementary medicine* yang telah pun kita izinkan beramal dan mengadakan perkhidmatan mereka di beberapa hospital kita.

#### ■1100

Jadi, kesemua itu mampu ataupun bersedia kita pertimbangkan dan ia mesti memenuhi beberapa syarat yang tidak semudah untuk kita dedahkan pada semua ataupun izinkan semua. Akan tetapi, kalaulah ia diizinkan dalam sistem EMR di seluruh

negara ini, ia mesti memenuhi beberapa syarat yang pastinya boleh kita persetujui bersama. Terima kasih.

*[Soalan No. 6 - Datuk Robert Lawson Chuat (Betong) tidak hadir]*

**7. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah rancangan kementerian dalam menyediakan lebih banyak kemudahan di kawasan tarikan pelancong di Empangan Kenyir, yang ketika ini masih kekal merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Terengganu. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM25.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi membiayai 23 projek pembangunan kemudahan pelancongan di negeri Terengganu. Peruntukan ini juga turut merangkumi pelaksanaan projek peningkatan kemudahan pelancongan di Pusat Perkhidmatan Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, Terengganu yang bernilai RM3.4 juta. Komponen projek yang telah disediakan menerusi projek ini adalah dataran, medan tempat letak kenderaan, ruang niaga berserta *gensets*, bekalan air, tandas dan wakaf.

Kementerian juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Terengganu dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membangunkan atau menaik taraf kemudahan pelancongan di Empangan Kenyir di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas sekiranya berpotensi untuk memastikan produk pelancongan di kawasan tersebut terus berdaya saing dan memberi faedah kepada masyarakat setempat serta ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah terima kasihlah kerajaan yang telah membelanjakan sebanyak RM25.6 juta untuk membangunkan kemudahan-kemudahan Tasik Kenyir. Persoalan saya, apakah kemudahan tersebut telah mampu untuk menarik pelancong-pelancong ke Tasik Kenyir kerana kemudahan yang sedia ada seperti Kenyir Resort telah pun ditutup dan pembinaan hotel baru yang dibina oleh Bina Puri masih berada dalam keadaan yang sakit. Jadi, dengan keadaan tersebut menyebabkan pelancong-pelancong enggan untuk datang ke Tasik Kenyir.

Apakah perancangan kementerian untuk mengadakan kemudahan untuk ibu bapa dan anak-anak seperti taman air, padang golf dan sebagainya di Tasik Kenyir untuk menarik pelancong-pelancong ke Tasik Kenyir? Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Terengganu. Memang kita *aware* tentang pembinaan hotel yang sedang mengalami masalah untuk disiapkan dan begitu juga dengan penutupan Lake Kenyir Resort. Namun begitu, kita melihat Tasik Kenyir ini mempunyai banyak potensi dan Tasik Kenyir ini merupakan salah satu kluster dalam *ecotourism* iaitu Ajil, Kuala Behrang dan Tasik Kenyir sebagai salah satu daripada tujuh kluster yang berada di Terengganu. Dalam Tasik Kenyir ini berpotensi kerana mereka mempunyai tarikan pelancong seperti *Kenyir Water Park, Kenyir Elephant Conservation Village, Elephant Rehabilitation Centre, Gua Bewah, Gua Taat, Kelah Sanctuary, Sekayu Waterfall* dan Gunung Gajah Terom.

So, juga kita di peringkat Tourism Malaysia, kami juga mengadakan media *family trip* baru-baru ini iaitu bulan Mac yang lepas iaitu program Ekspresi Media Tasik Kenyir. Kita bawa 22 orang *bloggers, local medias* untuk mereka mempromosikan lagi Tasik Kenyir di situ. Masalah hotel itu, *insya-Allah* kita tampung dengan banyaknya apa itu, saya lihat Majlis Daerah Hulu Terengganu juga memberi lesen-lesen kepada *houseboat* yang menjadi tarikan kepada pengunjung-pengunjung di Tasik Kenyir. Saya rasa itu dapat serba sedikit menampung kerana ia berbentuk *ecotourism*. Jadi, *houseboat is one of the attraction* dengan izin, di Tasik Kenyir. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita mengucapkan tahniah oleh pelbagai usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menarik pelancong dan penyediaan alat-alat ataupun persiapan untuk keselesaan para pelancong. Soalnya sekarang ialah penyelenggaraan. Banyak isu penyelenggaraan yang kita tengok menyebabkan hasil pelancongan tidak mendapat hasil yang lumayan sebagai mana yang menjadi *target*. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana kajian yang telah dibuat untuk memastikan pelaburan yang telah diberi ini memberikan impak yang besar kepada pelancongan? Adakah program yang sebagaimana yang telah disebutkan akan dibuat di Terengganu akan dibuat juga di negeri lain termasuk Kelantan? Minta penjelasan.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebenarnya, projek-projek yang dibina ataupun disiapkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya itu selalunya berbentuk *one-off*.



Apabila kita membuat sesuatu jeti umpamanya, satu infrastruktur ataupun fasilitet kemudahan pelancongan, kita akan serahkan penyelenggaraan itu kepada autoriti masing-masing, umpamanya Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Jabatan PERHILITAN dan sebagainya meminta kita untuk menyediakan beberapa infrastruktur tarikan pelancongan.

Jadi, dari segi penyelenggaraan ini adalah harus dibuat oleh pihak yang telah pun diserahkan. Baru ini kita serahkan dekat Setiu, satu projek. Jadi, pihak kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan jabatan persekutuan hendaklah mengambil alih dari segi penyelenggaraan itu sendiri. Memang kita akui bahawa kadang-kadang kita dapati bahawa beberapa tarikan pelancong mengalami masalah dari segi penyelenggaraan. Tandas tidak diselenggarakan dengan betul dan ini menjadi salah satu punca kenapa pelancong tidak mahu pergi ke suatu tempat itu.

Kita akui masalah ini dan kita harap sebab tanggungjawab pelancongan ini bukan hanya terletak dalam kementerian ini sahaja, tetapi seluruh *authority* dan semua pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan harus memainkan peranan masing-masing juga. *Synergize* untuk menarik pelancong ke negara kita dan juga tempat-tempat yang tarikan pelancong tadi. Terima kasih.

**8. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil pihak kementerian bagi meningkatkan kadar pengambilan pelajar luar bandar ke institut pendidikan MARA (IPMa) berdasarkan sasaran 8.7 peratus penyertaan pada tahun ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak awal penubuhannya, MARA telah mengutamakan pengambilan pelajar luar bandar dengan menyediakan peluang pendidikan dengan pencapaian secara lazim sebanyak 60 peratus pengambilan pelajar luar bandar setiap tahun.

Untuk tahun ini, untuk makluman Yang Berhormat, MARA telah menetapkan sasaran sebanyak 60 peratus pengambilan pelajar luar bandar dan bukan 8.7 peratus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Setakat Mei 2019 tahun ini, jumlah pengambilan pelajar luar bandar di institusi pendidikan MARA adalah sebanyak 64 peratus. MARA terus mengambil langkah-langkah proaktif bagi meningkatkan kadar pengambilan pelajar luar bandar ke institusi pendidikan MARA iaitu GIATMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), MARA Japan Industrial

Institute (MJII), German-Malaysian Institute (GMI), Universiti Kuala Lumpur (UNIKL), Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM). Antaranya menerusi media sosial dan *website* seperti FB Live di Facebook dan Instagram secara meluas.

MARA juga terlibat dalam aktiviti promosi seperti Karnival Pendidikan Tinggi Negara, Karnival Institusi Pendidikan MARA dan penawaran terbuka kepada penduduk luar bandar melalui Pusat Latihan GIATMARA di setiap Parlimen. Pelaksanaan sekolah angkat di negeri, daerah juga giat diadakan bagi menarik minat pelajar luar bandar terutamanya ke institusi TVET. Di samping itu, MARA juga bekerjasama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta komuniti FELDA untuk memberi penerangan mengenai peluang melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan MARA. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah sebarang pembaharuan ataupun penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak kementerian mengenai syarat penajaan bagi pelajar luar bandar khususnya daripada keluarga termiskin?

■1110

Contohnya, dari segi cadangan melonggarkan syarat-syarat kelayakan mendapat penajaan daripada empat kredit kepada tiga kredit bagi membolehkan lebih ramai lagi anak-anak di luar bandar ini berpeluang untuk menikmati pendidikan di kolej-kolej ataupun institusi pendidikan di bawah ITMA. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan itu. Sejak dahulu sampai sekarang memang seperti saya sebut tadi MARA telah mengutamakan kemasukan pelajar-pelajar daripada luar bandar. Oleh sebab itulah antara matlamat utama MARA ditubuhkan dahulu. Memang seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat, kita tidak boleh samakan cara buat penilaian kepada pelajar-pelajar daripada luar bandar dengan pelajar-pelajar daripada bandar. Jadi, memang sebagai contoh memang MRSM sebagai contoh, memang kita akan bagi kelonggaran sedikit untuk pelajar-pelajar daripada luar bandar bila buat penilaian sama ada mereka layak dapat tempat atau tidak. Jadi, memang ada perbezaan itu dan inilah dibuat secara proses menggunakan *database* dan sistem komputer. Jadi, memang secara prinsip kelonggaran itu ada dan akan terus diamalkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menjawab tadi bahawa ada kelonggaran diberikan iaitu perkataan agak subjektif. Kita minta supaya kementerian menetapkan, paling tidak kuota, minimum *65 percent must come from rural family*. Jadi, bila kita ada *65 percent* itu kita tahu, maknanya *only certain percentage* yang akan diberikan kepada orang-orang di luar daripada bandar, *the rest* mesti desa dan luar bandar. Saya ingat harus ada satu ketetapan yang harus diletakkan oleh kementerian supaya rakyat lebih yakin bahawa ini bukan subjektif tetapi lebih definitif. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih kepada rakan saya daripada Sungai Petani atas cadangan itu yang mana memang kita setuju. Oleh sebab itu, dalam jawapan pertama tadi yang saya baca tadi, saya sudah sebut daripada dahulu MARA sudah sasarkan lebih kurang 60 peratus dan itulah pencapaian kita pada tahun-tahun dahulu. Untuk tahun ini juga seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya memang kita tetapkan 60 peratus dan saya sebut tadi pencapaian kita sudah melebihi, sudah sampai 64 peratus. Sekali lagi saya pakai MRSM sebagai contoh spesifik, satu antara beberapa institusi di bawah MARA. Tahun ini berbanding dengan tahun-tahun dahulu bila kita lihat pengambilan pelajar sudah beralih kepada dan lebih banyak pelajar daripada bandar masuk dengan sosio latar belakang yang dengan pendapatan lebih tinggi. Jadi, kita sudah ubah dasar dan menekankan bahawa pengambilan luar bandar. Untuk tahun ini untuk maklumat Yang Berhormat Sungai Petani, untuk pengambilan MRSM sebagai contoh, kita sudah sampai ke lebih kurang dua per tiga pengambilan daripada luar bandar. Jadi, memang kita setuju dengan itu dan ini memang diamalkan. Sekian, terima kasih.

**9. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faktor yang menyumbang kepada fenomena di mana lebih 50% daripada rayuan permohonan status pelarian di "Australian Administrative Appeals Tribunal" (AAT) antara 2017-2018 adalah dari rakyat Malaysia serta adakah terdapat usaha dari kerajaan untuk meneliti isu ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** Terima kasih. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, diucap ribuan terima kasih pada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri sedia maklum akan peningkatan jumlah permohonan bagi menetapkan visa perlindungan (*protection visa*) atau status pelarian oleh warga Malaysia daripada Kerajaan Australia seperti yang dilaporkan oleh, dengan izin Tuan

Yang di-Pertua, *Australian Administrative Appeals Tribunal* (AAT). Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, ramai rakyat Malaysia membuat permohonan visa perlindungan sebagai salah satu cara untuk terus menetap lebih lama di Australia. Bagi tempoh Julai 2018 hingga April 2019, sebanyak 4,973 permohonan telah diterima oleh (AAT) daripada warganegara Malaysia. Terdapat beberapa faktor tarikan yang menyebabkan rakyat Malaysia ingin menetap lebih lama di Australia.

Pertama, sistem Imigresen Australia yang agak terbuka, di mana ia membolehkan mana-mana warganegara memohon visa perlindungan di bawah seksyen 36(2A), Akta Migrasi 1958 Australia. Seseorang boleh memohon visa perlindungan sekiranya ia merupakan seorang pelarian. Di bawah seksyen 36(2), sekiranya terdapat sebab dan bukti kukuh bahawa terdapat bahaya yang signifikan sekiranya pemohon pulang ke negara asal. *Significant harms* termasuk ancaman kepada nyawa, pelaksanaan kepada hukum mati, penderaan serta layanan hukuman yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Seksyen 36(4) pula menyatakan bahawa Australia bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada pemohon yang bimbang akan penganiayaan terhadap dirinya atas faktor bangsa, agama, fahaman politik, kewarganegaraan, dan keanggotaan dalam mana-mana organisasi di negara asal. Ini selaras dengan tanggungjawab Australia sebagai negara yang telah menandatangani konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 pada tahun 1954. Dalam hal ini, kebanyakan rakyat Malaysia yang memohon visa perlindungan telah mengemukakan perbagai alasan antaranya:

- (i) tekanan keluarga;
- (ii) diskriminasi kaum, bangsa, agama;
- (iii) LGBT; dan
- (iv) penderaan domestik.

Faktor kedua, prosedur permohonan visa perlindungan yang murah dan mudah dengan kos yang berharga hanya AUD35 ataupun bersamaan dengan RM100. Setelah mendapat visa perlindungan pula, pemegang visa boleh terus menetap di Australia selama lima tahun dan visa ini boleh diperbaharui tanpa had masa. Ketiga, kepelbagaian jenis visa Australia membuka ruang kepada warga asing menetap lebih lama di Australia. Sebagai contoh, pemegang *bridging visa* boleh tinggal di Australia selama mana proses permohonan visa jenis lain seperti visa perlindungan masih berjalan. Keempat, program penghijrahan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Australia sejak

tahun 1945 yang bertujuan memenuhi keperluan tenaga buruh telah menarik minat lebih ramai lagi rakyat Malaysia untuk berhijrah ke negara tersebut. Kelima, pesalah-pesalah Imigresen dikenakan hukuman yang ringan, di mana mereka akan dihantar pulang ke negara asal dengan segala kos penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Australia. Keenam, ramai rakyat Malaysia tertarik dengan peluang pekerjaan gaji lumayan dan taraf hidup yang lebih selesa di Australia.

Selanjutnya, sistem pendidikan Australia yang bertaraf antarabangsa juga mendorong ramai rakyat Malaysia berhijrah dan menetap di Australia bagi peningkatan kualiti hidup keluarga mereka dalam jangka masa panjang berbanding di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak pernah menindas atau menganiaya rakyat atas faktor bangsa, agama, kerakyatan atau pegangan politik mereka. Malah, perlindungan hak asasi manusia rakyat dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Kerajaan Malaysia. Pakatan Harapan juga sememangnya komited dalam memastikan hak-hak asasi manusia dijamin dan sentiasa dilindungi di negara ini. Tindakan rakyat Malaysia yang membuat permohonan visa perlindungan daripada Kerajaan Australia atas dakwaan bahawa terdapat ancaman bahaya ke atas mereka jika pulang ke Malaysia wajar dilihat sebagai alasan dan justifikasi untuk terus dibenarkan menetap di negara tersebut.

Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa Australia dalam memantau permohonan visa perlindungan dan status pelarian oleh rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

#### ■1120

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang jelas bahawa permohonan rakyat Malaysia terhadap visa perlindungan ini lebih kepada dorongan faktor ekonomi. Akan tetapi bila dikaitkan dengan - antara alasan yang diberi sebagai diskriminasi kaum yang terdapat di Malaysia merupakan satu perkara yang harus dilihat oleh kementerian, apatah lagi negara kita negara berbilang kaum. Jika faktor diskriminasi kaum tidak ditangani secara baik oleh Kementerian Luar Negeri tentu akan memudaratkan imej Malaysia di negara luar terutama di Australia. Apa tindakan lanjut yang dibuat oleh kementerian terhadap isu ini?

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini agak sukar untuk kita hendak kawal kerana kebanyakan daripada mereka ini pergi ke Australia atas dasar sebagai pelancong di mana mereka sudah berada di Australia,

macam mana Bangladesh datang ke sini juga Yang Berhormat. Mereka buang pasport, mereka kata mereka pelarian. Jadi, inilah yang menjadi masalah sukar untuk Kementerian Luar Negeri memantau perkara ini dan mereka ini cuba memberi alasan untuk mendapat perlindungan.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Luar Negeri akan terus bekerjasama dengan Imigresen dan juga KDN untuk memastikan bahawa segala laporan yang mereka beri ini adalah tidak tepat sama sekali. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan apakah tindakan atau perbincangan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia dengan kerajaan Australia? Ini kerana apabila alasan-alasan yang diberi oleh *refugee* ini terhadap Malaysia, ia akan menghilangkan kredibiliti negara kita.

Keduanya, bagaimana kerajaan Malaysia dalam mengambil serius tentang penubuhan NGOs yang berada di luar negara, yang memburuk-burukkan Malaysia. Sebagai contoh, *Sabah Sarawak Rights–Australia New Zealand* yang telah diwujudkan pada tahun 2017 dan didaftarkan di bawah *Consumer Affairs Victoria* pada tahun 2017 yang sama. Jadi, saya lihat perkembangan dalam *website* SSRANZ ini merupakan satu perkara yang seolah-olahnya menidakkan peranan negara kita. Minta komen Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat. Merujuk kepada NGO luar negara yang mengkritik negara ataupun cuba mempropagandakan isu-isu dalam negara, adalah amat sukar bagi kita kerana ia tidak termaktub di dalam undang-undang negara kita. Ini kerana ianya di luar. Akan tetapi, kalau sekiranya itu adalah datang daripada rakyat Malaysia sendiri dan kalau ada laporan polis, saya rasa kemungkinan besar KDN akan mengambil tindakan sekiranya dia pulang ke negara ini.

Jadi, berkenaan dengan imej negara kita di Australia memang agak sukar seperti saya jawab tadi. Oleh sebab mereka ini bila sampai di sana, mereka memberi alasan yang pelbagai untuk mendapatkan perlindungan di negara Australia. Ini adalah kerana peruntukan undang-undang yang ada di Australia membenarkan mereka untuk membuat permohonan. Dalam masa yang sama, kita juga akan memantau dan akan berinteraksi dengan Australia supaya memastikan bahawa segala mesej yang disampaikan itu dapat dikemukakan kepada kita sebelum mengeluarkan apa-apa visa kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

**10. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan dan perancangan pihak kementerian untuk mengawal harga perumahan yang semakin meningkat dan tidak mampu dibeli oleh mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat, secara umumnya peningkatan harga rumah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah harga tanah, kos bahan binaan, kos bahan mentah, kos pematuhan serta caj premium tanah dan juga caj sumbangan utiliti yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan utiliti serta kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.

Antara usaha yang telah diambil oleh KPKT bagi menangani isu harga rumah adalah bagi pembeli rumah pertama bernilai RM500,000, kerajaan akan memberi pengecualian duti setem sehingga RM300,000 yang pertama ke atas surat cara pindah milik perjanjian dan pinjaman bagi tempoh dua tahun iaitu Disember 2020.

Kerajaan juga telah mengumumkan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembeli rumah pertama berharga antara RM300,000 sehingga RM1 juta berkuat kuasa bagi tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2019 melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC). Untuk makluman yang terbaru, kempen HOC ini dilanjutkan lagi untuk enam bulan sehingga 31 Disember 2019 atas sambutan yang amat baik.

Melalui kempen HOC ini juga pemaju akan menawarkan potongan diskaun 10 peratus ke atas harga hartanah kediaman projek sedia ada. Kerajaan juga telah mengumumkan pengecualian SST bagi perkhidmatan pembinaan dan bahan binaan. Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) juga telah bersetuju untuk mengurangkan 10 peratus harga rumah untuk projek baru bagi unit rumah yang tidak tertakluk pada kawalan harga. Kerjasama dengan Kementerian Kerja Raya supaya kaedah pembinaan melalui Sistem Bangunan Berindustri (IBS) ditambah baik agar kos permohonan dapat dikurangkan dengan tidak mengabaikan standard kualiti perumahan.

Penetapan kategori rumah berdasarkan pendapatan mengikut kawasan iaitu bandar dan luar bandar serta jenis rumah juga diadakan. Sasaran penyediaan satu juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun di antara tahun 2018 hingga tahun 2028 juga telah diadakan.

Selain itu, langkah sedia ada bagi mengekang kenaikan harga rumah akan terus dilaksanakan iaitu mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketulusan harga jualan

harta tanah secara terperinci termasuk semua manfaat insentif yang bakal diberikan kepada pembeli.

Kedua, kerajaan akan memperkenalkan cukai keuntungan harta tanah ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun keenam dan tahun seterusnya seperti yang telah dinyatakan.

Selain daripada itu, KPKT juga sedang mengadakan konsultasi dan perbincangan berterusan dengan pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk mengkaji dan menetapkan kaedah terbaik supaya pelaksanaan projek perumahan terutamanya projek rumah mampu milik dapat diberikan kelulusan atau pencarian khas seperti pengurangan caj premium tanah yang dikenakan oleh kerajaan negeri.

Penyediaan tapak yang strategik oleh pihak kerajaan negeri bagi pembinaan rumah mampu milik dan pengecualian atau pengurangan caj sumbangan utiliti di mana pembekal perkhidmatan utiliti seperti TNB, Telekom dan IWK menyediakan sendiri kemudahan utiliti di kawasan perumahan tersebut. Oleh itu, usaha ini diharap dapat membantu mengurangkan kos pembinaan dan pembangunan projek perumahan dan secara tidak langsung menurunkan harga rumah di pasaran yang seterusnya dapat membantu kerajaan dan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu lebar sekali. Namun begitu, saya ingin bertanya memandangkan pada masa ini pemaju-pemaju perumahan lebih banyak mendirikan rumah yang kosnya melebihi RM200,000 berbanding dengan kemampuan penduduk setempat, adakah kerajaan merancang keperluan perumahan negara berdasarkan taburan pendapatan isi rumah setempat? Satu lagi, apakah status pelaksanaan projek Mesra Rakyat? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Ya, memang pemaju-pemaju rumah swasta menumpukan di sektor yang agak lebih tinggi iaitu RM200,000 hingga RM700,000 atau RM800,000. Akan tetapi pihak KPKT memberi satu tumpuan khusus pada rumah mampu milik di bawah harga RM300,000. Inilah yang merupakan *target* yang kita beri satu penumpuan khusus. Bukan sahaja KPKT telah mengeluarkan satu Dasar Perumahan Negara baru, tetapi kita adakan satu Dasar Perumahan Rumah Mampu Milik Negara khusus untuk menangani masalah tersebut.

Di sinilah letaknya usaha-usaha untuk kita memastikan golongan ini akan diberi satu keistimewaan dari segi tumpuan. Bukan sahaja dari segi untuk cuba mengurangkan



atau mengawal kos rumah mampu milik, tetapi juga untuk membantu mendapatkan pinjaman atau kelulusan *bank loan* yang kita faham diadakan dalam satu situasi yang agak *very strict* dengan izin. Kita juga telah mencari beberapa alternatif supaya pinjaman boleh didapati dengan lebih senang melalui cara-cara atau skim-skim lain yang kita mulai *introduce* kepada sektor mampu milik.

■1130

Itulah di antara usaha kita untuk memberi keselesaan di bawah kategori Rumah Mampu Milik dan di bawah kategori yang sama dengannya, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan atas lanjutan masa enam bulan lagi untuk HOC yang saya percaya ia satu kempen yang wajar, satu langkah, satu tindakan yang wajar.

Cuma persoalan saya, apakah kempen HOC tersebut benar-benar dapat memberikan manfaat kepada pembeli rumah? Oleh sebab walaupun ada pengurangan dan sebagainya, apakah dalam enam bulan yang pertama pemantauan daripada KPKT sendiri, semua pemaju telah mematuhi syarat yang telah ditetapkan di bawah kempen HOC ataupun ada terdapat pemaju yang masih gagal? Sekiranya ada, apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemaju-pemaju terbabit? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang dikatakan, kita telah melanjutkan tempoh sesi ini kepada akhir tahun ini kerana sambutan yang baik. Dengan itu sendiri, menggambarkan atau memberi gambaran yang sambutan amatlah baik dan berjalan dengan agak selesa. Kita memang sentiasa memantau kempen ini berjalan mengikut matlamat yang dikehendaki dan pemaju-pemaju tidak lari daripada garis panduan yang telah diberi untuk mereka laksanakan bagi manfaat rakyat. Seperti yang kita tahu, kos boleh kita cuba kawalkan tetapi untuk mendapat pinjaman merupakan salah satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh mereka yang berhasrat untuk memiliki rumah pertama mereka.

Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini 1,144 unit telah dijual dengan nilai jualan RM650 juta. Di sinilah letaknya kesungguhan kami untuk mencari sistem kewangan selain daripada sistem bank konvensional biasa, kami juga telah mengadakan beberapa perbincangan dan telah berjaya untuk menyediakan skim melalui syarikat *finance*, dengan izin. Ini memberi kelonggaran yang lebih selesa untuk mereka yang telah ditolak permohonan. Oleh itu, di sektor perbankan *rejection rate*, dengan izin setinggi 60 peratus hingga 70 peratus. Saya berharap dengan skim baru ini,

keadaan tersebut dapat diubah dengan secepat mungkin dan sebaik mungkin, *insya-Allah*. Terima kasih.

**11. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia mempunyai hasrat untuk menghentikan urusan tambah nilai kad *Touch n Go* di Kompleks *Customs, Immigration and Quarantine (CIQ)* di Kompleks Bangunan Sultan Iskandar untuk menolong menyelesaikan masalah kesesakan di Tambak Johor.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia prihatin dengan masalah kesesakan di pintu-pintu masuk negara khususnya di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (PSI), Johor Bahru yang antara lain dikatakan berpunca daripada perkhidmatan tambah nilai kad *Touch n Go*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkhidmatan tambah nilai ini telah ditamatkan khususnya di dalam CIQ BSI. Langkah ini merupakan salah satu daripada cadangan penyelesaian *quick win* yang dilaksanakan dalam menangani isu ini. Walau bagaimanapun, pihak PLUS menyediakan *runner* untuk membantu pengguna yang mengalami masalah baki kurang sahaja. Selain daripada itu, bagi mengatasi masalah baki kurang di lorong, pihak PLUS bersama-sama Touch n Go Sendirian Berhad sedang dalam fasa pelaksanaan sistem pembayaran digital melalui *Touch n Go, PayDirect*

*PayDirect* ialah kaedah pembayaran tol menggunakan kad *Touch n Go* di mana kadar tol ditolak menerusi aplikasi *Touch n Go, eWallet*. Pelanggan boleh menambah nilai *eWallet* tersebut serta-merta di mana-mana sahaja melalui aplikasi *eWallet*. Sistem *PayDirect* ini telah mula diguna pakai pada 1 Julai 2019 iaitu kelmarin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas perhatian yang diberikan terhadap kesesakan di Tambak Johor. Tahniah kepada *Touch n Go* atas inisiatif *PayDirect*. Apa yang berlaku sekarang ini, memang benar untuk tambah nilai tidak lagi boleh dilaksanakan di jalan masuk tetapi penggunaan *runner* ini sebenarnya menimbulkan satu lagi masalah apabila terdapat setiap hari sekitar 1,000 buah kereta sehingga 2,000 buah kereta yang tidak cukup nilai dan terpaksa menggunakan khidmat *runner*.

Masalah utamanya, kebanyakan mereka ini pemandu daripada Singapura. Jadi pemahaman mereka menggunakan *Touch n Go* ataupun penyediaan mereka ini agak kurang. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, mungkin ada dua jalan. Pertama, adakah kita boleh mengenakan tindakan yang lebih tegas seperti mana Singapura mengenakan tindakan yang tegas terhadap mereka yang tidak cukup *EZ-Link*? Kita apabila *Touch n Go* ini mungkin kita boleh kenakan denda yang lebih tegas kepada mereka yang tidak cukup nilai.

Kedua, saya difahamkan kalau *Touch n Go* pun ada kerjasama dengan *EZ-Link* mahu *develop* satu kad yang boleh diguna pakai di Johor dan di Singapura dipanggil *combination card*. Akan tetapi sementara menunggu kad itu siap, adakah kita boleh membenarkan bayaran itu dibuat menggunakan kredit kad ataupun kad-kad yang lain? Supaya tiada alasan untuk mereka ini mencari ataupun melambatkan pergerakan kereta. Kalau 2,000 buah kereta yang menggunakan khidmat *runner* ini, kalau satu kereta ambil masa tiga minit hingga empat minit, bayangkan berapa banyak kereta ini yang menyebabkan kesesakan di Tambak Johor. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat atas maklumat yang terkini mengenai kesesakan di Tambak Johor. Saya akan mengambil kira dan akan menyiasat isu ini sekali lagi dan kita terima baik apa sahaja cadangan yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Johor Bahru bukannya tambah nilai sahaja, *auto reload*-lah. Sepatutnya tanya bila tol hendak hapus?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit soalan tambahan. Tol ini Tuan Yang di-Pertua, sudahlah kita tidak hapus tidak mengapa. Sekarang ini masalah pengguna ialah kita hendak buat *reload* ini Tuan Yang di-Pertua, *smart tag* pun tidak boleh dapat sekarang. Kerajaan sepatutnya tengok dan tanya, mana kita hendak beli *smart tag*? *Smart tag* pun tidak dijual. Kemudian dibuat *apps E-Wallet*. *E-wallet* tidak boleh pakai di semua tol. *Why don't you synchronize our apps and system* untuk kemudahan semua rakyat? Tol sudah tidak hapus, kemudahan disekat. Jadi bagaimana pembelaan kepada rakyat dapat kita teruskan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.  
[Disampuk]

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Seperti mana yang saya telah katakan tadi, ini adalah maklumat yang saya terima baru-baru ini. Kita akan

meneliti semua ini dan kita akan mengatasi masalah ini dengan semua cadangan positif. Terima kasih dengan cadangan itu. Terima kasih.

**12. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan taman-taman negara.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong di atas soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah pun memperuntukkan sebanyak RM51 juta untuk melaksanakan projek pembangunan di taman-taman negara di seluruh Malaysia seperti berikut:-

- (i) peningkatan kemudahan pelancongan Projek Pembangunan di Taman Negara Niah, Miri, Sarawak sebanyak RM3.4 juta;
- (ii) Projek Pembangunan Eko Pelancongan di Taman Negara Kuching Wetlands (KWNP) Kuching, Sarawak sebanyak RM1.1 juta;
- (iii) pembangunan kemudahan Eko Tourism di Taman Negara Santubong, Kuching, Sarawak sebanyak RM2.9 juta,
- (iv) peningkatan kemudahan pelancongan di Burlington Taman Kinabalu, Ranau Sabah sebanyak RM12 juta,
- (v) pembinaan sistem saliran air dan pembinaan loji kumbahan najis di Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Sabah sebanyak RM5.4 juta;

■1140

- (vi) Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kawasan Layang-layang Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Ranau, Sabah sebanyak RM13.8 juta;
- (vii) Projek Membaiki Kemudahan Pelancongan di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang sebanyak RM0.5 juta;
- (viii) Projek Pembangunan *Ecotourism* di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut, Pahang sebanyak RM4.2 juta;
- (ix) Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Sungai Tukun, Taman Negara Pulau Pinang sebanyak RM2.5 juta; dan

- (x) Pembangunan *Ecotourism* Taman Negara Pulau Pinang sebanyak RM5.1 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan semua kerajaan negeri dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan ataupun dinaik taraf. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Terima kasih di atas maklumat mengenai peruntukan-peruntukan yang ada. Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu juga—adakah sedar mengenai di mana produk pelancongan ini melalui taman-taman negara ini adalah salah satu dari produk yang banyak menjanakan pendapatan kepada negara kita, maka ada perlu untuk kita melihat. Kalau kita menaik taraf pun, kita melihat dari segi pengisiannya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kalau dari segi pengisiannya itu menjadi satu faktor yang boleh menarik minat orang ramai untuk datang kepada sesuatu tempat itu terutama sekali satu-satu negeri itu, jadi saya hendak mengetahui, bagaimana dari segi pemilihan keutamaan yang diberi kepada *content* dari segi penaiktarafan itu. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Memang benar, Yang Berhormat. Atas apa yang dibangkitkan tadi iaitu kebanyakan pelancong yang datang untuk ke taman-taman negara ini ialah kerana mereka ingin *experience* ataupun mengalami. Mereka bukan hanya datang untuk melihat atau *sightseeing* tetapi *experience* adalah satu faktor penting dalam *tourism*.

Jadi oleh sebab itu, kita banyak mempunyai program menaik dan membangunkan beberapa ejen pelancongan ataupun malim ataupun *tourist guide*, *nature guide* yang kita *train*, yang kita latih mereka untuk mereka sendiri membawa pelancong-pelancong itu melalui portal ataupun *websites* mereka. Jadi memang penting mereka adakan aktiviti bukan hanya melihat tetapi aktiviti yang berkait rapat dengan taman-taman negara seperti *canoeing*, seperti *jungle trekking*, seperti *kayaking* dan juga menggunakan beberapa *zipline* contohnya yang berkait rapat dengan aktiviti, berkait dengan taman negara itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Taman laut dan taman negara memang banyak. Maksudnya peruntukan dan sebagainya tetapi saya

ingin juga mengetahui apakah perancangan ataupun peruntukan yang boleh disalurkan untuk memulihara kawasan Taman Negara Marin sebagaimana yang berada di Sibuti, Sarawak dan juga tempat-tempat yang berpotensi bukan hanya terletak di bawah kawal selia ataupun di bawah peruntukan di kementerian lain-lain?

Akan tetapi saya juga minta sebab sangat berpotensi di dasar laut, terumbu karang, tempat ini juga perlu dijaga, perlu diberikan perhatian agar potensi *scuba diving* dan sebagainya dapat memberikan pulangan yang baik kepada negara. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan tentang *marine park*. Memang benar, *marine park* juga merupakan tarikan pelancong terutama sekali mereka yang daripada dalam dan luar negara. Saya melihat memang potensi untuk dibangunkan dan juga untuk diselenggarakan *marine parks* ini.

Namun begitu, kita juga terikat dengan *carrying capacity* yang mana kita tidak mahu *over tourism* yang boleh mengakibatkan beberapa pencemaran berlaku di beberapa *marine park* ini. Kita bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk membangunkan lagi serta menyelenggarakan projek-projek *marine park* ini. Jikalau ada maklumat tambahan tentang *marine park* ini, saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**13. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar kementerian dalam menentukan struktur fi untuk pengamal perubatan swasta di klinik swasta. Adakah kementerian akan menyelaraskan fi pengamal perubatan swasta di hospital yang telah diluluskan pada tahun 2013.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Klang. Kos rawatan pesakit di hospital dan klinik swasta adalah terdiri daripada fi perundingan dan tatacara dengan izin, *procedures* serta lain-lain kos hospital dan klinik.

Fi perundingan dan tatacara di hospital swasta adalah dipantau berpandukan Jadual Ketiga Belas – Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 di bawah Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Jadual ini menetapkan harga siling atau had maksimum untuk fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara *procedures* pengamal perubatan atau pergigian swasta. Manakala untuk klinik swasta pula, fi profesional yang dikenakan untuk peruntukan perundingan dan tatacara perubatan adalah di bawah Jadual Ketujuh – Peraturan-peraturan Kemudahan

dan Perkhidmatan Swasta 2006. Jadual ini memperuntukkan fi profesional dalam julat fi yang diselaraskan.

Dengan mengawal fi profesional melalui kedua-dua jadual ini, rakyat akan dilindungi daripada dikenakan caj perkhidmatan kesihatan yang terlampau tinggi. Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal caj bagi penginapan, caj tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (*disposable*), jarum, picagari dan sebagainya, caj ujian makmal dan caj ubat-ubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Klang, bagi menyelaras fi pengamal perubatan swasta, KKM mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh pengamal perubatan am swasta di klinik swasta yang berdepan dengan kos kenaikan dalam memberikan perkhidmatan perubatan kepada rakyat.

Di dalam mempertimbangkan cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan am swasta ini, KKM telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak. Selain daripada pengamal perubatan am swasta, KKM juga telah mendapatkan pandangan daripada persatuan-persatuan pengguna dan majikan-majikan daripada pelbagai sektor industri yang mana kita adakan sesi *townhall* yang melibatkan pengamal perubatan am swasta dan pihak-pihak berkepentingan pada 27 Ogos yang lalu. Terdekat kita juga adakan sesi *townhall* bersama pengamal-pengamal perubatan am swasta pada 11 Jun yang lalu di mana 836 turut hadir. Persatuan-persatuannya adalah MMA, MPKM, PERDIM, FPMPAM dan sebagainya.

Cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan am swasta ini telah pun diangkat ke Jemaah Menteri pada 24 April 2019 baru-baru ini untuk persetujuan. Susulan daripada itu, Jemaah Menteri telah meminta agar cadangan ini dibincangkan terlebih dahulu dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara sebelum sebarang keputusan dibuat secara muktamad. Terima kasih, Yang Berhormat Klang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Isu berkaitan dengan fi klinik swasta ini telah berlarutan panjang sekali, mungkin dua tahun. Saya diberitahu oleh beberapa kumpulan berkepentingan bahawa sehingga hari ini 300 klinik telah ditutup dan kalau kerajaan tidak membuat apa-apa keputusan dalam masa yang pendek, maka 600 klinik berkemungkinan akan ditutup juga.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah bilakah perbincangan ini ataupun bilakah keputusan muktamad akan dibuat supaya dapat menyenangkan industri ini. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Klang. Saya sangat memahami dan telah pun membentangkan dengan segala keupayaan saya dalam Majlis Jemaah Menteri akan kedudukan dan posisi pengamal-pengamal am swasta, klinik swasta ini. Kita sudah di peringkat membentangkan kepada Majlis Kos Sara Hidup dan sedikit waktu lagi saya akan dapat membentangkan perkara ini dan *insya-Allah* akan diadakan— diputuskan sebelum kita kembali membentangkannya di Majlis Jemaah Menteri.

Adapun nota yang disebutkan oleh Yang Berhormat Klang sebentar tadi, benar kalau kita perhatikan penutupan-penutupan klinik swasta ini tetapi yang saya semak-semak tengok kalaulah masalah ekonomi atau masalah-masalah selainnya termasuklah perpindahan premis dan urusan itu, saya perhatikan daripada jumlah contohnya, daripada jumlah sehingga kini, 889 jumlah yang tutup daripada 2015 sehingga 31 Mei 2019. Saya perhatikan 115 sahaja yang bersabitan dengan sebabnya ekonomi ya. Dengan kata lain, 13 peratus adalah sebabnya ekonomi maka klinik tutup ya, dan bukan segalanya. Terima kasih Yang Berhormat Klang.

#### ■1150

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita faham bahawa Yang Berhormat Menteri telah membuat konsultasi dengan pelbagai pihak. Cuma, kita hendak ingatkan sekali lagi bahawa elemen penutupan kedai atau klinik swasta, ia berkait rapat dengan kegiatan orang tengah, orang ketiga ini, *manage health care* ini, yang tentulah ubat harga sudah naik. Akan tetapi, *manage health care* ini mengundang masalah apabila mereka mengenakan caj tambahan kepada klinik swasta yang menyebabkan mereka terpaksa naikkan harga barang. Jadi Yang Berhormat Menteri mesti melihat perkara ini selain daripada melihat ada berapa banyak klinik yang ditutup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Tenggara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara itu ada sedikit sebanyak sumbangan dalam menyukarkan dan menyulitkan lagi pengurusan klinik-klinik swasta ini. Kami telah berbincang dengan sangat baik dalam *townhall engagement* baru-baru ini dan perkara itu juga telah kita susuli dengan persoalan TPA ataupun *third party*



*administrators* ataupun MCOs, *managed care organization* itu dan kita akan merumuskan salah satu tindakan yang *actionable plan* telah kita putuskan bersama dan saya yakin perkara ini akan dapat ditangani dengan lebih baik kerana kita telah memutuskan tindakan-tindakan untuk ke depan nanti. Antara lainnya adalah untuk kita adakan *common agreement* di mana semua itu akan tertakluk kepada satu yang lebih bersifat standard dan kita adakan piawaian supaya mereka tidak *compromise*, dengan izin, atau tidak terkorban dalam istilahnya dengan peranan ataupun *third party administration* ini ya. Baik, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi. Penting. Fi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai doktor kan? Silakan, silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang dimohon oleh *GPs* atau pengamal perubatan am ini bukan kenaikan sebenarnya. Pada tahun 2013 dalam PHFSA telah menaikkan fi daripada RM10 kepada minima RM30 untuk GP di hospital swasta. Sekarang ini GP yang ada di Malaysia ini memberikan *charging* RM10 selama 27 tahun *since 1992*. Jadi apa yang dimohonkan, Yang Berhormat Menteri, sebenarnya adalah *harmonization of fee* yang telah disetujui oleh KKM pada tahun 2013 tetapi tidak dinyatakan dalam Jadual Ketujuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tidak digazet.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ya, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat. Apa yang dibangkitkan itu adalah banyak ataupun ada kebenarannya. Yang dimaksudkan adalah penyelarasan. Ketika mana *the 13<sup>th</sup> Fee Schedule* dibentangkan dahulu, ia tidak melibatkan *GPs* swasta kerana *the 13<sup>th</sup> Fee Schedule* adalah bersangkutan hanya kepada *GPs DMOs* dalam hospital-hospital swasta.

Jadi apa yang disebutkan penyelarasan ataupun *harmonization* itu sepertimana yang saya telah bantangkan kepada Majlis Jemaah Menteri adalah satu yang sebenarnya bersifat hanya *harmonization*. Jadi dengan cadangan daripada RM10 hingga RM35 itu— cadangannya adalah untuk kenaikan RM30 hingga RM125 itu satu yang bersifat *harmonization* dan bukan satu yang sebenar-benarnya satu kenaikan. *To harmonize with 13<sup>th</sup> Fee Schedule, the 7<sup>th</sup> Fee Schedule must be put in place*. Terima kasih Yang Berhormat.

**14. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah usaha-usaha terkini yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam membendung masalah banjir kilat yang kian meningkat di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah banjir kilat yang semakin meningkat memerlukan penglibatan dan bidang kuasa pelbagai kementerian dan agensi seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga kerajaan negeri.

Untuk makluman, kita sekarang ini ada 381 *hotspot* di seluruh Malaysia iaitu kawasan yang bermasalah tentang banjir kilat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan pekeliling berhubung syor kawalan pembangunan di kawasan banjir kepada pihak berkuasa tempatan untuk memperkukuhkan tahap kesediaan mereka dalam menghadapi masalah banjir di kawasan masing-masing seperti berikut.

PBT perlu mematuhi keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Februari 2000 di mana mereka harus memastikan pemaju projek mengemukakan pelan topografi yang jelas menunjukkan sistem semula jadi yang sedia ada sebelum pembangunan diluluskan. PBT juga perlu menggunakan pakai pelan *photo remote sensing*, dengan izin, bagi kawasan yang sering mengalami banjir. Perkara ini boleh diperolehi daripada agensi-agensi yang memang ditugaskan untuk mengumpulkan data-data itu seperti JPS. Ini dapat mengelakkan kelulusan pembangunan di kawasan yang sering dilanda banjir.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT telah menyediakan undang-undang garis panduan dan pekeliling berkaitan dengan kawalan pembangunan sebagai panduan kepada PBT. Ia bertujuan untuk memastikan projek pembangunan termasuk projek perumahan yang dibangunkan tidak akan mengakibatkan bencana seperti banjir kilat di kawasan sekeliling. Selain itu, peraturan tersebut mengambil kira aspek-aspek keselamatan, kesejahteraan awam dan kelestarian alam sekitar. Akta dan undang-undang kecil yang perlu dipatuhi oleh pemaju perumahan sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
- (ii) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dan
- (iii) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984).

Selain itu, PBT juga dinasihatkan tidak meluluskan apa-apa pembangunan di kawasan berisiko bencana. PBT perlu memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat agensi teknikal seperti JKR, JPS, JAS dan lain-lain yang berkaitan.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat, Manual Saliran Mesra Alam telah diperkenalkan oleh JAS bagi membuat kawalan di punca dalam pengurusan air larian hujan di negara ini. Pendekatan yang digunakan oleh MASMA adalah kaedah takungan, tahanan dan resapan bagi mengurang atau memperlahankan bebanan terus air atau *surface run out* ke sungai pada waktu puncak. Kaedah ini akan dapat mencegah atau mengurangkan risiko kejadian banjir kilat.

Itulah di antara yang telah disarankan oleh KPKT yang kami telah mengambil tindakan untuk menambah baik sistem saliran di kawasan PBT. Untuk tempoh Januari hingga Jun 2019, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.9 juta untuk melaksanakan 169 projek membina dan menaik taraf sistem longkang dan parit di kawasan PBT di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup lengkap. Soalan saya, apakah terdapat sebarang usaha oleh pihak kementerian untuk menambah lebih banyak lagi kolam tadahan banjir di Malaysia bagi mengatasi masalah banjir kilat? Juga, bagaimana pihak kementerian bertindak untuk mendidik masyarakat dari segi pembuangan sampah yang mungkin antara sebab banjir kilat? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan.

Pembinaan kolam tambahan untuk menangani isu banjir ini terpulang kepada *availability*, dengan izin, tanah-tanah yang boleh diberi oleh kerajaan negeri. Kita amat mengalu-alukan kalau ada kawasan-kawasan yang boleh dan sesuai untuk dijadikan kawasan untuk takungan air kerana ini dengan jauhnya adalah salah satu daripada sistem yang amat berkesan dan efektif. Kita amat berharap kerajaan akan lebih bekerjasama dalam memberikan tanah-tanah ini untuk tujuan tersebut.

Untuk mendidik rakyat untuk mengelak daripada tersumbatnya longkang-longkang yang berada di persekitaran kawasan bandar dan juga desa, saya rasa satu

kempen yang berterusan perlu diadakan di mana satu kesedaran yang menyeluruh perlu diwujudkan.

■1200

Salah satunya, mungkin berkaitan dengan perlunya kita mengawal pembuangan sisa-sisa terutamanya yang berasal daripada bahan plastik. Ini kerana ini adalah salah satu daripada masalah besar kerana ia tidak senang untuk dimusnahkan dengan cuaca dan sebagainya. Inilah di antara *challenges* yang kita hadapi untuk memberikan pendekatan yang lebih proaktif rakyat untuk memastikan tidak berlaku takungan air di kawasan-kawasan tersumbat, longkang dan saliran seperti yang kita dapati hari ini.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Selain daripada itu, saya rasa pemaju juga wajiblih membina kolam takungan dalam kawasan yang dimajukan seperti yang diminta supaya semua syarat untuk mencegah banjir kilat dapat ditangani dengan sebaik mungkin. *Insyallah*, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Kawasan Jelutong tidak asing daripada kejadian banjir. Jadi, saya ingin tahu cadangan Yang Berhormat Menteri yang begitu baik mengenai kolam tadahan. Adakah kementerian bercadang untuk mencari kolam tadahan di kawasan Jalan P. Ramlee, Jelutong. Kolam tadahan di bawah tanah, itu nombor satu. Keduanya, juga untuk kita meningkatkan lagi kempen mengurangkan plastik kerana kita lihat seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pembuangan sampah terutamanya plastik menyebabkan longkang-longkang tersumbat. Jadi, bolehkah kita menggalakkan kempen mengurangkan kegunaan plastik sebagai salah satu kempen untuk kita mengambil langkah mengurangkan kejadian banjir di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di Jelutong, di Jalan P. Ramlee? Saya minta kementerian memberikan perhatian kepada perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya rasa saya kena pergi ke Jelutong jugalah tengok kawasan, saya tidak begitu *familiar*. Akan tetapi, kita sangat mengalu-alukan tawaran untuk mengadakan kawasan takungan air kerana ini memang akan memberikan kesan jangka masa panjang yang baik. Kalau tidak sekarang pun, sekurang-kurangnya kita sudah ada *reserved* untuk mengadakan satu kawasan baharu apabila keadaan menjadi lebih meruncing.

Tentang kempen plastik, ini adalah suatu *current problem* dengan izin, yang kita hadapi. Inilah yang perlu kita tangani bersama di dalam banyak sektor, bukan hanya

satu kementerian. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sendiri perlu mengadakan kempen secara berterusan di mana ini merupakan satu boleh dikatakan universal *challenge* untuk semua pihak, bukan hanya di negeri atau negara, malahan di seluruh dunia. Saya rasa dengan kempen yang lebih menyeluruh, lebih *prominent* dan lebih panjang, kita dapat memberikan satu kesedaran bahawasanya plastik adalah satu ancaman bukan hanya pada alam sekitar, tetapi juga kesihatan dalam air minuman dan sebagainya. *Insyah-Allah* kita akan bersama-sama memastikan kempen berterusan untuk *awareness* akan diadakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu selesailah sesi soal jawab lisan. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat semua kerana hari ini kita dapat sampai ke soalan yang keempat belas walaupun saya berharap 15, 14 okeylah juga ya. Terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.03 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019, Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 di No. 1 dan No.2 seperti yang tertera di Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 3 Julai 2019.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

**[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.05 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat pindaan fasal dalam rang undang-undang yang melibatkan fasal 2, fasal 43, fasal 141, fasal 162 dan cadangan fasal baharu fasal 163 rang undang-undang serta keperluan untuk menubuhkan semula fasal 163 sehingga fasal 182 rang undang-undang yang sedia ada kepada fasal 164 sehingga fasal 183 masing-masing. Oleh sebab pindaan ke atas pindaan fasal ini akan saya terangkan seterusnya di peringkat Jawatankuasa.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) berperanan dalam mengawal selia pembangunan dan pentadbiran sistem harta intelek di Malaysia. Antara fungsi utama MyIPO adalah mentadbir dan menguatkuasakan perundangan harta intelek seperti perlindungan cap dagangan, harta cipta, paten dan lain-lain.

Bagi perlindungan cap dagangan, MyIPO mentadbir Akta Cap Dagangan 1976 iaitu Akta 175 yang telah diwartakan pada 24 Jun 1976 dan dikuatkuasakan pada 1 September 1983. Akta 175 telah digubal berasaskan kepada *United Kingdom Trade Marks Act 1938*. Selepas United Kingdom menandatangani perjanjian *TRIPS*, *United Kingdom Trade Marks Act 1938* telah dimansuhkan dan *United Kingdom Trade Marks Act 1994* diperkenalkan. Malaysia menandatangani perjanjian *TRIPS* pada tahun 1995 dan telah membuat pindaan tersebut terhadap peruntukan tertentu bagi mematuhi *TRIPS*. Akta 175 ini telah dipinda pada tahun 1994, tahun 2000 dan tahun 2002.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Secara keseluruhan, Akta 175 menyamai *UK Trade Mark Act 1938* yang telah dimansuhkan. Kali terakhir Akta 175 dipinda adalah bagi tujuan penyelarasan setelah Bahagian Harta Intelek di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjadi sebuah badan berkanun yang dinamakan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) melalui penguatkuasaan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 pada 3 Mac 2003.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan landskap perlindungan cap dagangan di peringkat global yang sedang pesat berubah ini memerlukan Akta 175 dikaji semula bagi memastikan undang-undang cap dagangan yang akan dilaksanakan dapat memberikan perlindungan yang lebih efisien dan efektif selaras dengan keperluan semasa dan memenuhi keperluan kehendak komuniti perniagaan dan pihak berkepentingan. Kementerian melalui MyIPO telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan termasuk wakil-wakil sektor industri yang bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas dalam menambah baik perundangan cap dagangan ini.

Selain itu, kementerian juga mengambil kira komitmen Malaysia di peringkat ASEAN untuk menyertai *Treaty the Protocol Relating to the Madrid Agreement Concerning the International Registration of Marks of 1891 (Madrid Protocol)*.

#### ■1210

Pendeposit instrumen penyertaan hanya boleh dikemukakan kepada *World Intellectual Property Organization (WIPO)* selepas peruntukan berkaitan *Madrid Protocol* dimasukkan dalam perundangan dan boleh dikuatkuasakan. Susulan daripada perbincangan dan kajian yang dijalankan, kementerian ini mendapati bahawa Akta 175 memerlukan pindaan secara menyeluruh terhadap peruntukkan sedia ada. Penambahan peruntukkan baharu dan penyusunan semula peruntukan-peruntukan memandangkan pindaan kali terakhir Akta 175 adalah pada tahun 2002. Pindaan secara menyeluruh ini memerlukan satu akta baharu digubal iaitu Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 bagi menggantikan Akta 175 ini.

Dalam mendepani perubahan pesat landskap perlindungan cap dagangan agar selaras dengan amalan antarabangsa, mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 5 April 2019 telah bersetuju dengan pemansuhan Akta 175 dan penggubalan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 serta pembentangan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 dalam Parlimen. Berikutan daripada itu, pada 9 April 2019 RUU Cap Dagangan telah dibaca pada kali pertama dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa ini

Akta 175 menggunakan takrif cap yang bermaksud sesuatu tanda, jenama, kepala, label, tiket, nama, tanda tangan, perkataan, huruf, angka, atau apa-apa gabungannya.

Walau bagaimanapun landskap perlindungan Cap Dagangan di peringkat antarabangsa berubah dengan pesat termasuklah penambahan jenis-jenis Cap Dagangan *Non-Traditional Mark* yang boleh didaftarkan seperti bunyi, bau, bentuk dan warna. Perluasan skop perlindungan cap dagangan kepada *non-traditional mark* ini merupakan suatu keperluan kepada sektor perdagangan domestik dan luar negara. Ini kerana cap dagangan juga dikenali sebagai jenama yang merupakan elemen penting dalam pemasaran produk bagi sesebuah perniagaan. Oleh itu, takrif cap akan digantikan dengan takrif tanda untuk memberikan definisi yang lebih luas merangkumi takrif cap sedia ada dan juga *non-traditional mark*.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 meliputi perkara-perkara seperti yang berikut;

- (i) skop perlindungan cap dagangan diperluaskan kepada *non-traditional mark*;
- (ii) memasukkan peruntukkan berkaitan *protocol relating to the Madrid Agreement Concerning The International Registration of Marks, Madrid Protocol*;
- (iii) membolehkan harta intelek digunakan sebagai instrumen kewangan;
- (iv) menambah baik prosiding tindakan sivil dan jenayah dan penguatkuasaan yang lebih efektif dengan mewujudkan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- (v) memenuhi keperluan khusus berkaitan langkah-langkah sempadan;
- (vi) pengiklanan cap dagangan melalui jurnal rasmi harta intelek;
- (vii) prosedur pendaftaran sedia ada ditambah baik.

Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 mencadangkan 19 bahagian yang dipecahkan kepada 180 peruntukkan serta dua jadual seperti yang berikut;

Bahagian I mengandungi fasal 1 hingga 9. Bahagian ini menerangkan tajuk ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran. Antara tafsiran yang penting dalam fasal 2 ialah pengenalan tafsiran perkataan tanda atau sains yang menggantikan takrif cap dalam



Akta 175 untuk memberikan definisi yang lebih luas merangkumi takrif cap sedia ada dan juga *non-traditional mark* seperti bau, bunyi, bentuk 3D dan warna.

Bahagian II iaitu fasal 10 hingga fasal 13. Bahagian ini menerangkan tentang pentadbiran yang merangkumi pelantikan pendaftar cap dagangan, timbalan pendaftar cap dagangan dan penolong daftar cap dagangan, serta perlindungan yang diberikan dalam melaksanakan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan serta Pejabat Pusat Cap Dagangan dan Pejabat Wilayah Cap Dagangan yang ditubuhkan di bawah Akta 175 hendaklah dikenali sebagai Pejabat Cap Dagangan dan Pejabat Cawangan masing-masing.

Bahagian III, fasal 14 ke 15. Bahagian ini menerangkan mengenai pengurusan suatu daftar cap dagangan yang disimpan dan diselenggarakan oleh pendaftar serta pemeriksaan daftar tersebut.

Bahagian IV, fasal 16 hingga 36. Bahagian ini menjelaskan perkara-perkara berhubung dengan pendaftaran cap dagangan yang terbahagi kepada lapan bab yang menjelaskan perkara berhubung dengan pengenalan cap dagangan berdaftar. Permohonan dalam pelbagai kelas sistem pengelasan barangan dan perkhidmatan. Permohonan berhubung warna dan siri cap dagangan, kuasa pendaftar untuk menolak pendaftaran berdasarkan alasan mutlak atau alasan relatif yang ditetapkan. Penggunaan bersama dengan jujur, tuntutan keutamaan bagi permohonan konvensional. Permohonan luar negara lain yang berkaitan dan perlindungan sementara Cap Dagangan dibawa perkara 11 Konvensyen Paris. Bahagian ini juga menjelaskan mengenai pemeriksaan permohonan dan memasukkan penafian syarat atau pengehadan secara sukarela dalam permohonan.

Selain itu, bahagian ini turut menerangkan mengenai peruntukkan berhubung dengan penarikan balik atau sekatan ke atas permohonan. Pindaan permohonan prosedur bantahan berdasarkan alasan yang ditetapkan dan prosedur jika permohonan telah di setuju terima oleh pendaftar.

Bahagian V, fasal 37 hingga 38. Bahagian ini memperuntukkan tentang proses permohonan bagi pendaftaran cap dagangan termasuklah pembahagian ataupun penggabungan, permohonan atau pendaftaran atas permintaan pemohon atau tuan punya cap dagangan berdaftar.

Bahagian VI, fasal 39 hingga 41. Bahagian ini menjelaskan bahawa tempoh pendaftaran adalah 10 tahun daripada tarikh pendaftaran dan boleh diperbaharui untuk lanjutan tempoh masa 10 tahun. Bahagian ini juga menjelaskan tentang status cap

dagangan yang tidak diperbaharui serta keadaan apabila pendaftaran cap dagangan itu terhenti.

Bahagian VII, fasal 41 hingga 47. Bahagian ini menjelaskan tentang syarat dan prosedur bagi apa-apa perubahan, pembetulan, pemotongan, pembatalan dan ketidaksahan bagi suatu cap dagangan.

Bahagian VIII, fasal 48 hingga 53. Bahagian ini menjelaskan tentang kesan cap dagangan berdaftar termasuklah hak-hak yang diberikan tuan punya cap dagangan berdaftar. Pengehadan atas had jika cap dagangan yang serupa didaftarkan oleh orang yang berlainan. Menjelaskan perbuatan yang menjadi pelanggaran terhadap cap dagangan berdaftar. Pengecualian kepada pelanggaran, tindakan yang boleh diambil dan remedi yang bersesuaian untuk pelanggaran cap dagangan yang melibatkan prosiding sivil.

Bahagian IX, fasal 62 hingga 67. Bahagian ini menjelaskan tentang cap dagangan berdaftar sebagai objek harta intelek adalah aset yang bernilai dan boleh diperdagangkan sama seperti harta alih yang lainnya.

#### ■1220

Bahagian X – Fasal 68 hingga Fasal 71. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pelesenan bagi menggantikan peruntukan mengenai pengguna berdaftar dalam Akta 175. Konsep pengguna berdaftar adalah satu konsep lama. Di negara-negara lain seperti di UK, Australia dan *Singapore*. Konsep pengguna berdaftar ini telah digantikan dengan konsep pelesenan cap dagangan berdaftar.

Bahagian XI – Fasal 72 hingga Fasal 73. Bahagian ini akan memperkenalkan peruntukan berhubungan dengan cap kolektif dan mengemas kini peruntukan sedia ada mengenai cap perakuan.

Bahagian XII – Fasal 74 hingga Fasal 75. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan perkara antarabangsa termasuklah persediaan bagi membolehkan Malaysia menyertai Protokol Madrid. Perlindungan cap dagangan terkenal, lambang kebangsaan dan sebagainya di bawah Perkara 6ters Konvensyen Paris.

Bahagian XIII – Fasal 81 hingga Fasal 94. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan hal langkah-langkah sempadan. Langkah-langkah sempadan telah wujud dalam Akta 175, Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 mengemaskinikan dan menambah baik peruntukan sedia ada bagi

memenuhi keperluan khusus langkah-langkah sempadan ini termasuklah *tindakan ex-officio* bagi barangan dalam perjalanan eksport pengecualian *de minimis* bagi barangan-barangan bukan bersifat komersial dalam kuantiti yang kecil dalam bagasi pengembaraan peribadi pengembara atau yang dihantar dalam *consignment* kecil tidak melebihi dua barang.

Bahagian XIV – Fasal 95 hingga Fasal 98. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan ejen cap dagangan. Peruntukan ini menerangkan bahawa mana-mana pihak yang tidak menetap atau menjalankan perniagaan utamanya di Malaysia hendaklah melantik ejen cap dagangan berdaftar untuk bertindak bagi pihaknya dalam tatacara awal atau memohon pendaftaran atau prosedur berkaitan dengan cap dagangan berdaftar.

Bahagian XV – Fasal 99 hingga Fasal 108 dan Bahagian XVI iaitu Fasal 109 hingga Fasal 139. Bahagian XV mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan kesalahan-kesalahan jenayah. Bahagian XVI pula akan memperkenalkan perkara berhubungan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan yang selama ini tidak ada dalam Akta 175.

Rang undang-undang Cap Dagangan 2019 akan memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkenaan kesalahan-kesalahan jenayah antaranya seperti pemelancungan cap dagangan *counterfeit goods* memakaikan dengan salah satu cap dagangan pada barang-barang atau perkhidmatan serta mengimport atau menjual barang-barang tersebut, membuat dan memiliki artikel untuk melakukan kesalahan, catatan palsu, ketidakpatuhan kepada saman atau keengganan untuk memberikan keterangan, menyatakan dengan palsu cap dagangan itu sebagai pendaftaran antarabangsa dan salah guna nama Pejabat Cap Dagangan dan orang yang tidak berdaftar yang mengamalkan sebagai ejen cap dagangan berdaftar.

Bahagian XVII – Fasal 140 hingga Fasal 147. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan prosiding undang-undang di mahkamah, kos dan keterangan yang menjelaskan mengenai tatacara berkaitan prosiding di mahkamah termasuklah penyampaian, permohonan, kehadiran pendaftar, kos prosiding, perakuan kesahan serta kebolehterimaan salinan yang diperakukan oleh pendaftar, salinan dokumen yang dimeterai dan maklumat elektronik yang diperakukan oleh pendaftar sebagai keterangan di mahkamah.

Bahagian XVIII – Fasal 148 hingga Fasal 162. Bahagian ini mengandungi peruntukan pelbagai dan am. Antaranya memperkenalkan Jurnal Rasmi Harta Intelek

sebagai salah satu inisiatif untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan MyIPO. Jurnal ini akan menggantikan Warta Kerajaan sebagai penerbitan rasmi bagi permohonan Harta Intelek termasuk Cap Dagangan.

Bahagian XIX – Bahagian ini menjelaskan bahawa Akta 175 dimansuhkan. Walau bagaimanapun, pemansuhan akta ini tidak menjejaskan pelantikan semua peraturan, keputusan, arahan dan notis yang dikeluarkan. Perbicaraan dan prosiding yang telah berjalan diambil atau bermula berdasarkan akta ini. Peruntukan ini juga menerangkan bahawa pemansuhan ini tidak akan menjejaskan liabiliti pihak yang didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta yang dimansuhkan sebelum permulaan kuat kuasa rang undang-undang 2019.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua. Jadual Pertama mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan cap kolektif dan Jadual Kedua pula mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan cap perakuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, naskhah sah Rang Undang-undang Cap dagangan 2019 ini telah ditetapkan dalam teks bahasa Inggeris. Memandangkan kebanyakan peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini merujuk kepada instrumen antarabangsa dan terdapat peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran Cap Dagangan daripada negara konvensyen untuk mendaftarkan cap dagangan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran cap dagangan berhubung dengan barang-barang dan perkhidmatan untuk melaksanakan triti yang berkaitan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Mengikut senarai yang diberikan kepada saya oleh ketua *whip* masing-masing, setakat ini ada enam orang Ahli Yang Berhormat berminat untuk mengambil bahagian. Ada sesiapa lagi? Ya. Oleh sebab jumlahnya seramai tujuh orang, setiap pembahas pertama akan diberikan masa selama 20 minit setiap orang, selepas itu 15 minit setiap

orang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera selepas ini Yang Berhormat Pontian, sila.

### 12.28 tgh.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbincangan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap beberapa bahagian yang perlu kita teliti terutamanya tentang Protokol Madrid yang menjadi tumpuan kepada Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat sebanyak 104 keahlian yang telah pun menyertai Protokol Madrid melalui *World Intellectual Property Organization (WIPO)*. Protokol Madrid telah efektif pada tahun 1989 iaitu 30 tahun lalu. Tahun ini kita *celebrating 30th of Madrid Protocol in effective*. Negara-negara ASEAN seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Vietnam, Laos, Cambodia, Brunei dan Filipina telah menyertai *Madrid Protocol* dan Malaysia menjadi negara kesembilan di kalangan negara ASEAN. Hanya yang tinggal satu ialah Myanmar.

### ■1230

Oleh itu, sebenarnya kita bukan *leading* tetapi kita ketinggalan. Langkah Malaysia menyertai protokol ini menunjukkan komitmen untuk menyertai arus perdana sejajar dengan *ASEAN Intellectual Property Rights Action Plan 2011-2015*. Oleh itu, saya rasa bukan kita hanya *tailing* di belakang dan bukan *leading*. Negara-negara *Common Law* yang lain seperti New Zealand, India, Singapura dan lain-lain turut memperkenalkan Akta Cap Dagangan yang baharu. Seperti yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi di United Kingdom, *UK Trade Marks Act 1938* iaitu asas kepada Akta Cap Dagangan Malaysia 1976 juga telah dimansuhkan pada tahun 1994 dan digantikan dengan *UK Trade Marks Act 1994*.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas Protokol Madrid membolehkan pemilik cap dagangan mendaftar cap dagangan dengan lebih mudah dan cekap, *one application in one language and one fee*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini memudahkan pemilik cap dagangan untuk mendaftar dengan lebih cekap dan menjimatkan wang. Sebelum ini, *trademark* tempatan yang ingin menyertai sistem Madrid, mereka akan membuat pendaftaran tempatan, kemudian antarabangsa melalui negara jiran seperti Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu sistem Madrid mempunyai struktur yang lebih teratur iaitu melalui pemfailan tunggal (*centralize registration*). Hanya dapat

memanfaatkan pemilik-pemilik cap dagangan tempatan bakal mempunyai perlindungan antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, tambahan ini saya lihat dan meneliti rang undang-undang ini juga meningkatkan skop cap dagangan, termasuk kategori bukan tradisional seperti warna, bentuk barang, aroma, tanda *3D mark* dan beberapa lagi. Ini bakal boleh mengatasi kekaburan dari segi definisi cap dagangan seperti yang pernah dibicarakan ataupun dibincangkan di mahkamah sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebaikan rang undang-undang ini tidak boleh dinafikan dan boleh membawa pelbagai faedah kepada masyarakat peniaga Malaysia, terutamanya pemilik cap dagangan di negara kita. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang ini membawa banyak manfaat kepada negara kita tetapi terdapat beberapa cabaran yang harus kita berwaspada.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjangkakan empat cabaran yang akan dihadapi oleh pemilik cap dagangan di Malaysia melalui sistem Madrid. Pertama Tuan Yang di-Pertua, dalam masa lima tahun pada tarikh pendaftaran, *International Registration Trademark* tetap bergantung kepada permohonan asas (*basic application*) di pejabat negara asal. Jika pada masa itu permohonan asas ini telah dinafikan atau dibatalkan, perlindungan *International Registration (IR)* tersebut tidak akan wujud dan haruslah mengubah agen cap dagangan untuk mendaftar semula dan akan mengalami kerugian wang dan masa. Situasi ini dalam industri dipanggil *central attack*. Tuan Yang di-Pertua, persoalannya apakah langkah-langkah *safeguard* yang kerajaan ambil untuk menghadapi situasi ini supaya dapat melindungi pemilik cap dagangan di negara kita daripada menghadapi masalah *central attack*?

Cabaran kedua Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia menyertai sistem Madrid, masalah *influx* ataupun kedatangan cap dagangan daripada negara lain juga akan didaftarkan di Malaysia dengan lebih mudah. Dengan ini akan mungkin memberikan impak kepada pendaftar baharu cap dagangan di Malaysia. Persoalan saya, apakah perlindungan tambahan yang perlu diberikan kepada pendaftar baharu ataupun pemilik cap dagangan tempatan terhadap situasi ini? Sama ada kerajaan akan memperkenalkan peraturan supaya pemohon-pemohon cap dagangan asing perlu mempunyai alamat berdaftar di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran ketiga penambahan pendaftaran cap dagangan dari peringkat antarabangsa akan membawa kepada isu penolakan dan konflik bakal timbul. Ini akan menyebabkan lebih banyak kos dari segi bantahan dan juga litigasi.

Dengan ini, penjimatan dari segi kos yang ditawarkan oleh pendaftaran *centralize Madrid Protocol* ini akan diatasi oleh tambahan kos bantahan dan litigasi yang bakal timbul.

Cabaran keempat, dengan pelaksanaan Rang Undang-undang Cap Dagangan ini lebih banyak sumber pentadbiran dan latihan diperlukan untuk menguruskan permohonan yang dijangka akan meningkat di peringkat Perbadanan Hak Intelek Malaysia (MyIPO). Begitu juga kerajaan perlu menyemak sama ada di pihak kehakiman, sumber manusia yang mencukupi untuk menyelesaikan lebih banyak kes litigasi hak intelek di Mahkamah Hak Intelek yang fokus kepada kes-kes hak intelek. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019, seksyen 75(1) telah memperuntukkan bahawa, "Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menguatkuasakan peruntukan Protokol Madrid di Malaysia". Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini untuk mengatasi cabaran-cabaran yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Rang Undang-undang Cap Dagangan, saya juga meminta kerajaan sebagai *part of legislative reform exercise* untuk melihat kepada satu lagi akta, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan penyertaan Malaysia kepada sistem Hague untuk *industrial design*. Sistem Hague untuk reka bentuk perindustrian, *Hague Agreement Concerning The International Registration of Industrial Designs* adalah sistem yang melindungi pemilik reka bentuk perindustrian. Pada masa ini Malaysia masih bukan sebahagian daripada sistem *Hague Agreement* untuk *industrial design*. Oleh itu, kita pula peniaga-peniaga di Malaysia perlu membuat pendaftaran dua kali dan mereka juga pertama kali di sini dan kemudian internasional. So, saya mencadangkan selain daripada cap dagangan, rang undang-undang yang dibentangkan, kita mengkaji semula satu Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 supaya kita boleh menyertai sistem antarabangsa untuk *industrial design*. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kita bukan *leading* dari segi— kalau tadi saya sebut...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalan bocor.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** ...kita negara kesembilan dalam ASEAN, dalam pendaftaran cap dagangan, kita di belakang. Di negara-negara lain, lapan negara ASEAN telah menyertai *Madrid Protocol*, kita kesembilan. Itu saya bukan hendak meletakkan beban ke atas Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baharu satu tahun menjadi Timbalan Menteri tetapi kita perlu lihat kepada semua perundangan kita dari segi teknologi, dari segi hak intelek. Kalau yang perlu menyertai arus perdana, perlu menyertai *international treaty*, kita perlu mempercepatkan usaha itu. Kita tidak—

janganlah kita ke belakang dan tertinggal di belakang. Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, apabila persaingan globalisasi dan internet membolehkan perniagaan dilakukan merentasi sempadan negara, adalah penting untuk melindungi cap dagangan dan hak intelek di pelbagai bidang kuasa dan *jurisdiction* dan perlu satu sistem yang kos efektif dan mudah. Saya menaruh harapan kepada *modern trademark law* ini dapat mentransformasikan Malaysia kepada satu ekonomi yang kompetitif untuk abad ke-21 baik dari segi bidang perniagaan halal kepada perniagaan *E-Commerce* dan lain-lain perniagaan juga. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian, masa 20 minit. Sila.

**12.38 tgh.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Disampuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Cap Dagangan atau dengan kata lain, cap dagangan ini ialah *trademarks* atau dalam bahasa lain lagi ialah mengenai jenama, *branding* sesuatu logo atau lambang sesebuah syarikat yang memberikan lima fungsi. Fungsi pertama ialah memberitahu sumber dan juga pengeluar produk-produk dan juga perkhidmatan-perkhidmatan. Itu fungsi pertama cap dagangan ini. Kedua ialah untuk memudahkan pihak pengguna, rakyat di luar sana untuk memilih produk-produk dan juga perkhidmatan. Perkara yang ketiga ialah ia menjadi lambang kualiti barang dan juga perkhidmatan. Kalau kita lihat sebagai contoh di Malaysia, apabila kita sebut *mineral water*, misalnya ada logo-logo yang tertentu, komputer ada jenama-jenama yang tertentu, perabot juga, kereta juga, ia menjadi lambang kualiti barang-barang dan perkhidmatan.

■1240

Fungsi yang keempat, cap dagangan ini ialah sebagai alat untuk pengiklanan dan pemasaran. Mengenai alat pengiklanan dan pemasaran ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika ada iklan-iklan palsu dan jika iklan-iklan itu sungguh mengelirukan dan tidak seperti sebagaimana yang dinyatakan dalam iklan berhubung tentang cap dagangan itu, adakah dalam rang undang-undang yang kita bentangkan ini terlibat dan ada peraturan-peraturan yang tertentu?



Perkara yang kelima, fungsi cap dagangan ini ialah boleh menjadi aset yang bernilai pada cap-cap dagangan yang terkenal dalam dunia seperti: -

- (i) Apple
- (ii) Google
- (iii) Amazon
- (iv) Microsoft
- (v) Coca-Cola
- (vi) Samsung
- (vii) Toyota
- (viii) Mercedes

Ia menjadi harta intelek yang cukup berharga. Sebagai contoh pada 2018, jenama *Apple* nilainya ialah USD214 bilion. Jenama *Google*, nilainya ialah USD155 bilion. *Amazon.com* pemiliknya adalah *Jeff Bezos* dan dia adalah orang yang paling kaya di dunia. Oleh sebab itu, jenama dan cap dagang ini amat penting dan ia menjadi harta dan aset yang cukup bernilai.

Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada kementerian yang membentangkan rang undang-undang ini. Saya kira rang undang-undang ini bukan satu rang undang-undang yang baharu yang sebelum ini tidak ada. Ia sudah ada. Ini oleh sebab agaknya terlalu banyak pindaan dalam rang undang-undang itu, maka kita buat satu rang undang-undang yang baharu sama sekali.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebut di sini ialah mengenai SOP permohonan untuk kelulusan satu-satu cap dagang. Adakah MyIPO iaitu agensi yang menjaga Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini ada SOP yang tertentu? Berapa lama satu-satu permohonan itu boleh selesai? Adakah berbulan? Berapa bulan? Berapa lama yang boleh diselesaikan apabila permohonan itu dibuat.? Seterusnya, berapa bayaran? Setakat maklumat yang saya ada, satu permohonan bayarannya RM370. Adakah bayaran itu, terlalu tinggi ataupun adakah bayaran itu akan di-*standard*-kan pada jumlah yang tertentu? Sama ada adanya fi lain yang terlibat mengenai permohonan ini. Kadang-kadang mereka yang memohon cap dagang ini terpaksa melantik konsultan-konsultan yang tertentu, bererti mereka membayar pada konsultan-konsultan itu selain daripada bayaran fi yang diambil oleh MyIPO.

Perkara ketiga mengenai cap dagang ini. Sejak tahun 1934 sehingga 2018, lama itu ya. Tahun 1934 hingga 2018, data yang saya ada di Malaysia ini permohonan untuk cap dagangan ini berjumlah 320,046 permohonan. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat,

yakni yang diluluskan, kurang daripada separuh iaitu lulus cuma 154,146. Itu angka yang saya ada. Ini bererti, angka yang memohon dan angka yang diluluskan itu hanya 48 peratus.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kenapa perkara ini berlaku? Kenapa terlalu banyak permohonan cap dagangan ini yang ditolak? Adakah kerana rakyat dan syarikat tidak tahu prosedur yang tertentu? Adakah cap dagangan itu menyerupai dan apakah sebab-sebab utama? Kalau kita bandingkan dengan permohonan warga asing dan cap dagangan asing, sejumlah 382,700 dan yang lulus 293,431. Ini bererti, 76 peratus lulus. Itu cap dagangan asing. Akan tetapi, cap dagangan Malaysia yang lulus cuma 48 peratus. Saya kira tentunya permohonan asing itu lebih memenuhi SOP-SOP yang ditentukan.

Jadi, perkara seterusnya saya berharap Perbadanan Harta Intelek Malaysia mengadakan latihan iaitu latihan yang tertentu kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di luar sana dan juga Perusahaan Kecil Sederhana di luar sana bagaimana kaedah untuk mempermudah dan bagaimana kaedah untuk membantu mereka. Ada atau tidak latihan itu dibuat? Ada atau tidak bantuan-bantuan kewangan diberikan kepada pihak IKS dan juga PKS?

Selain daripada itu, MyIPO ini atau Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini saya ingin tanya, berapa staf? Berapa cawangan? Berapa peruntukan tahunan yang diberikan kepada mereka untuk memastikan rang undang-undang kita ini boleh dilaksanakan dengan baik selepas ini?

Kemudian, perkara yang kelima yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai penipuan produk, penipuan jenama barangan. Daripada maklumat yang saya ada dan dimaklumkan sendiri oleh pihak PKS bahawa apabila satu-satu produk mereka itu kerap masuk dalam iklan, sama ada iklan TV ataupun iklan radio ataupun iklan akhbar dan majalah dan dalam *internet* misalnya, maka produk itu laku. Produk-produk yang laku itu tidak lama hayatnya. Ini kerana ada peniru kepada produk-produk yang laku itu. Sama ada dia jenama Cap Kipas Udang sampailah kepada produk-produk IKS yang lain. Penipuan-penipuan ini saya hendak tanya kepada pihak kementerian, berapa banyak berlaku penipuan-penipuan ...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saudara Yang Berhormat dari Pontian, memang hari ini kalau kita lihat, lambakan jenama-jenama, *brand* dia sama, *cutting* dia sama, dia punya *title* gred A. Bukan original tetapi gred A.

**Seorang Ahli:** Tiruan A. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tiruan A. Tidak tahulah tiruan kah. Akan tetapi, kalau dilihat sekali imbas kalau bukan pakar betul-betul, memang sama. Tidak ada beza dia. Akan tetapi malangnya, tidak ada kawalan langsung yang dilaksanakan oleh penguat kuasa kementerian. Jadi, apakah dengan akta yang sedang akan kita pinda ini akan dapat membendung gejala-gejala sebegini berlaku? Ataupun mungkin ia hanya sekadar untuk menambah nilai sahaja tanpa ada apa-apa matlamat dia, tujuan dia? Oleh sebab kita lihat di negara kita ini, saya boleh bawa penguat kuasa ini satu-satu di mana jalan dia, tempat dia aktiviti sebegini berlaku.

Saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu, sahabat saya ini. Dia tahu keadaan ini berlaku. Jadi, apakah Yang Berhormat Pontian akan menyampaikan kepada kementerian supaya menghantar penguat kuasa. Kalau boleh, berhentikan. Negara kita ada *time frame* dia. Dalam tiga tahun, tidak ada lagi barang-barang tiruan dalam negara kita sebab ini membahayakan industri perdagangan itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih pada Yang Berhormat Kinabatangan. Kita tidak mahu Malaysia menjadi lambakan kepada barang-barang tiruan. Kalau kita lihat jenamanya serupa macam jenama antarabangsa sama ada pakaian, sama ada jam tangan misalnya ya dan kalau kita pergi ke jalan yang tertentu di Kuala Lumpur, ada sahaja orang-orang yang tertentu yang berjumpa membawa jam tangan misalnya pada kita dengan jenama yang hebat-hebat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Gred A. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Gred A katanya. Akan tetapi, semua barang-barang itu tiruan. Jadi, saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyak telah ditangkap mereka itu dan apa hukuman kepada mereka itu? Kita ingin perkara ini diselesaikan dan kita tidak mahu sekali lagi negara kita menjadi lambakan pemasaran produk-produk yang ditipu.

Apa yang saya timbulkan tadi ialah produk-produk IKS yang laku di pasaran. Jenama Orang Kampung misalnya. Produk-produk yang tertentu. Apabila selalu masuk

dalam radio, iklan misalnya, kemudian ada sahaja jenama Orang Kampung yang dijual hampir serupa tetapi harganya lebih murah Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Arau. Harganya lebih murah. Katalah produk Orang Kampung itu harganya jenama yang tulen RM5 tetapi lambakan produk tipu harganya RM4. Maka dia mematkan produk jenama Orang Kampung yang tulen harga RM5 itu. Ini satu perkara yang mengancam IKS tempatan di luar sana.

■1250

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Pontian. Dua minit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Harumanis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Seminit, seminit. Yang Berhormat, sekarang saya timbul sifat kemarahan yang luar biasa kepada diri saya bila Yang Berhormat Kinabatangan dengan Yang Berhormat menceritakan barang tiruan di beberapa tempat.

Yang Berhormat, ini Parlimen, tempat kita berbincang. Ceritakan mana tempat yang ada barang tiruan. Lain kali saya tidak payah pergi. Mungkin saya pun tertipu juga bawa orang kampung pergi tempat ini yang ada jenama dan sebagainya tetapi tengok-tengok tiruan. Di Malaysia ini, kita tahu bahawa ini jalan tiruan, ini jalan tiruan. Kalau ada orang asing, lagi banyak barang tiruan. Ini tiruan Afrika, kita ada cop. Ini tiruan daripada Bangladesh, Pakistan, China, Indonesia.

Jadi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, di mana tempat perlambakan barang tiruan? Kalau tidak, kita cakap di awang-awangan. Orang tidak tahu. Saya percaya dalam *YouTube* ini akan dipamerkan yang saya minta namakan tempat-tempat yang dikatakan ada barang-barang tiruan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, Yang Berhormat Arau. Saya baru dibisik oleh Yang Berhormat Kinabatangan, beliau menyebut Petaling Street, Chow Kit dan pasar-pasar malam di seluruh negara. *[Ketawa]* Saya harap perkara itu diambil tindakan oleh pihak penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan sekali lagi. Sikit sahaja, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Masa hendak habis sudah ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kelmarin saya ada sebut bahawa Menteri silap cakap, saham jatuh. Jadi, Yang Berhormat, berhati-hati bercakap hari ini sebab dia boleh menyebabkan pasaran jatuh di tempat-tempat ini dan orang takut pergi pasar malam. Yang Berhormat, cerita sebenarnya, apakah ini tempatnya atau ini cuma sikit sahaja? Sebab kalau tidak, saya sebagai peminat pasar malam nombor satu akan tidak pergi dan kawan saya pun tidak pergi.

Jadi, Yang Berhormat, elok bagi tahu, tempat utama ini apakah ia pasar malam? Saya rasa bukan pasar malam. Pasar malam barang begitu-begitu sahaja tetapi tempat yang menjadi tumpuan dunia, bukan sahaja orang Malaysia, dunia datang untuk beli barang di situ, di mana tempat itu?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Arau. Saya tengok...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya hendak bercerita banyak lagi, *Global Brand Database* apa semua. *ASEAN Trademark View...*

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ya. *[Ketawa]* Sekejap.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey, sila.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Setengahnya bukan melibatkan orang tempatan. Warga asing. Saya berjalan dekat Bukit Bintang, jalan ke sana, warga asing yang duduk jual barang-barang tiruan ini dan jumlahnya banyak. Saya tidak tahu bagaimana pandangan pelancong-pelancong yang datang ke pusat tumpuan di negara kita. Malaysia seolah-olah menjadi hab untuk penjualan barang-barang tiruan. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Betullah apa yang disebut itu. Jadi saya harap, Timbalan Menteri DBKL ada di sini, tolong buat bersama dengan Timbalan Menteri KPDNHEP buat rondaan. Bererti ada dua perkara yang hendak di ronda iaitu satu, warga asing dan kedua ialah jenama cap ayam ini. Yang Berhormat Kinabatangan, cap ayam. Ingat dia punya jenama...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menteri, malam ini kita pergi Petaling Street.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Akan tetapi jam itu jam cap ayam sahaja sebenarnya. Siapa tadi? *[Ketawa]*

Satu lagi, perkara yang keenam yang ingin saya timbulkan— pukul 1 saya berhenti setakat itu sahaja. Pendaftaran peringkat Malaysia ini, kita perlu ada *database*. Saya kira MyIPO ada *database* itu dan perlu terus mempertingkatkan *database* supaya apabila kita masuk dalam *database* itu, tidak perlu kita menunggu lama untuk melihat cap dagangan kita itu sesuai atau tidak.

Di peringkat antarabangsa, ada *database*. *Global Brand Database*, dengan izin. Di situ ada segala *database brand*. Kedua, di peringkat ASEAN, kita ada *ASEAN TMview*. TM itu *trademark*. *ASEAN Trademark View*.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta sedikit? Fasal ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sikit sahaja. Boleh tidak Yang Berhormat mungkin mencadangkan kepada kementerian tentang proses mendapatkan cap perdagangan itu sendiri berapa lama? Kalau boleh, kita percepatkan sebab saya dengar kadang-kadang ia memakan masa berbulan-bulan dan bertahun-tahun untuk peniaga-peniaga menunggu. Jadi kena ada *timeframe* dia. Ini Malaysia baharu, maka harus ada garis panduan. Berapa lama? Satu bulan? Satu minggu? Mungkin Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kementerian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya setuju sangat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Kita ada SOP yang standard. Kita kena ada tempoh yang tertentu. Saya kira masa yang sesuai dalam zaman serba moden ini, sebulan sudah cukup sebab kita boleh akses pada segala *database* yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua akhir ialah mengenai Tribunal Hak Cipta. Ini ada di bawah Kementerian Yang Berhormat. Apakah contoh-contoh kes tentang Tribunal Hak Cipta ini? Jika tribunal ini boleh menyelesaikan masalah-masalah berhubung tentang pertikaian cap dagangan ini, maka ia tidak perlu dibawa ke mahkamah.

Sebagai contoh, telekung Siti Khadijah dan juga Ariani. Itu di antara contoh. Telekung ini biasalah telekung tetapi telekung Siti Khadijah itu ia mempunyai rupa bentuk yang tertentu dan ikatan yang tertentu dan kain yang tertentu dan jahitan yang tertentu dan ia merupakan telekung yang premium. Saya sendiri pernah melawat kilang mereka. Akan tetapi, ada kes di mahkamah berhubung bagaimana tuduhan Ariani meniru telekung Siti Khadijah.

Jadi kalau bawa ke mahkamah, ia memberikan kos yang tertentu. Jika kita ada Tribunal Hak Cipta ini yang pihak di luar sana mengetahui dengan jelas dan boleh diselesaikan segala masalah-masalah berhubung cap dagangan ini, maka ia boleh menjadi satu pusat penyelesaian masalah tanpa melibatkan mahkamah.

Akhir, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai *The Global Innovation Index 2018*. Ia adalah berhubung tentang harta intelek sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Ia meletakkan Malaysia dalam senarai negara-negara berpendapatan pertengahan tinggi nombor dua selepas negara China pada indeks tahun 2018. Itu adalah merupakan satu contoh kejayaan Malaysia sebelum ini lagi. Kita harap *ranking* Malaysia dalam *Global Innovation Index* ini akan sentiasa diperbaiki oleh kerajaan sekarang.

Akan tetapi, perkara yang penting untuk masuk ke dalam *Global Innovation Index* ini, rakyat kita perlu betul-betul berinovasi dan antara inovasi terpenting ialah mengenai cap dagangan dan harta intelek.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan agar kementerian bukan hanya Perbadanan Harta Intelek Malaysia, kementerian secara keseluruhan memastikan bahawa kepentingan untuk jenama-jenama Malaysia ini berada di peringkat antarabangsa. Bukan hanya PETRONAS, Genting, Maybank. Itu tiga jenama cap dagangan Malaysia yang paling dikenali. Kita ingin banyak lagi jenama selepas ini.

Sebagai contoh, *Secret Recipe* misalnya. Itu satu contoh jenama Malaysia. Kemudian, *OldTown White Coffee* misalnya. Itu satu contoh francais yang bagus dan jenamanya baik di serata Malaysia. Kita perlu banyak jenama-jenama itu di seluruh dunia dan ia akan membawa nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau. Masa 20 minit. Sila.

**12.59 tgh.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang beri peluang saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Cap Dagangan.

Saya dapat maklumat dari laman web MyIPO dan saya mendapat beberapa harta intelek yang diuruskan oleh MyIPO iaitu paten cap dagangan, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi hak cipta. Saya juga mendapat statistik yang dipaparkan di laman web MyIPO yang setakat tahun 2018, terdapat 4,751 pendaftaran di bawah paten yang dilakukan oleh warga Malaysia berbanding dengan 64,572 pendaftaran yang dilakukan oleh warga asing atau pengusaha asing.

Manakala cap dagangan warga Malaysia hanya ada rekod sebanyak 154,146 berbanding dengan yang didaftar oleh pengusaha asing adalah 293...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, jam Parlimen menunjukkan masa pukul 1. Yang Berhormat sambung selepas ini.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Majlis disambung semula pada pukul 2.30 petang.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Tebrau.

**2.32 ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab tadi saya hanya bermula, saya ingin berulang lagi lah dari



permulaan. Perbahasan saya adalah untuk menyokong usul ini, atas sebab berikut. Akan tetapi dengan beberapa pandangan perlu diambil perhatian oleh Kementerian. Di laman web MyIPO, kita boleh dapati beberapa harta intelek yang boleh didaftarkan dengan MyIPO. Salah satu adalah paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi, dan hak cipta. Statistik yang boleh didapati dari laman web adalah berikut.

Bilangan yang didaftar di bawah paten dari warganegara atau pengusaha dari Malaysia adalah 4,751. Manakala dari negara asing terdapat banyak iaitu sebanyak 64,572. Cap dagangan pendaftaran daripada pengusaha negara kita hanya 154,146. Manakala, dari negara asing sebanyak 293,431. Reka bentuk perindustrian statistik pun bersama kurang daripada warganegara kita, hanya 9,840. Manakala, pendaftaran dari negara asing sebanyak 17,237. Kategori petunjuk geografi hanya tujuh didaftar di bawah kategori ini daripada pengusaha negara kita, berbanding dengan 84 dari negara asing.

Dalam kategori hak cipta, tiada rekod. Jadi dalam maklumat atau statistik yang boleh kita dapati dari laman web MyIPO, kita boleh memahami, kita memang kebelakangan dalam harta intelek berbanding negara-negara lain. Ini ada satu tanda yang tidak baik, yang langkah-langkah harus diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pendaftaran harta intelek.

Pada masa saya masih aktif dalam firma akauntan saya, memang saya ada membantu pengusaha-pengusaha untuk mendaftarkan cap dagangan mereka atau yang lain. Pada masa itu, proses ambil masa yang panjang dan juga kos yang tinggi. Adakah itu sebab jadi itu halangan untuk pengusaha-pengusaha tempatan untuk mendaftarkan cap dagangan mereka? Kita boleh dapati dalam pasaran ada banyak barangan dengan cap dagangan tetapi kita boleh kesan juga mereka tidak didaftar. Jadi ini akan jadi satu masalah ketika ada orang yang akan tiru itu barangan dan daftarkan dengan nama atau dengan cap yang lebih kurang sama. Jadi, orang ataupun pengusaha yang mengeluarkan barangan itu sebagai orang yang asal, akan dalam keadaan terjejas kerana pengusaha yang baharu yang tiru produk atau pelanggan asal boleh ambil tindakan sivil terhadap pengusaha yang asal.

Jadi, perlindungan terhadap pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan produk atau pelanggan baharu, harus dilindungi. Jadi, usaha Kerajaan PH kena ditingkatkan untuk membawa kesedaran kepada mereka supaya semua barangan yang dikeluarkan

dengan satu cap dagangan mereka sendiri punya, harus didaftarkan dengan sertamerta.

Apa kementerian harus buat juga adalah meningkatkan *roadshow* di semua tempat di seluruh negara kita supaya dalam *roadshow* itu, semua pengusaha-pengusaha SME dengan izin, dijemput untuk hadir untuk memahami kepentingan untuk mendaftarkan cap dagangan atau reka bentuk perindustrian atau hak cipta atau paten. Ini kerana bukan semua pengusaha-pengusaha dalam kategori SME memahami apa kepentingannya untuk mendaftarkan.

#### ■1440

Saya pun terkejut dalam kategori harta intelek ini, termasuk satu kategori yang dikatakan petunjuk geografi. Saya sendiri pun kurang faham apa maksudnya dan siapa boleh memohon di bawah petunjuk geografi. Jadi, ini adalah sebab kesedaran pengusaha-pengusaha SME yang kurang, kemungkinan besar adalah masalah negara kita ditinggalkan daripada ekonomi yang makin berdaya saing.

Begitu juga saya berharap kementerian akan memudahkan lagi pendaftaran supaya pengusaha-pengusaha sendiri boleh mendaftarkan cap dagangan atau harta intelek yang lain sendiri melalui *website*, tidak memerlukan agen dan masa pemprosesan harus dipendekkan. Kalau tidak, ada orang akan ambil kesempatan untuk mendaftarkan cap dagangan atau paten terlebih dahulu yang buat pengusaha asal jadi mangsa kepada sistem ini. Jadi, saya berharap dengan ini kementerian harus ambil perhatian dan meningkatkan kesedaran di seluruh negara, khususnya di antara pengusaha-pengusaha SME supaya negara kita tidak ketinggalan dan akan terus maju dan makmur pada masa yang akan datang. Dengan ini, saya ingin menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tenggara, 20 minit.

#### 2.42 ptg.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Timbalan Menteri yang membawa usul *trademark* ataupun cap dagangan. Pertama sekali, saya mohon perbetulkan satu perkara sama ada boleh dibetulkan sekarang ataupun kemudian. Yang Berhormat Menteri boleh tengok perkara yang

berkaitan dengan seksyen 100 ataupun Fasal 100(5) dalam bahasa Malaysia dalam subseksyen 3(a), ia berkaitan label, termasuklah apa-apa gegelang ataupun tiket. (b) pembalut, termasuk apa-apa penyumbat kaca, botol, bekas kotak, kapsul, sarung, bingkai atau pembungkus, dibaca sekali dalam bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh lihat pada seksyen 100, Perkara (5) iaitu (a) itu dah berubah jadi (b) dan (b) berubah jadi (a). Kalau kita bawa kes ke *court*, ini adalah satu masalah bagi kementerian untuk mempertahankan kedudukan atau label (a) atau (b). Saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk sama ada kita betulkan sekarang ataupun dipinda. Itu perlu ada satu keputusan kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pindaan kita mohon diteruskan atau tidak. Ini kerana ia merupakan satu kesalahan yang nyata dalam bahasa Inggeris dan Malaysia kerana kedudukan label (a) dan (b) berbeza.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tak apa, Menteri akan ambil tindakan kemudian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Saya perlukan penjelasan dan adakah ia akan dibuat pembetulan ya. Tuan Yang di-Pertua, jadi berkaitan dengan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 ini terdapat beberapa persoalan yang saya ingin kemukakan dan ingin menyokong. Pertama sekali ialah saya ingin menyentuh bagaimana kita boleh menjelaskan kepada pengetahuan awam tentang beberapa istilah-istilah yang boleh kita jadikan sebagai panduan. Antaranya ialah istilah 'hak eksklusif'. Hak eksklusif iaitu pemilik cap dagangan berdaftar mendapat hak eksklusif untuk menggunakan cap dagangan berkenaan dalam urusan atau perjalanan perdagangan. Pemilik cap dagangan juga berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang mungkin menggunakan tanpa kebenaran. Jadi, kita mahu jelas supaya hak eksklusif ini diberikan perkara utama sama ada ianya boleh dipertahankan atau tidak.

Keduanya ialah bukti sah undang-undang. Kita kena jelaskan sama ada bukti sah undang-undang melalui sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh pejabat pendaftar menjadi bukti sebagai pemilik yang sah ke atas sesuatu cap dagangan. Bukti ini diterima di mahkamah dan juga pihak penguatkuasaan. Ia juga merupakan dokumen penting untuk membuktikan kesahan hak milik cap dagangan dalam urusan pengeksportan barangan ke luar negeri. Seterusnya ialah fungsi identiti dalam rang undang-undang ini iaitu saya hendak sentuh berkenaan dengan cap dagangan adalah membolehkan pengguna mengenal pasti sumber atau pengeluar sesuatu produk. Kita dapat tak kenal pasti sumber atau pengeluar sesuatu produk atau perkhidmatan tersebut. Sebagai

contoh, pengguna *akan* dapat mengenal pasti Milo dan Nescafe dikeluarkan oleh satu syarikat sahaja iaitu syarikat *Nestle*. Bila sebut syarikat Nestle saja orang tahu dah Milo dan juga Nescafe, ada *brand*-nya, ada *trademark*-nya. Jadi, Milo dan Nescafe merupakan identiti kepada syarikat Nestle. Begitu juga dengan syarikat-syarikat lain yang memiliki IP ataupun cap dagangan yang bertahap *international*.

Seterusnya ialah fungsi untuk membuat pilihan. Yang Berhormat Menteri, kita kena fahamkan kepada masyarakat bahawa cap dagangan membolehkan sebenarnya pengguna memilih barangan atau perkhidmatan dengan mudah. Kita tidak mahu menyusahkan masyarakat, kita nak memudahkan perkara. Untuk itu, bayangkan jika semua produk, contohnya telefon bimbit tidak mempunyai sebarang cap dagangan, maknanya ini cap ayamlah seperti Yang Berhormat Pontian kata tadi. Jika semua produk telefon bimbit tidak mempunyai sebarang cap dagangan, bagaimana agaknya kita ingin memberitahu penjual telefon jenis apa yang ingin kita beli. Berkenaan dengan fungsi kualiti. Kita mahu penjelasan sama ada pelanggan boleh memilih satu cap dagangan berdasarkan reputasi, kualiti barangan dan perkhidmatan di bawah cap dagangan. Sebagai contoh, pengguna akan lebih yakin untuk membeli telefon berjenama Apple iPhone berbanding jenama-jenama lain walaupun harganya agak mahal. Itu agak ketara apabila produk yang dipanggil konstruktif destruktif, maknanya ia cepat bertukar.

Yang Berhormat Menteri, ingin kita maklumkan bahawa fungsi pemasaran *trademark* ataupun cap dagangan memainkan peranan penting dalam pengiklanan. Pelanggan lebih mudah dipengaruhi menerusi pengiklanan suatu barangan. Adakah ini satu daripada elemen yang boleh dipertahankan sekiranya ada pihak mencabar? Akhir sekali, berkenaan dengan fungsi ialah fungsi ekonomi. Cap dagangan yang mempunyai reputasi tinggi akan meningkatkan nilai cap dagangan itu di mata pelanggan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, jangan berhenti lagi, 13 minit lagi.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Belum habis. Ini habis yang fungsi saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia tak habis lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak, itu 13 minit, lambat lagi. Saya nak tanya soalan fasal cap ayam tadi. Yang Berhormat, beberapa pihak, kita pun tidak tahu, kita minta Timbalan Menteri yang hebat ini yang sepatutnya layak jadi Menteri, tiba-tiba dia *duk* timbalan, supaya terangkan kepada kita. Kita benarkan lambakan bukan sahaja barangan di Malaysia ini, termasuk pekerja asing. Pekerja asing pun boleh

melambak di Malaysia, di mana cara kementerian mendapat maklumat tentang keperluan pekerja asing itu ialah berdasarkan kepada permohonan syarikat-syarikat.

■1450

Padahal syarikat yang sama pohon orang, katalah 100 orang. Apabila orang itu permit habis, kita tidak ada bukti orang itu balik. Dia minta lagi 100. Akhirnya, dia *accumulate*. Sampai saya terkejut apabila Yang Berhormat Langkawi kata tujuh juta orang asing sudah berada. Ini negara sudah jadi tidak betul, bahawa kita sekarang dikuasai oleh orang asing.

Ini berhubung dengan barang cap ayam ini. Bagaimana Yang Berhormat hendak pastikan barang itu selamat? Oleh sebab itu, orang bagi tahu telefon ini kalau digunakan dengan cara berleluasa, ia akan merosakkan mata. Kalau digunakan berleluasa, kita akan menghadapi masalah pendengaran. Kita bimbang yang cap ayam ini ia ada kesan kepada penglihatan dan juga pendengaran. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang untuk tanya kepada kementerian supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada perkara ini? Bukan kira barang atau telefon sahaja masuk, kita terima. Akan tetapi kita bagi syarat. Inilah jenama-jenama tertentu yang boleh didapatkan di Malaysia. Dengan itu orang akan kenal Malaysia sebagai negara yang tegas seperti Singapura, ia tegas. Kita nampaknya jadi bahan lambakan apa-apa sahaja, orang.

Malah kalau kita naik kapal terbang daripada Alor Setar datang ke Kuala Lumpur, ramai kita tengok wanita muda berseluar pendek naik kapal terbang. Ini kita kata bukan orang Malaysia, tetapi apabila dia bercakap kita tahu dia guna bahasa apa. Dia guna bahasa negara jiran. Ini bererti mereka sering berulang-alik ke Kuala Lumpur. *Business* apa saya tidak tahu, tetapi makna kata kita bimbang juga *kut* berlaku lambakan perkara-perkara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya tahu Yang Berhormat Arau duduk sempadan Thailand – Malaysia. Kadang-kadang benda ini depan mata lah. Jadi cap ayam ini saya sudah beri tahu bahawa dalam rang undang-undang ini perlu ada penjelasan tentang fungsi untuk membuat pilihan. Kalau dia sudah pilih salah, salah beli cap ayam. Dia hendak dakwa siapa? Kalau dia tertipu, apakah keperluan-keperluan seperti laporan polis perlu dibuat, ataupun mengadu kepada kementerian atau sebagainya?

Jadi, fungsi untuk membuat pilihan itu jelas pada saya. Kalau kita melihat kepada telefon bimbit sahaja. Kalau hari ini melambak-lambak telefon bimbit yang berjenama mungkin tidak tahu. Saya pernah pergi ke Kemboja dan membeli telefon bimbit *made in China*. Akan tetapi apabila bawa balik Malaysia tidak boleh pakai. Jadi saya tidak boleh dakwalah kerana itu pilihan saya. Akan tetapi dalam hal rang undang-undang ini, kita mahu *protect* pengguna Malaysia dan pengguna antarabangsa kerana kita ada barang-barang yang kita boleh eksport. Kita pun juga import barang dan kita boleh laksanakan rang undang-undang dengan berkesan dengan penguatkuasaan. Jadi kita hendak tahu cara pelaporan itu dimudahkan. Oleh sebab itu, pengguna-pengguna dalam Akta Perihal Dagangan nanti kita perlu tribunal yang kuat untuk menjayakan kaedah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu contoh Yang Berhormat Arau iaitu pada satu ketika isu berkaitan dengan kerajaan perlu mengatasi masalah barang-barang dagangan yang didagang melalui *air fare*, melalui kapal terbang ini. Ini kerana pada 28 Februari 2019 yang lalu, sebanyak 5,000 kilogram susu tepung import dirampas oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sebuah premis di Shah Alam kerana menyalah guna logo halal. Dia salah guna logo halal ini. Jadi logo halal yang kita ada, *trade mark* kita atau cap dagang kita, orang Malaysia semua jelas. Akan tetapi logo halal yang dikeluarkan oleh masyarakat dunia sama ada mereka *refer* ke JAKIM atau kerajaan kita, kita tidak tahu. Jadi ini kekeliruan yang boleh kita sangsi dan kita hendak pertahankan di mana.

Dalam serbuan tersebut Yang Berhormat Menteri, syarikat berkenaan didakwa mengimport susu dari New Zealand dalam bungkusan 25 kilogram. Selepas itu apa dia buat? Sebelum dibungkus ke dalam kuantiti yang lebih kecil iaitu satu kilogram. Jadi, adakah jenama yang asal itu ataupun *trade mark* yang asal itu digunakan ataupun diminta izin dengan cap berdaftar di negara luar? Jadi melalui hal tersebut, bagaimana pihak kerajaan menyelesaikan isu pembungkusan semula ini? *Repackaging* dalam negara. Adakah sijil halal untuk barang import tersebut disahkan pengesahannya? Ini yang kita hendak tahu. Ini kerana kita tahu sijil halal tidak boleh main-main kerana dapat di pasaran cap ayam ini, halal pun ada cap ayam. Ia tidak memenuhi spesifikasi kita.

Jadi untuk itu apabila kita mengimport produk-produk yang bercap dagangan luar negara, saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sekiranya *trade mark* ataupun cap dagangan itu berbahasa Rusia ataupun berbahasa Kazakhstan, kemudian kita mesti kaitkan dengan bagaimana kementerian bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Hal ini kerana apabila kita mohon

lesen untuk iklankan papan tanda di kedai ataupun di premis ataupun di gudang-gudang, pihak majlis daerah ataupun perbandaran ataupun majlis bandar raya, dia mungkin tidak boleh benarkan cap dagangan tersebut dipamerkan kerana menyalahi peraturan.

Jadi perkara ini perlu juga diambil kira supaya jenama-jenama ataupun cap dagangan tersebut yang dipamerkan sebagai tanda, dipanggil sebagai logo tanda, gambar atau nama huruf tidak ada masalah bagi pengguna. Perkara ini berlaku Yang Berhormat Menteri. Sekiranya kita boleh bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ia adalah lebih baik kerana kita hendak jenama kita bukan sahaja boleh dipamerkan di negara kita tetapi ia diakui. Sebagai contoh, kita pernah pergi ke Melbourne, Australia, pihak *border control* atau dipanggil *border patrol* ini iaitu kastam di lapangan terbang, dia menyiasat kandungan beg kita, dia nampak Maggi. Apabila dia nampak Maggi, dia tahu ini Malaysia. Walaupun biskut kering. Apabila dia tengok biskut kering, dia tahu, "*Are you from "Malaysia"?*" Yes. Jadi itu satu tanda bahawa jenama kita ataupun *trade mark* kita itu boleh diakui. Akan tetapi bagi pihak yang musykil ataupun jenama-jenama ataupun *trade mark* yang tidak dikenali, tiba-tiba ditahan. Kita juga ada peraturan di sini bahawa barang yang dirampas kali pertama, kali kedua, ada peraturan dan juga undang-undang yang mengenakan tindakan. Akan tetapi sebagai yang saya katakan tadi, kita perlu juga bekerjasama dengan *border patrol* ataupun pegawai-pegawai kastam di peringkat lapangan terbang di sempadan Thailand – Malaysia, di Singapura terutamanya. Kadang-kadang pihak kastam tanpa kehadiran pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini, dia melepaskan sahaja barang-barang macam itu.

Jadi seterusnya ialah berkaitan dengan penjualan secara talian. Dalam keadaan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, penjualan secara atas talian ini telah dilihat sebagai satu trend atau fenomenalah dan rakyat, saya dapati majoriti sudah menggunakan *online* ini, beli *online*. Jadi kalau beli *online* ini, saya dapati mereka pun tertipu dengan – apabila sampai apabila ditayangkan di paparan Internet atau media maya, ia nampak macam cantik. Akan tetapi bila sampai ke tempat kita melalui pos, ia jadi tidak tulen dan kualitinya mungkin lebih ketara rendah daripada apa yang dikehendaki oleh pelanggan. Ini menyebabkan pengguna tidak selamatlah ataupun mereka tidak dapat barang tulen.

Saya ingin bertanyakan kepada kementerian, apakah cara yang diguna pakai oleh kerajaan untuk mengekang produk-produk barang tiruan yang dijual secara talian di negara ini? Macam Yang Berhormat Pontian beritahu, di satu tempat di Bukit Bintang, orang bawa jam tangan. Dia tayang jam tangan ini jenama Rolex, jenama Omega,

macam-macam jenama tetapi kita tidak tahu kesahihan. Itu depan mata. Akan tetapi dengan *online* ini, dengan talian ini, sampai pada kita mereka mendapat produk-produk yang jauh berbeza kualitinya.

■1500

Jadi, saya ingin supaya perkara ini diambil perhatian. Pada 7 Oktober 2018, Timbalan Pengarah Penguat Kuasa KPNDHEP telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa orang ramai digesa untuk membuat laporan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas peniaga, premis dan tidak disebut secara *online*. Menjual barang tiruan khususnya yang berkaitan dengan telefon pintar kah, komputer riba kah dan sebagainya.

Saya mencadangkan kementerian supaya adakah pihak kementerian menerima aduan ataupun laporan kepada penguat kuasa secara memberi gambar ataupun juga bukti secara rakaman video? Apa yang penting, kalau ini barang tiruan, barang jenama-jenama yang di seludup, tidak ada pengesanan, saya hendak kepastian, pemberi maklumat dan juga pelapor tersebut bolehkah dirahsiakan identitinya? Kalau saya ambil video, gambar, "*Ini ada tempat-tempat orang menjual jenama ataupun trademark yang dicurigai.*" Adakah saya boleh melaporkan kepada kementerian ataupun kepada kastam ataupun kepada polis, bukti video, bukti bergambar? Saya tidak mahu kalau saya yang melaporkan, nanti orang yang membuat jualan yang secara besar-besaran palsu, dia cari orang yang mengadu. Jadi ini perlu dilihat oleh kementerian.

Jadi saya berharap kementerian akan menjawab persoalan ini dan mengambil tindakan demi menjamin hak-hak keselamatan pengguna. Saya yakin, hasrat rang undang-undang ini baik. Kita sokong dan untuk itu tingkatkanlah urusan integriti, transparensi dan akauntabiliti. Ia hendaklah...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Sempat lagi mencelah? Kuala Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa tinggal 38 saat lagi.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Boleh. Saya pun hendak habis sudah. Sila.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya – berhubung dengan produk-produk IKS yang dikenal pasti dengan lokasi geografinya. Misalnya Sate Kajang, keropok losong. Bagaimana, saya harap supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian juga perkara ini sebab selalu berlaku.



Ditulis jualan itu “Keropok Losong”, tetapi bila kita makan, tidak rasa macam keropok losong pun. Begitu juga Sate Kajang. Ditulis “Sate Kajang”. Jadi pengguna selalu membangkitkan tentang perkara ini. Mungkin ini antara perkara yang boleh dilihat oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ya. Saya masukkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tenggara, sila gulung.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Kejam ya, saya gulung. Jadi kita lakukan lebih tertib, lebih teratur. *Insyallah*, rang undang-undang ini akan mempertahankan hak pengguna. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu dan diikuti oleh Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Jelutong.

### 3.03 ptg.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk menyertai perbahasan bagi Rang Undang-undang Cap Dagangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan ucapan syabas dan tahniah kepada kementerian atas usaha-usaha yang dilakukan bagi membolehkan rang undang-undang ini dibawa ke Dewan Rakyat. Di sini, saya ingin menyatakan bahawa saya amat menyokong rang undang-undang ini. Ini kerana Rang Undang-undang Cap Dagangan ini akan membolehkan negara Malaysia menyertai *Protocol Relating to the Madrid Agreement Concerning the International Registration of Marks* ataupun singkatannya Protokol Madrid dan ia sememangnya akan membawa pelbagai manfaat kepada rakyat.

Sebelum saya berbahas tentang Protokol Madrid, saya ingin berbahas berkenaan betapa pentingnya cap dagangan dalam dunia perniagaan. Ia penting untuk menekankan bahawa cap dagangan ataupun *trademark* dalam bahasa Inggeris merupakan suatu aset yang sangat bernilai dan sangat berharga walaupun ia sesuatu aset tidak nyata ataupun *intangible asset*, dengan izin. Cap dagangan adalah sesuatu harta intelek yang tidak boleh dipegang, tidak sama seperti rumah kedai, kilang, kereta, *machine* ataupun aset nyata yang lain.

Namun demikian, dalam dunia perniagaan, jenama adalah segala-galanya. Jenama bolehlah suatu nama, suatu logo, suatu imej ataupun simbol yang unik. Jenama adalah penting dalam bagaimana pasaran berfungsi sebab pembeli dan pengguna dapat membezakan antara pembekal barangan atau perkhidmatan yang berbeza. Jenama membolehkan pengguna membuat keputusan yang bermaklumat.

Di sini, cap dagangan memainkan peranan yang penting. Pemilik sesuatu jenama tersebut bolehlah memohon untuk mendaftarkan jenamanya sebagai cap dagangan dan mendapatkan perlindungan undang-undang. Cap dagangan itu membantu melarang pesaing daripada mencuri imej jenama atau membuat produk yang sama untuk mengelirukan pelanggan yang berpotensi. Pemilik cap dagangan mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan jenama mereka dalam perdagangan. Mereka juga berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang menggunakan cap dagangan mereka tanpa persetujuan.

Selain daripada tindakan sivil di bawah Akta Cap Dagangan, pemilik cap dagangan juga boleh mengemukakan aduan di bawah Akta Perihal Dagangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kes penyalahgunaan jenama atau tanda tangan. Inilah mekanisme yang melindungi sesuatu cap dagangan dan hak pemiliknya. Jenama perlu dilindungi untuk menggalakkan syarikat melabur dalam produk berkualiti dan memberi keyakinan kepada pengguna terhadap produk yang mereka beli. Jenama dapat membina hubungan yang kekal dengan pelanggan.

Dari semasa ke semasa, jenama menjadi tanya kepercayaan antara perniagaan dan pengguna melalui jaminan kualiti. Kepercayaan dalam pasaran ini adalah sebahagian daripada apa yang membolehkan perniagaan bersaing untuk perniagaan berdasarkan kualiti dan bukannya hanya harga. Selain itu, cap dagangan juga boleh dipindah milik. Ini bermakna, ia boleh dijual dengan wang ringgit kepada mana-mana pihak yang berminat. Oleh yang demikian, jelas cap dagangan memainkan peranan yang penting dalam dunia perniagaan. Cap dagangan adalah harta intelek tidak ternilai dan di antara harta penting untuk sesuatu perniagaan.

Dengan ini saya ingin berbahas berkenaan penyertaan Malaysia dalam Protokol Madrid. Antara masalah dengan Undang-undang Cap Dagangan pada masa kini dan masa dahulu adalah bahawa ia dapat hanya diiktiraf melalui wilayah dan terpaksa difailkan di setiap negara di mana perlindungan dicari. Saya difahamkan bahawa sebelumnya Akta Cap Dagangan 1976 diguna pakai bermula pada tahun 1983, Sabah,

Sarawak dan Semenanjung Malaysia mempunyai Undang-undang Cap Dagangan masing-masing.

Sebelum 1 September 1983 iaitu sebelum penguatkuasaan Akta Cap Dagangan 1976, perlindungan cap dagangan di Malaysia ditadbir oleh tiga ordinan yang berasingan iaitu *Trade Mark Ordinance 1950, the Trade Marks Ordinance of Sabah and the Trade Marks Ordinance of Sarawak* yang semuanya telah dimansuhkan oleh Akta Cap Dagangan 1976. Ini bermaksud, sebelum 1 September 1983, sekiranya sesuatu syarikat ingin untuk mendapatkan perlindungan bagi jenamanya di seluruh Malaysia, maka mereka terpaksa mendaftarkan tiga cap dagangan di tiga pejabat yang berlainan. Mereka terpaksa membayar tiga kali bayaran dan yuran ejen cap dagangan di ketiga-tiga wilayah.

Sekiranya ini tidak dilakukan, maka syarikat tersebut mungkin menghadapi masalah untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa yang jiplak. Ini sememangnya berlaku. Sebagai contoh, terdapat tiga pendaftaran Dunlop untuk tayar getah yang dibuat sebelum 1983. Satu untuk Sabah, satu untuk Sarawak dan satu untuk Semenanjung Malaysia. Sekiranya jenama Dunlop hanya didaftarkan di Semenanjung Malaysia dan Sabah tetapi tidak di Sarawak, maka ia tiada perlindungan terhadap sesiapa yang ingin jiplak tayar Dunlop Sarawak.

Akhirnya, sekiranya pengguna membeli tayar Dunlop yang palsu, maka pengguna tersebut akan menghadapi masalah dan juga mungkin akan mengalami kemalangan jalan raya akibat tayar yang tidak berkualiti. Oleh yang demikian, bagi saya, cap dagangan yang diiktiraf mengikut wilayah sahaja adalah tidak efisien dan sememangnya tidak masuk akal. Di sini saya bersyukur bahawa ini tidak lagi berlaku dan Undang-undang Cap Dagangan ketiga-tiga wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia telah pun disatukan.

Mengapakah saya menyatakan kesemua perkara di atas? Sebab saya ingin membangkitkan bahawa pada masa kini, walaupun suatu cap dagangan telah pun didaftarkan di Malaysia, ia tidak membekalkan perlindungan di negara lain. Di sinilah Protokol Madrid memainkan peranan yang penting. Pada saya, perkara yang paling menarik berkenaan Protokol Madrid adalah ia membolehkan pemilik sesuatu cap dagangan di Malaysia memfailkan permohonan cap dagangan antarabangsa ataupun *international trademark*, dengan izin. Protokol Madrid memudahkan untuk memfailkan pendaftaran cap dagangan di beberapa negara. Dengan memfailkan suatu permohonan pendaftaran cap dagangan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ataupun

singkatannya MyIPO, pemohon dari Malaysia boleh secara serentak mendapatkan perlindungan di pelbagai negara ahli di seluruh dunia.

■1510

Jelasnya ia baik bagi Malaysia menyertai Protokol Madrid selaras dengan kewajipan Malaysia di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN dan komitmen untuk pelan pembangunan ASEAN 2025. Sehingga kini, hanya dua negara dalam ASEAN yang belum menyertai Protokol Madrid termasuk Malaysia. Antara negara-negara jiran dari ASEAN yang telah menyertai Protokol Madrid adalah Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Selain itu, ia baik bagi Malaysia menyertai Protokol Madrid apabila kini dalam era internet, suatu jenama bukan saja terhad kepada satu wilayah. Satu jenama dari negara Malaysia juga dapat dilihat di sebelah bumi di United Kingdom melalui internet.

Kini terdapat ancaman laman web palsu sering melibatkan penyalahgunaan jenama dan syarikat secara dalam talian. Sesiapa dari negara asing yang ingin ciplak jenama Proton Malaysia boleh melakukannya. Oleh yang demikian, tibalah masanya negara Malaysia menyertai Protokol Madrid agar hak harta intelek rakyat Malaysia dapat dilindungi di seluruh dunia.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin menyatakan bahawa rang undang-undang ini jelas akan menawarkan perlindungan cap dagangan untuk perniagaan rakyat Malaysia dan membantu mereka untuk memperluaskan produk dan perkhidmatan mereka di dalam dan di luar negara menerusi satu permohonan, satu yuran dan satu bahasa sahaja.

Namun demikian, lebih banyak kesedaran diperlukan terutama di kalangan pemilik jenama dan syarikat mengenai pemilikan cap dagangan. Ia penting untuk mendaftar cap dagangan kerana jika tanda niaga itu tidak didaftarkan, maka jenama atau pemilik syarikat tidak akan dapat mengambil tindakan undang-undang di bawah peruntukan Akta Cap Dagangan terhadap pelanggan.

Ini sahaja perbahasan dari Kota Kinabalu. Saya mohon sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau.

**3.12 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Pertamanya ialah sesuatu perkara yang baik, kita akan sokong dan kalau tidak baik, kita tidak sokong ataupun kita beri teguran. Itu cara Ahli Parlimen yang mulia. Bukan dia cakap tajuk lain, dia cakap tajuk lain. Kejap lagi saya cakap tajuk lain, Yang Berhormat Jelutong *pi* cakap 1MDB. Itu tidak mulia. Yang mulia ialah benda yang benar kita sokong.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sokong, kawan-kawan saya semua sokong rang undang-undang ini dengan beberapa perkara yang harus diberi perhatian termasuk pindaan kepada teks bahasa Inggeris dan juga bahasa Malaysia. Yang Berhormat boleh buat di bawah Jawatankuasa sekejap lagi.

Pertama sekali, penyertaan Protokol Madrid ini tidak boleh ditangguhkan. Yang Berhormat sebenarnya tidak perlu lagi tunggu rang undang-undang ini kerana kita ada Akta 175 yang boleh kita daftarkan. Kalau tidak, kita ketinggalan ke belakang. Kita buat kerja ini selalu ketinggalan ke belakang dan bila kita hendak buat rang undang-undang itu, tujuan kita ialah untuk menambah baik apa yang ada.

Sekarang ini banyak kawan-kawan saya menegur pelbagai perkara tetapi janganlah kehadiran rang undang-undang ini menimbulkan kesusahan kepada rakyat Malaysia. Kita kena pastikan supaya rakyat Malaysia mendapat nilai tambah apabila kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat telah memperkenalkan beberapa bahagian dan juga perkara-perkara yang diperjelaskan daripada bahagian ke bahagian. Pertama sekali, Yang Berhormat, disebut contohnya ialah tentang mesti kita daftarkan semua barangan yang didagangkan dan sebagainya. Kita boleh mengambil banyak pendekatan. Pendekatan melihat negara-negara yang berjaya itu, apa yang mereka buat sehingga rakyat mereka boleh mengeluarkan barangan yang begitu melambak dalam pasaran dan kita ramai-ramai, orang Malaysia— Yang Berhormat Jelutong belum pergi lagi— ke Cambodia beli barang. Ke sana beli barang. Kadang-kadang hendak beli barang dari China pun boleh beli di Cambodia. Pergi beli barang. Pergi Vietnam beli barang, pergi China beli barang. Bawa balik barang itu dan kita niagakan di sini dan sebagainya. Jadi sekarang ini kita sudah rugi dua benda. Pertama, kita rugi sebab kita kena bayar tambang untuk pergi ke sana. Kemudian, kita kena belanja macam-macam.

Bagaimana Yang Berhormat di bawah Bahagian V itu, tempoh pendaftaran lima tahun itu, fasal 39 hingga 41, kita melihat balik Malaysia kita jadikan hab perdagangan. Sekarang ini saya bagi contoh ya. Forex ini di Malaysia diharamkan tapi orang berniaga Forex dan mereka daftarkan di *Singapore*. *Singapore* telah diumumkan akan menjadi pusat Forex antarabangsa yang terhebat dan terbesar. Jadi saya ingat *Singapore* tidak perlu berniaga lain lagi sudah. Dengan Forex itu, ia mampu untuk menampung perbelanjaan negaranya. Maknanya kita kena melihat benda ini daripada awal apakah negara ini haram, negara ini halal, kita cuma tengok saja? Kita tidak boleh tengok. Kita bukan dilantik untuk menjadi menteri *penengok*. Kita dilantik untuk menjalankan tugas.

Hab pendaftaran ini, Yang Berhormat, apakah boleh Malaysia dijadikan hab pendaftaran, contohnya untuk daftarkan kapal? Kapal kita banyak yang didaftarkan di Panama. *Why Panama?* Ada orang yang menyimpan duit di *Virgin Islands*. *Why Virgin Islands?* Padahal kita ada Labuan. Tapi promosi kita tentang Labuan itu sejauh mana berkesan dan berjaya? Jadi, kenapa orang tertumpu pergi sana? Kenapa tidak datang sini? Dan *Singapore* lah di antara tempat yang juga mengamalkan prinsip seperti *Virgin Islands*. Apakah *Singapore* juga mengamalkan pendaftaran seperti yang dibuat di Panama sampai pelbagai kapal, pendaftarannya Panama?

Apakah boleh barang dagangan yang mereka hendak perkenalkan yang baharu itu didaftarkan di Malaysia? Kita benarkan. Makna, siapa hendak daftar di Malaysia, ini dia kemudahan-kemudahan yang dibagi. Kalau tidak, kita hanya memperkenalkan rang undang-undang dan sesetengah rang undang-undang itu menyusahkan. Padahal rang undang-undang yang besar yang patut kita buat, kita tidak buat. Contohnya macam apa yang berlaku di Johor berhubung dengan toksik.

Patutnya buat rang undang-undang, hukuman-hukuman berat yang tertentu dan pampasan yang perlu kerajaan bayar kepada rakyat. Orang yang terkena kesan daripada toksik itu patutnya dapat pampasan. Bagilah mereka seorang RM10,000 dan sebagainya. Ini kerana kesan sampingan daripada toksik itu kita tidak tahu. Mungkin kena penyakit kanser dan sebagainya. Jadi saya minta wakil rakyat daripada Johor berlumba-lumba untuk bercakap hari ini supaya pampasan diberi, dibayar oleh kerajaan kepada mereka yang mendatangkan kesan.

Orang yang berniaga, seronok-seronok. Janganlah kerana hendak menyokong saya nanti kata kononnya sokong Barisan Nasional, tidak payah, Yang Berhormat. Kita tidak perlu ini. Ini rakyat kami pun. Kerana demi rakyat, kami sanggup menyokong

beberapa perkara, beberapa pemimpin, tidak ada masalah, sebab demi rakyat. Demi rakyat, puak-puak Johor Bahru menuntut supaya...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Arau, minta penjelasan demi rakyat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Kerajaan bayar pampasan. Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya tertarik dengan beberapa hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Arau. Tujuan rang undang-undang ini adalah, satu, untuk memberi keselamatan dan juga untuk melindungi pengguna. Kedua, untuk mengelakkan produk tiruan.

Saya bangkitkan isu tiruan dan minta pandangan Yang Berhormat mengenai produk tiruan khususnya yang menjadi masalah kepada belia-belia kita khususnya belia-belia India yang sekarang pandai minum arak dan dua hari lalu kita dapati dua orang belia India yang telah minum sampai terpaksa masuk ke ICU. Produk itu sebenarnya nama jenama itu adalah apa yang dikatakan *is a certified product* tetapi masalahnya dalam produk itu ada apa yang dipanggil *methanol poisoning*. So, mereka sebenarnya minum *methanol poisoning* dan terpaksa di bawa ke hospital sampai ke ICU.

Tapi ini merupakan masalah bukan sahaja yang terlibat pada anak-anak muda belia India tetapi juga anak-anak orang Melayu pun yang minum produk tiruan ini. Akan tetapi, saya fikir kita di sini berbincang mengenai *copyright*, mengenai *trademark* dan sebagainya tetapi jelas di depan kita di kedai runcit, mereka menjual barang-barang tiruan yang menjadi masalah kepada rakyat sendiri. So minta pandangan Yang Berhormat mengenai isu ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya akan masuk bahagian terakhir ucapan saya. Jadi saya tidak payah sebut yang itu. Saya masuklah sebagai sebahagian daripada ucapan saya untuk ditanya kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya masuk ini barang-barang tiruan. Tetapi barang tiruan— sebab sudah Yang Berhormat sebut, saya hendak kena sebut. Saya harap saya ingat tajuk saya awal.

Barang tiruan ini termasuk kita pergi ke kedai hendak beli barangan jenama tetapi di beberapa tempat di KL ini ada kedai yang menjual barang tiruan kelas A macam disebut Yang Berhormat Kinabatangan, dia pandai, dengan Yang Berhormat Pontian, dia orang pandailah, sebab dia orang mungkin ada beg yang berkenaan. Beg ini dia

kata beg tiruan tapi kelas A, tapi dia pakai jenama itu. Tidak payah sebut nama jenamalah sebab saya tidak berapa pandai.

■1520

Puak-puak yang pandai yang ada jenama, saya lupalah tentang- contohnya beg tangan. Ia ada beg tangan tiruan kelas A tetapi nama itu. Adakah tiruan ini dikeluarkan oleh syarikat yang berkenaan sebab ia ada kelas A, ia ada kelas B, hak ini yang lekeh dia kata kelas C ini dekat pasar malam ada. Akan tetapi yang kelas A ini dijual di kedai yang berkenaan, bukan dijual di kedai yang berkenaan tetapi kadang-kadang kedai yang jual barang jenama tadi berbisik-bisik, dia kata barang tiruan kelas A pun ada, ini *dok* bawah. Jadi, kita beli. Barang sama, cuma mungkin *buckle* sahaja lain. Contohnya, contoh. Saya tak berapa pandai yang itu. Akan tetapi saya nak bagi tahu bahawa kenapa barang tiruan itu yang kelas A ini pakai jenama yang sama?

Demikian juga seperti yang disebut tentang minuman. Saya mengetahui benda ini sebab saya melawat kawasan hutan dan kawasan saya ramai daripada mereka yang juga minum benda ini. Kita tahu bahawa orang yang ambil kesempatan untuk menjual barangan ini, mereka tak peduli apa isi di dalam asalkan dia cepat mabuk, dengan itu mereka dapat keuntungan. Seperti yang berlaku di negeri belah utara, daun ketum itu ada nilai-nilai perubatan yang tinggi tetapi kerana dicampurkan dengan ubat batuk dan *Coca-Cola*, ia akan jadi barangan lain yang dipanggil nama '*simkonroi*' ataupun kalau bahasa di sana dipanggil '*cakoroi*'. Ini bahasa Siam ini '*simkonroi*' ialah lari 100 meter, 4 x 100 meter.

Okey, *mai* tajuk ini balik. Jadi, barangan tiruan ini, hak yang ini Yang Berhormat, tanpa menunggu akta ini di ini, Yang Berhormat kena laksanakan serta-merta. Kalau Yang Berhormat kata ini bukan kementerian saya, ini kementerian lain, Yang Berhormat, kerajaan ambil tanggungjawab untuk ambil tindakan ini. Tak bagus ini, kita membiarkan rakyat kita ditipu dengan barangan yang bohong dan kena ambil tindakan yang keras. Kenapa negara-negara seperti Singapura, orang tak berani jual barang-barang tiruan ini dengan cara berleluasa? Ini kerana undang-undangnya ada dan dilaksanakan. Kita ada undang-undang, tetapi tak laksana. Contohnya, undang-undang tebang hutan, tebang hutan ini dendanya berat tetapi kita tak laksana. Kita menunggu dan lihat untuk siapa-siapa nak laksanakan.

Sebenarnya kalau rakyat Malaysia mengambil pendekatan bahawa sesuatu kesalahan yang berlaku itu tanggungjawab bersama untuk laksanakan, maka negara ini selamat. Biar rakyat mengambil tanggungjawab. Melihat orang campak sampah, kita



pergi tangkap dia, jangan campak sampah. Kita buat, semua kalau orang berani buat macam itu, terutamanya wakil rakyat. Wakil rakyat ini semua bagus sebab apa, kalau macam ada kemalangan, dia akan berhenti kereta, tahan kereta dan sebagainya. Itu kira bagus. Kita hendak rakyat Malaysia buat macam itu, prihatin kepada apa yang berlaku.

Jadi, barang dagangan ini cuma tak masuklah akta ini. Dia sebut, patut disebut bahawa rakyat Malaysia hendaklah prihatin kepada apa yang akan diperkenalkan ini. Ini adalah demi kepentingan rakyat dan juga semua pihak. Yang Berhormat kena masuk, semua rang undang-undang masukkan perkataan '*rakyat Malaysia hendaklah prihatin*'. Baru itu bagus. Kemudian Yang Berhormat Menteri-menteri pula kalau nak berucap, berucaplah dengan bahasa-bahasa yang boleh pasaran naik. Oleh kerana pasaran- kita bercakap, saya rasa elok kelmarin ini, pasaran saham kelmarin naik. Ini sebab cara kami *monitor* saham ini kami tanya apa dia, PH ke BN? Kalau BN itu naiklah, kalau PH jatuh. Jadi, sudah PH bukan main lama jatuh, kelmarin BN. Jadi, saya telefon macam mana pasaran? Dia kata BN, naik lagi. Makna kata beberapa kenyataan kita... [*Dewan ketawa*] Kelmarin itu, Yang Berhormat Jelutong pun kurang ganggu, kita lihat pasaran kita naik. [*Dewan ketawa*]. Macam hari ini, sudah pasti sekejap lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat akan lihat pasaran kita akan naik kerana beberapa ucapan positif yang dibuat oleh Ahli Parlimen. Kalau saham naik, rakyat Malaysia untung. Tidak ada masalah dan kita yang tolong bagi barang naik, kita hanya mencari pahala di akhirat.

*Mai* tajuk ini balik. Kita minta supaya Malaysia jadi hab pendaftaran kepada barangan-barangan baru yang hendak diperkenalkan. Yang Berhormat, saya ini suka barang-barang yang di-*advertised* seperti gergaji pokok dan sebagainya, saya *order*. Cuma saya ada satu barang saya *order*, saya tak tahu nak pakai. Oleh sebab apa? Dia tak bagi panduan. Dia pun tak mahu bagi tahu berlebih-lebihan sangat, nanti kita tahu apa syarikat. Akan tetapi barangan ini bukan barangan sini, barang dari luar tetapi dia ada ejen di sini. Dalam sosial media, ia keluar tiap-tiap hari barangan baru. Gergaji pokok, nak tanam pokok. Sekarang nak tanam pokok pakai penggerudi dan sebagainya. Itu boleh pakai dan saya pakai, cantik sahaja. Akan tetapi sesetengah barangan, kita tahu bahawa mereka mengambil kesempatan awal untuk menjualnya secara *online*. Kita jangan- nak halang tak boleh *online* ini. Jangan kita bila perkenalkan akta ini, budak-budak yang berniaga *online* ini akan jadi keluh kesah. Jangan buat apa. Kita kena pastikan kita *facilitate*, kita memudahkan, jangan kita menyusahkan. Dulu prinsip yang kita pakai, dulu ada seorang bekas Perdana Menteri menyebut bahawa kita kena permudahkan, jangan menyusahkan.

Jadi, rang undang-undang sekarang ini ialah untuk menyenangkan tetapi tambahan baru saya bercadang kepada Yang Berhormat tadi, kalau ada barangan-barangan tertentu yang hendak didaftarkan, kita jadikan Malaysia sebagai hab pendaftaran barang dagangan di samping kita memberi perlindungan kepada barangan tempatan dan orang-orang kita, harta intelek kita tetapi orang luar yang ingin membuat pendaftaran tertentu bagi barangan tertentu. Ini sebab sekarang ini Yang Berhormat telah tambah, dulu cap dagangan tetapi sekarang Yang Berhormat tambah bau macam bau wangi, warna. Cuma *action* Yang Berhormat tak masuk, *action*. Macam Clint Eastwood, dia *action* dia macam itu. Jadi, adakah dia nak daftar *action* dia? Macam Michelle Yeoh, *action* dia macam ini. Jadi, apakah nak daftar *action* ataupun lain-lain perkara yang ada *action* yang tertentu yang kita hendak daftarkan. Macam Marlboro, *action*-nya macam- Rough Rider, jadi dia ada *action*. Cap dan juga apa-apa, saya tak berapa minat sangat tetapi saya nak cerita bahawa Yang Berhormat boleh tambah supaya menarik orang untuk daftar dengan kita. Kemudian...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:**  
Yang Berhormat Arau, Kuala Terengganu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, silakan.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:**  
Saya celah sekejap. Saya tertarik tentang masalah sekali lagi berkait dengan *patent* tadi dan juga tentang kejatuhan pasaran yang telah disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi. Di dalam satu laporan di dalam *The Edge Markets* dalam mengulas tentang pengumuman Perdana Menteri bahawa Kerajaan Pakatan merancang untuk menjual aset bagi tujuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi katanya. Jadi, di dalam laporan berkenaan ada menyebut tentang rancangan untuk penjualan aset-aset Khazanah seperti UEM Sunrise, UEM Edgenta, Malaysia Airports Holdings Berhad, Malaysia Airlines Berhad dan sebagainya.

Jadi, sebahagian jenama ini adalah jenama yang terkandung di situ jenama Malaysia, nama Malaysia. Malaysia Airlines System, Malaysia. Jadi, bagaimana berhubung dengan jenama yang dikenali dengan Malaysia sekiranya dijual kepada kepentingan asing, bagaimana kawalan daripada segi- Kita tak tahu nanti tiba-tiba ia jadi milik asing, jenama Malaysia tetapi pramugarinya barangkali berpakaian ceongsam ataupun berpakaian Benggali dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebenarnya daripada segi pasaran saham, saya ada pandangan tersendiri. Akan tetapi oleh kerana Yang

Berhormat satu geng dengan saya, kita kira masuk dalam ucapan sayalah. Akan tetapi daripada segi pasaran saham itu, ia ada cerita lain sikitlah tetapi hari ini pasaran saham akan melambung sebab apa? Kita cakap secara positif, nak jadikan Malaysia hab pendaftaran kepada barangan-barangan baru, jenama-jenama baru. Jadi, Singapura sebut *forex*, tempat perdagangan *forex*. Malaysia, pendaftaran jenama-jenama baru yang ingin didaftarkan. Jadi, orang akan berlumba-lumba, berebut-rebut orang daripada Vietnam, daripada Cambodia, daripada China untuk datang mendaftar barangan mereka di sini.

Akan tetapi kita, kalau kita hendak buat benda itu, kita kena buat seperti HALAL kerana HALAL yang ada satu jawatankuasa dan kepakaran untuk membenarkan sesuatu barang itu untuk didaftarkan di sini. Jadi, kita akan jadikan Malaysia bukan sahaja tempat untuk orang bertumpu tetapi sebagai tempat untuk barang-barang yang berjenama. Sekarang ini kita Malaysia dijadikan negara lambakan. Lambakan barangan, lambakan orang. Kita dah tahu, lambakan orang sekarang ini luar biasa seperti kalau kita hendak tengok orang Afrika, orang Afrika sekarang dah seronok, bergembira sebab apa? Ini sebab Yang Berhormat Menteri umum bahawa orang Afrika boleh datang sini. Lepas itu mujur Yang Berhormat Langkawi selamatkan, tidak boleh. Pasaran kita naik balik.

#### ■1530

Kalau kita bawa masuk lebih ramai mereka, pasaran kita jatuh balik. Ini disebabkan kita kena ingat, dari segi orang yang mampu bekerja untuk kelapa sawit, untuk ini, dia ada jenis-jenis manusianya. Bukan sebarang orang. Ada macam ada sesetengah negara, dia datang ke sini hanya hendak menipu saja ataupun berfoya-foya saja. Akan tetapi, ada negara yang orangnya kaki bekerja.

Saya pernah pergi sebuah negara, di petang hari raya, saya, dia sebut pada saya, saya berkata, "*Siapakah orang yang bekerja di petang raya ini?*", dia sebut nama orang itu. Saya berkata, "*Siapa orang yang berniaga di sini?*", dia sebut nama orang ini. "*Siapakah orang yang duduk di rumah, duduk bermain ayam itu?*", dia sebut nama orang ini. Jadi hendak tunjukkan bahawa orang itu dikaitkan dengan pekerjaan. Kalau kita hendak orang bekerja di – kita boleh ambil Bangladesh, kita boleh ambil Indonesia dan sebagainya. Mereka masih berlambak untuk datang ke sini, yang kita sebut bahawa oleh sebab beberapa orang bercakap, Menteri pun bercakap.

Menteri tidak boleh buat macam itu. Menteri hendak cakap, biar dicakapkan oleh penasihat. Sudah ada bukti, baru bercakap. Ini main pakai lepas cakap sahaja. Sorang

cakap, terus kita bercakap. Kita Menterilah sekarang. Jangan cari publisiti yang demikian rupa. Publisiti itu adalah hak kami sekarang. Yang Berhormat Jelutong pun tidak dapat publisiti itu lagi. Kami yang dapat sebab kami pembangkang yang hebat, ya.

Jadi, jadikan Malaysia sebagai hab pendaftaran *online* dan kita minta supaya jenama-jenama yang *branded* ini kena dikawal sedikitlah supaya jangan orang berkata Malaysia ini tempat barang tiruan kelas A, kelas B dan sebagainya. Biar Malaysia, barang ori. Kalau hendak ori, datang Malaysia. Kalau tidak hendak ori, yang orang selalu orang pakai, pergi sana dan sebagainya. Jadi, Malaysia barang ori, Malaysia sebagai hab pendaftaran dan kita galakkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Lapan saat saja lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Online business* ini Yang Berhormat, *online business* ini, kita galakkan. Sebab apa? *Online business* di Malaysia, banyak melibatkan orang-orang muda. Biar rang undang-undang ini, orang muda gembira untuk menerimanya walaupun undi mereka tidak akan bagi kepada mereka. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hal ini tentang pakaian, ya. Saya sebut tentang pakaian. Kami ini, UMNO pakai merah, tahu? Pakai merah. Tiba-tiba, ada parti baru masuk, dia pun pakai merah. Jadi, apakah ini termasuk di bawah apa ini...

**Seorang Ahli:** Cap dagangan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hak cipta. Sebab apa? Semasa pilihan raya di Cameron Highlands, di Semenyih dan juga di Rantau, saya duduk 14 hari di Cameron Highlands, 14 hari di Rantau dan 14 hari di Semenyih. Apabila saya memakai baju merah, geng saya semua pakai baju merah. Saya berjalan kaki. Mereka datang sambut. Bila sampai dekat, "Allah, silap orang Dato'". Jadi, baju merah ini hak cipta kami sebagai contoh. Apakah?

Akan tetapi, kami tidak berkira sangatlah, tidak kisah. Orang telah popularkan. Macam baju oren, yayasan saya, pakai baju oren. Ini disebabkan saya ini belajar di Belanda. Saya buat *my Master* dekat Belanda. Jadi, Belanda pakai oren sebab pasukan Belanda, pasukan oren. Semasa dahulu, Belanda adalah johan dunia ya. Jadi, saya pakai oren. Tiba-tiba *mai* parti baru, dia pakai oren. Apakah dia tiru saya ataupun saya tiru dia. Jadi, orang saya tidak berani pakai oren sebab takut dituduh masuk parti yang

berkenaan. Apakah baju parti ini juga dikawal di bawah ini? Terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar yang terakhir. Terima kasih.

### 3.33 ptg.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pada asalnya tidak bercadang untuk berbahas. Akan tetapi, setelah melihat beberapa insiden yang berlaku sehari dua ini, saya telah menyatakan niat untuk turut berbahas dalam satu topik ini. Walaupun saya kurang sihat pada hari ini, selepas ambil ubat daripada doktor, saya masih ingin berbahas tentang isu ini kerana...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kami bersimpati Yang Berhormat Jelutong, kami simpati. Saya minta maaf, saya tidak tahu tadi. Saya tidak tahu. Minta maaf.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Terima kasih. Kita lihat, saya ingin menumpukan perhatian saya kepada akta ini terutamanya Bab 3 iaitu kuasa menangkap, kuasa untuk memasuki premis, memeriksa, menyita barang-barang dan kuasa Majistret untuk mengeluarkan waran geledah. Penggeledahan di bawah seksyen 122. Dalam erti kata lain, peruntukan-peruntukan yang menarik perhatian saya adalah seksyen 119, seksyen 120, seksyen 121, seksyen 122, seksyen-seksyen tersebut.

Di mana kita lihat, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Klang tadi, Yang Berhormat telah pun menyentuh perkara ini, melibatkan insiden cap dagang berkenaan penjualan minuman-minuman keras. Kita lihat dewasa ini, terdapat banyak kejadian dan insiden melibatkan penjualan arak tiruan. Jenama-jenamanya saya tidak mahu sebut di sini dan kita lihat juga ini adalah disebabkan oleh kemasukan banyak warganegara asing. Ini di mana, warganegara asing ini cenderung untuk mencipta minuman-minuman arak ini menggunakan jenama-jenama yang sedia ada.

Maklumlah pekerja-pekerja asing daripada luar negara yang datang ke sini selepas bekerja keras di syarikat ataupun mungkin sebagai buruh binaan akan membeli

minuman-minuman ini dan meminumnya. Kita lihat kejadian-kejadian yang berlaku sejak kebelakangan ini bukan saja di Selangor, di Pulau Pinang juga ada. Lebih kurang empat orang yang telah meninggal dunia baru-baru ini di Seberang Perai, saya difahamkan.

Kelmarin, satu kejadian melibatkan seorang pelajar di Kuantan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Klang tadi, di mana pelajar tersebut tidak pergi ke sekolah tetapi telah minum minuman keras, *illicit liquor*, minuman keras dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Minuman keras yang menggunakan, mungkin menggunakan cap dagang, satu minuman yang sudah pun berada di dalam pasaran.

Masalah ini, merupakan masalah sosial di mana kita lihat, kementerian harus memberikan perhatian yang serius kepada perkara ini kerana dewasa ini, perkara ini telah pun berleluasa. Kita lihat dalam masa setahun ini, banyak sangat yang telah meninggal dunia. Bukan saja warganegara Malaysia tetapi juga warganegara asing yang telah meminum minuman-minuman keras ini dan meninggal dunia.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memantau penjualan minuman-minuman keras terutamanya minuman-minuman keras yang menggunakan jenama yang sedia ada di mana jenama itu ditiru dalam tin-tin yang dicipta, botol-botol yang dicipta yang memang merupakan akan - daripada pandangan kasar, sekilas pandang merupakan akan lebih kurang mirip seperti yang asal tetapi tidak mengandungi sesuatu minuman keras yang melalui proses-proses saintifik yang telah ditetapkan.

Dalam erti kata lain, kandungan metanolnya akan berlebihan ataupun tidak diproses secara seperti yang disyaratkan oleh pihak kementerian dan pihak Kementerian Kesihatan tetapi dijual secara berleluasa. Masalah ini adalah masalah yang perlu diberikan perhatian. Saya yakin dan percaya kementerian di bawah kerajaan baharu, boleh memberi perhatian kepada perkara ini kerana ini merupakan perkara yang agak serius ketika masa ini di mana banyak sangat berlakunya kejadian-kejadian seperti ini dan semakin lama ia semakin berleluasa.

Kita lihat bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kementerian tidak mencukupi. Saya ingin bertanya di sini kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi anggota-anggota penguat kuasa? Pertamanya. Kedua, adakah kementerian bercadang untuk menggunakan anggota-anggota penguat kuasa yang akan memakai *uniform* atau memakai pakaian preman untuk melaksanakan tinjauan dan penyiasatan?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian juga akan memberikan apa-apa insentif kepada pemberi maklumat di kawasan-kawasan tertentu? Kita lihat di mana ada lambakan pekerja-pekerja asing di Pulau Pinang umpamanya, di tempat-tempat di mana berlakunya pembinaan-pembinaan baharu, di mana kita lihat ada penubuhan kilang-kilang baharu, di mana kita lihat pekerja-pekerja asing yang baharu, di mana kita lihat ada juga kejadian-kejadian ini berlaku – banyak sangat.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian dan saya merayu supaya perhatian diberikan kepada perkara ini kerana perkara yang berlaku di Kuantan – Yang Berhormat Batu Kawan?

■1540

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Jelutong, sedikit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sila.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Jelutong untuk kita memberikan perhatian kepada gejala penjualan arak murah ini yang hari ini boleh dibeli RM1.50, boleh dibeli arak murah. Akan tetapi saya ingin mengetengahkan statistik bahawa penjualan arak murah ini di Malaysia anggaran setiap tahun adalah RM180 juta. Jadi ini merupakan satu industri yang “lumayan” dan ia memberikan *the market*, pemasaran arak murah ini adalah kepada golongan B40.

Jadi, apakah cadangan atau pandangan Yang Berhormat Jelutong sekiranya kita mencadangkan bahawa penguatkuasaan yang lebih diberikan kuasa penyitaan kuasa untuk *confiscate* produk-produk ini dan juga ke hujung pangkal isu ini iaitu tempat pemprosesan pembikinan arak murah ini. Saya bersetuju memandangkan ada korelasi di antara pengambilan arak murah ini dengan jenayah keganasan rumah tangga. Ramai wanita menjadi mangsa keganasan rumah tangga disebabkan oleh penjualan arak murah ini yang diambil oleh klien mereka adalah daripada golongan B40. Apa pandangan Yang Berhormat Jelutong? Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan di atas pandangan yang telah diberikan. Saya rasa sungguh bernas kerana kita lihat bahawa ini merupakan satu industri di mana pihak-pihak tertentu telah pun menceburi dalam industri ini bagi mengaut keuntungan. Mereka menggunakan pemuda-pemuda sebagai sasaran pasaran mereka. Kita lihat kalau inilah perkara yang akan berlaku atau dibiarkan berlaku, masa depan pemuda-pemuda terutamanya

pemuda-pemuda India ini memang sudah pun hancur. Ini kerana kita lihat mereka ini menjadi mangsa kepada dengan izin Tuan Yang di-Pertua *peer pressure* ataupun niat ingin tahu dan ingin minum untuk merasai khayal dan sebagainya.

Saya di sini terpanggil untuk membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana perkara ini menjadi sesuatu isu yang begitu tular dalam laman sosial di mana seorang pemuda ini dilihat terlantar di sekolahnya. Beliau sepatutnya hadir untuk sesi persekolahan tetapi tidak hadir. Mujurlah ada orang yang telah melalui kawasan tersebut yang lihat beliau dalam keadaan sudah pun pengsan dan membawa beliau ke hospital. Kemudian beliau telah memberitahu doktor, pada hari ini keluar dalam laman sosial bahawa beliau cuma minum hanya untuk mengetahui ataupun beliau tidak mengetahui ia mengandungi minuman keras dan sebagainya.

Akan tetapi perkara ini adalah perkara pokok yang saya ingin bawa kepada perhatian kementerian iaitu berkenaan dengan cap dagang di mana kita perlu mungkin mengeluarkan lesen tertentu kepada pihak-pihak yang boleh menjual arak, kepada pihak-pihak yang dibenarkan untuk menjual arak, bukan di semua kedai runcit dan sebagainya.

Ini adalah sesuatu yang perlu dikawal kerana kalau kita lihat di perkampungan-perkampungan luar bandar, di mini market umpamanya dengan izin, 7-Eleven dengan izin, mereka begitu senang menjual minuman-minuman arak dan kita lihat minuman-minuman keras ini begitu senang dipamerkan dalam peti ais dan sebagainya. Akan tetapi, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa arak yang dijual itu adalah arak yang asal? Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong, minta pandangan Yang Berhormat Jelutong. Ini berkaitan dengan isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat berkaitan dengan arak tiruan. Sebenarnya ini berkaitan dengan Akta Eksais 1976 dan nampaknya masa sudah sampai untuk kementerian untuk membuat perubahan undang-undang berkaitan supaya kerajaan tidak akan mengeluarkan mana-mana lesen dan apa dikatakan Lesen Kelas Awam II dan juga itu boleh ditukar dan boleh *replace* dengan apa yang dipanggil lesen arak khas yang hanya boleh dijual di kedai-kedai yang fokus kepada penjualan arak. So, mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan beberapa syor macam ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang di atas pandangan yang telah diberikan. Saya sekali lagi ingin



mengguna kesempatan ini hanya untuk berbalik kepada tajuk yang sedang dibincangkan, Yang Berhormat Klang *mike*, dengan izin. Saya cuma ingin menarik perhatian kementerian dan kakitangan yang ada mendengar perbahasan ini, untuk memaklumkan pada mereka bahawa lambakan minuman tiruan atau cap dagang minuman-minuman keras tiruan sudah pun banyak dalam pasaran.

Seperti yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana tadi kalau kita pergi ke jalan-jalan tertentu di Kuala Lumpur, kita boleh membeli jam tangan tiruan, beg tiruan dan sebagainya. Begitu juga kita lihat banyak sangat video yang dihantar melalui laman-laman web ataupun *WhatsApp* yang menunjukkan mereka menggunakan botol-botol minuman keras yang telah pun didaftarkan. Akan tetapi cara mereka memproses minuman tersebut adalah cara yang begitu menjijikkan.

Di sini, tujuan saya berbalik kepada isu ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pemuda-pemuda kita terutamanya pemuda daripada kaum India di mana walaupun banyak sangat langkah-langkah yang diambil untuk melarang mereka daripada meminum minuman keras ini secara agama, mungkin juga secara nasihat di sekolah dan sebagainya dan pendidikan tetapi ada juga kalangan daripada mereka yang mempunyai sahabat-sahabat daripada golongan yang datangnya daripada luar negara. Mungkin berkenalan semasa makan di restoran, mungkin berkenalan daripada tempat yang mereka pergi bersama-sama dan sebagainya, bermain bola dan sebagainya. So, ini mungkin menyebabkan mereka terpengaruh untuk mencuba minum minuman-minuman arak tiruan ini yang akan menyebabkan banyak masalah sosial.

Saya di kesempatan ini hanya ingin menggunakan peluang ini untuk menyeru pihak kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meneliti undang-undang yang ada. Saya walaupun menyokong rang undang-undang yang dibentangkan, cuma ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian dan semua pegawai yang terlibat untuk meningkatkan lagi langkah-langkah penguatkuasaan bukan sahaja berkenaan dengan arak tiruan tetapi semua produk tiruan seperti jam tangan, beg dan sebagainya.

Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang isu penjualan produk-produk melalui laman-laman sosial, LAZADA dan sebagainya. So, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa produk-produk yang dijual ini adalah daripada jenama-

jenama asal. Ini kerana kita lihat bahawa dewasa ini tidak ada sebarang kawalan terhadap *online sales*. Produk-produk yang dijual melalui *online sales*.

Bagaimanakah pihak kementerian bercadang untuk mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna tidak ditipu oleh pasaran-pasaran yang menggunakan jenama-jenama yang kononnya merupakan jenama istimewa dan jenama eksklusif. Akan tetapi selepas membeli jenama tersebut, kita lihat banyak juga aduan yang keluar menyatakan bahawa mereka telah ditipu dan mungkin setelah menghantar bayaran, produk yang mereka terima itu tidak memenuhi kehendak mereka.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian? Kita lihat baru-baru ini juga ada banyak kejadian yang melibatkan penjualan-penjualan *online* oleh syarikat-syarikat tertentu. Banyak sangat produk yang dijual umpamanya saya merupakan seorang penyokong kelab Liverpool tetapi banyak sangat kita lihat dalam laman web ada yang kononnya menjual jersi yang asal tetapi setelah kita melihat jersi, mungkin menempah dan menerimanya mungkin ia bukanlah jersi yang asal.

Kita ingin pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna di sana tidak ditipu oleh syarikat-syarikat yang memasarkan produk-produk ini di mana mereka menggunakan laman-laman sosial, *Facebook* dan sebagainya untuk memasarkan produk-produk tertentu tetapi ia merupakan produk-produk tiruan.

#### ■1550

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan dan mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

#### 3.50 ptg.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan untuk saya turut serta memberi pandangan dan membahaskan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019. Saya yakin dan percaya keseluruhan Ahli Dewan yang mulia ini telah banyak bahaskan tentang niat asal dan objektif bagaimana rang undang-undang ini akan digubal dan dibentuk pada hari ini dan kemudiannya dikuatkuasakan pada tarikh selepas diwartakan.

Cumanya, saya ingin balik kepada perkara asas bahawasanya Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 ini merupakan satu *trade mark* yang akan digunakan bagi menghilangkan atau melegakan keresahan rakyat Malaysia agar mereka dapat memperoleh sesuatu perkara sama ada perniagaan mereka selamat atau pengguna yang menggunakan barang yang telah dibeli itu selamat bagi memastikan kualiti barang yang mereka peroleh itu tercapai.

Oleh kerana apa, kita yakin dan percaya *trade mark* ini mempunyai fungsi-fungsi. Cumanya, bagi saya sebab rang undang-undang ini merupakan rang undang-undang yang amat penting bagi rakyat Malaysia. Akan tetapi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tenggara sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, apabila ada perbezaan data ataupun perbezaan tafsiran yang dibuat fasal 100 perkara 5A dan 5B, dan ditafsirkan dalam Bahasa Inggeris pula adalah berbeza, bagaimana kita hendak bercakap tentang protokol atau triti antarabangsa, Protokol Madrid, konvensyen yang disebutkan dalam rang undang-undang ini kalau tafsiran yang kita buat ini adalah tafsiran yang berbeza? Mana mungkin orang-orang antarabangsa akan baca dalam Bahasa Melayu. Mereka akan *refer* dan perundangannya akan berasaskan kepada Bahasa Inggeris.

Itu sebabnya saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir ini seperti mana Yang Berhormat Arau sebutkan tadi amat berpotensi – Menteri. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri agar perkara ini merupakan satu pengajaran dan pembelajaran supaya ini tidak berulang lagi. Kenapa? Apabila kita membentangkan di Dewan yang mulia ini, kita harus melalui fasa-fasa dan semakan-semakan. Kalau ini terus berlaku, saya yakin Bursa Saham yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau itu akan jatuh. Ini kerana apa? Kecuaian integriti. Oleh sebab itu, kita hendak bawa satu rang undang-undang *trade mark* untuk menghilangkan, keresahan, kerisauan pengguna dan penjual.

Hari ini kalau kita mendapat perkara ini akan berlaku dalam rang undang-undang akan datang, saya khuatir, saya risau, saya semak tadi Bursa Saham naik tujuh mata. Kalau ini dilihat oleh masyarakat antarabangsa untuk kita mengikut Protokol Madrid atau konvensyen dan triti antarabangsa berkaitan dengan perihal *trade mark* ini, saya yakin dan percaya ini akan menghilangkan niat asal kita Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yakin kalau Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan rang undang-undang ini, dia akan mempunyai kemaluan yang amat besar. *[Ketawa]*

Saya ingin menyentuh beberapa isu yang berkaitan. Saya ingin membawa satu perkara yang saya kira amat penting untuk kita lihat di peringkat kita pada hari ini. Pada 1 Oktober 2018, mahkamah tinggi mengarahkan pendaftaran Cap Dagangan *MaxxOil* yang dimiliki oleh syarikat penjual dan pengedar minyak pelincir, Shift Holdings Sendirian Berhad dihapuskan berkuat kuasa hari ini. Hakim Datuk Wong Kian Keong memutuskan demikian selepas membenarkan tuntutan pengilang minyak pelincir jenama *MaxxOil* kepada syarikat Maxcare Success Sendirian Berhad sebagai plaintif. Perkara-perkara ini telah berlaku. Oleh kerana apa? Saya yakin inilah yang disebut dan niat asal yang dibentangkan dalam bacaan kali kedua oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Kes yang kedua, kes *McDonald's*. Apa yang menarik Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, apa yang istimewa kes ini adalah ia berlaku di Malaysia. Kes *McDonald's* ini berlaku di Malaysia. Terdapat sebuah kedai kari kecil yang diberi nama *McCurry* di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Dibuka pada tahun 1999, *McCurry* kemudiannya telah dibawa ke mahkamah oleh *McDonald's* dua tahun selepas beroperasi. P. Suppiah pemilik *McCurry* kemudian menjawab bahawa amalan ini adalah amalan biasa yang digunakan di Eropah malah maksud 'Mc' dalam *McCurry* adalah *Malaysian Chicken Curry*. Kes ini kemudiannya telah dimenangi oleh *McDonald's*, bukan *Malaysian Curry Donald's* tetapi *McDonald's*. Pada awalnya keputusan itu dimenangi oleh *McDonald's* tetapi telah dibatalkan selepas *McCurry* membuat rayuan. Keputusan baru ini telah mengubah cara *McDonald's* beroperasi di Malaysia, mahkamah memutuskan bahawa *McDonald's* tidak memiliki awal 'Mc' di seluruh Malaysia.

Apa yang saya ingin nyatakan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, kita ada pelbagai rang undang-undang. Kita ada rang undang-undang yang menguatkuasakan hak intelek, *intellectual rights* di negara ini. Kita ada Akta Hak Cipta 1997. Kita ada perihal dagangan yang akan kita pinda 1972 sebentar lagi. Kita ada Akta Paten 1983. Kita ada Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996. Kita ada Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Kita ada Akta Petunjuk Geografi 2000. Kita ada Akta Cakera Optik 2000. Banyak sangat akta yang kita ada tetapi kes harta intelek Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini banyak tertumpu kepada jenayah cetak rompak mengikut hak cipta 1987 dan perihal dagangan 1972.

Apa yang saya ingin kementerian, adakah kita bersedia berdasarkan senario yang ada semasa pada hari ini? Jenayah harta intelek kian hari semakin berkembang dan bermaharajalela melalui media maya, *online* terutamanya *internet*. Di samping

kaedah tradisional, menuntut –adakah kerajaan kita bersedia? Adakah pihak kementerian bersedia melaksanakan inovasi mahkamah siber sepenuhnya berdasarkan keupayaan ICT terkini bagi memberi impak dan momentum positif kepada sistem perundangan dan kehakiman negara kita setanding dengan negara-negara maju lain dalam mengadili jenayah harta intelek?

Saya bangkitkan ini Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, jangan kita hanya tertumpu kepada Protokol Madrid dan konvensyen yang berada dalam triti antarabangsa berkaitan cap dagangan, tetapi di peringkat kita ini tidak bersiap sedia untuk menghadapi satu standard yang lebih baik dari segi SOP yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian dalam perbahasan beliau sebelum makan tengah hari tadi.  
[Disampuk]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya meneliti ucapan yang hebat daripada Yang Berhormat yang saya ingat bakal Menteri pada masa akan datang. Yang Berhormat macam ini, kita hendak tanya Protokol Madrid ini, ada atau tidak negara-negara besar yang tidak mahu menganggotainya? Akan tetapi barangan mereka di lambak dengan besar. Contohnya, *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*. UNCLOS ini semua negara ikut iaitu Undang-undang Persempadanan Laut Antarabangsa, tetapi China tidak mahu ikut. Itu sebab bila *Philippines* memperkenalkan kawasan lautnya, Malaysia memperkenalkan kawasan laut, dia tidak mahu ikut. Akan tetapi dia pergi buat, *Nine-Dash Line*. Dia buat tanda *dash*. Dia tidak hormat kepada UNCLOS. Jadi, berapakah buah negara yang tidak menyertai Protokol Madrid? Kalau mereka tidak menyertai Protokol Madrid, apakah Malaysia akan ambil tindakan untuk juga tandatangan dengan negara yang berkenaan? Oleh sebab negara berkenaan mungkin negara besar yang mempunyai barangan-barangan yang boleh dipasarkan ataupun dilambakkan dengan hebatnya di peringkat antarabangsa. Hal ini kerana kita kena ambil beberapa pendekatan, apakah Protokol Madrid itu segala-galanya ataupun ada juga kita hendak buat perjanjian dengan negara lain yang tidak menandatangani Protokol Madrid?

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya kira Yang Berhormat Arau, apabila kita menandatangani triti antarabangsa melalui Protokol Madrid ataupun *Paris Convention* dengan izin, kita harus memberi kelebihan kepada pengguna rakyat Malaysia. Ini kerana apa? Kalau kita hanya *sign* atau hanya mengiktiraf perkara-perkara yang berada dalam triti antarabangsa ini tetapi tidak memberi kelebihan kepada rakyat Malaysia, tidak guna kita mewujudkan rang undang-undang ini. Itu sebabnya sebelum Yang Berhormat Arau mencelah tadi, saya memikirkan agar kita mesti memahami bahawasanya negara-negara Yang Berhormat Bukit Mertajam sebutkan tadi yang telah menyertai dan kita merupakan negara yang kesembilan menyertai triti ataupun Protokol Madrid dan *Paris Convention* ini.

■1600

Akan tetapi apa yang paling penting bagi saya adalah kita mesti melihat apakah niat dan apakah asal objektif kita mewujudkan rang undang-undang ini. Ini kerana apa? Kalau rang undang-undang ini untuk menghapuskan barang-barang tiruan, adakah dengan rang undang-undang ini boleh pihak kerajaan beri jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa mereka akan rasa selesa, mereka akan rasa aman dan sejahtera dalam melakukan pembelian dan perkhidmatan yang diberikan melalui Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 ini? Ini kerana bagi saya yang paling penting adalah kita mesti memahami, jangan kepentingan pengilang-pengilang sahaja, yang besar-besar sahaja, pengeluar-pengeluar sahaja diberi perlindungan melalui cap dagangan ini. Apa yang terjadi sekiranya pengusaha-pengusaha kecil membeli barang yang mereka sukar untuk kenal pasti bahawa barang ini merupakan barang yang mempunyai keasliannya? Akhirnya, pengusaha-pengusaha kecil ini di kalangan anak muda yang berniaga di *uptown*, yang berniaga di kedai-kedai, mereka akan terasa tertekan kerana mereka tidak mendapat maklumat atau pembelaan yang sebaiknya.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya meletakkan teknologi pada asas cap dagangan ini. Ini supaya jangan kita tunggu orang lapor sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kita mesti menggunakan teknologi. Sebagai contoh, *QR code technology*. Mereka boleh menggunakan *handphone* tetapi berbalik kepada Yang Berhormat Arau tadi. Adakah Malaysia bersiap sedia menjadi hab pendaftaran *online* untuk cap dagangan? Kalau kita mempunyai *database* di bawah MyIPO sebagai contohnya, dengan tertubuhnya rang undang-undang ini, kita ada satu *database* yang boleh dikaitkan atau dihubungkan apabila mereka dapat sahaja produk ini atau mereka pergi ke kedai-kedai, mereka boleh letak

sahaja *handphone* mereka, dengan menggunakan *QR code technology*, mereka tahu sama ada barang ini asli atau tidak.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi senario penyalahgunaan cap dagangan. Kerisauan hari ini adalah berkaitan penggunaan. Oleh sebab kita tahu *trade mark* ini, ia merangkumi pelbagai seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Ia memberi perkataan, logo, gambar, nama, huruf dan kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Apa yang berlaku pada hari ini adalah bagaimana penggunaan nama dan unsur-unsur Islamik dalam produk keluaran bukan Muslim untuk mengaburi mata pengguna bagi menarik lebih ramai pembeli dalam kalangan orang Islam yang majoriti di negara ini. Sebagai contoh, restoran mamak menggantungkan *frame* ayat-ayat Al-Quran tetapi pekerja dan pemilik bukan orang Islam dan tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan asas tentang agama Islam.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini sudah pastinya Tuan Yang di-Pertua, ia akan mengelirukan terutama pengguna-pengguna yang beragama Islam. Sebagai contoh juga, penggunaan logo palsu dan menyalahgunakan logo halal JAKIM oleh produk-produk yang tidak dapat kelulusan dan diiktiraf oleh JAKIM itu sendiri. Sebagai contoh, kebelakangan ini saya kira dalam tahun ini produk mihun cap Masjid yang telah menggunakan lambang masjid. Akan tetapi produk berkenaan telah disahkan oleh JAKIM bahawa produk itu tidak halal. Fenomena yang sedang berlaku oleh anak-anak muda pada hari ini, menjual air *bubble tea* yang diminati oleh rakyat Malaysia dan akhirnya kita dapati kedai-kedai ini tidak mendapat kelulusan. Walhal cap dagangan itu menunjukkan seolah-olahnya produk ini ialah produk halal.

Saya harap sangat pihak kementerian harus bekerjasama dengan pihak JAKIM agar dapat memastikan keselesaan dan keselamatan oleh pengguna-pengguna dan pembeli-pembeli di kalangan rakyat Malaysia. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang paling pentingnya, kita mesti memberi satu kesedaran kepada rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia harus sedar tentang peranan mereka dan bagaimana literasi isu-isu perihal yang melibatkan cap dagangan ini.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Paya Besar, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Batu Kawan. Sila.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Paya Besar mengenai penjualan barangan tiruan dalam laman web *online*, terutama sekali berkaitan dengan isu-isu kesihatan. Dua tahun lepas, empat wanita telah mati sebab mereka membeli ubat, dengan izin, *abortion pills online* dan mereka telah menggunakan ubat tersebut untuk menggugurkan kandungan dan mereka telah mati. Saya faham, mungkin ada pertindihan kuasa di antara Kementerian Kesihatan dengan KPDNHEP. Akan tetapi saya ingin tahu, apakah pandangan Yang Berhormat Paya Besar mengenai mungkin satu agensi *cross-ministerial agency* yang ditubuhkan supaya ada *blockage* kepada semua *online portal* ini yang menjual barang-barang tiruan untuk memutihkan kulit, untuk melangsingkan badan dan terutama sekali dalam isu-isu macam *abortion* seperti ini? Apa pandangan Yang Berhormat Paya Besar? Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan, saya juga bersependapat dan mempunyai pandangan yang sama dengan Yang Berhormat Batu Kawan. Ini kerana Dewan yang mulia ini, kita mesti jangan wujudkan rang undang-undang ini tanpa mengambil kira pandangan-pandangan seperti mana pandangan Yang Berhormat Batu Kawan tadi, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Jelutong. Walaupun saya kadang-kadang tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Jelutong tetapi dalam perkara ini, saya amat bersetuju. Ini kerana perkara ini adalah perkara yang akan meresahkan rakyat di luar sana, mengharapkan rang undang-undang yang telah akan kita gubal sebentar nanti akan menjadi satu instrumen melegakan mereka.

Akan tetapi kalau pegawai-pegawai kita di bawah kementerian Yang Berhormat tidak dapat melakukan penguatkuasaan seperti mana Tribunal yang terdapat dalam rang undang-undang ini, inilah yang saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, ia akan menghilangkan niat dan objektif utama rang undang-undang ini diwujudkan. Saya kira juga Tuan Yang di-Pertua, supaya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi dimasukkan dalam ucapan saya. Sila Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan cap dagangan yang kita buat pembelian melalui *online*. Contohnya, kita telah membuat pembayaran melalui sama ada kita pindahkan atau *transfer* wang kita masuk



ke akaun syarikat-syarikat yang kita beli barangan daripada *online*. Akan tetapi apabila kita dapat barang itu, dihantar kepada kita, kita terima barang ini, kita dapati barang-barang ini rosak dan tidak ada kualiti seperti mana yang di *appear* atau ditunjukkan di dalam *advertisement* mereka yang mengatakan barang ini berkualiti tinggi dan sebagainya. Ini juga satu pindaan rang undang-undang yang berkaitan. Kita minta juga ini dimasukkan. Ini kerana kita lihat dalam isu-isu pindaan rang undang-undang ini, tahap kesedaran di kalangan usahawan tempatan masih rendah. Kita tengok—

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Paya Besar, saya setuju tadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar, berbanding dengan usahawan asing yang mendaftar harta intelek mereka di dalam negara kita. Keduanya usahawan tempatan menganggap harga atau fi yang dikenakan terlalu mahal yang dikenakan oleh MyIPO. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Paya Besar? Sila.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya agak bersetuju sebahagian daripada apa Yang Berhormat Pendang nyatakan tadi. Cumanya berkaitan fi itu kita kena faham implikasi kepada penguat kuasa ini bukanlah satu kos yang rendah. Ia melibatkan proses yang panjang. Itu sebabnya kalau kita boleh masukkan teknologi, kalau masukkan teknologi, kita akan mengurangkan laporan pengguna-pengguna atau penjual-penjual atau pembeli-pembeli kerana mereka dapat terus maklumat daripada hab yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Arau tadi iaitu hab pendaftaran cap dagangan Malaysia berasas di Malaysia. Bukan berada di negara lain.

Akan tetapi yang paling pentingnya, apabila kita menghadapi cabaran hari ini kita mesti memastikan bahawasanya kesedaran rakyat Malaysia ini berada di tahap yang begitu tinggi. Jangan kita laksanakan ini, ia seolah-olahnya tidak ada kesan. Ini kerana Akta 175 itu digubal dan digantikan dengan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 ini sudah pasti akta dahulu itu tidak boleh mengekang apa masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dilaksanakan oleh pihak MyIPO.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merumuskan begini. Kita mesti memahami supaya apabila kita mewujudkan rang undang-undang ini, ia mesti mempunyai standard dan piawaian antarabangsa. Ini kerana kita mengikut dan mengambil semangat Protokol Madrid dan *Paris Convention*. Akan tetapi sistem mahkamah kita, sistem Tribunal kita, SOP kita, set minda pegawai-pegawai kita mesti berada juga pada tahap seperti mana yang ada di negara-negara yang telah lama mempunyai dan mengiktiraf Protokol Madrid.

Saya mempunyai kerisauan kalau kita hanya menggubal dan melaksanakan rang undang-undang ini tapi rakyat tidak rasa apa-apa dan kes-kes barang tiruan, penyalahgunaan ini tetap berlaku, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak ini sebenarnya akan menimbulkan satu lagi polemik kemaluan yang amat besar di pihak kementerian Yang Berhormat.

Saya mohon mengusulkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Penjelasan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bolehkah "*kemaluan yang amat besar*" dipakai di Parlimen?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila rujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, terima kasih. Dengan ini disahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau memang arif tetapi sengaja hendak membangkitkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan. Sebab saya takut hendak guna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Masa 30 minit. Sila.

#### 4.11 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab apa-apa soalan dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hendak ucapkan terima kasih kerana ada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan juga beberapa orang yang mencelah. Akan tetapi, jawapan saya akan tertumpu kepada apa yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau itu berlayar-layar ke *Forex, Singapore* dan pergi ke Afrika itu adalah di luar bidang saya. Saya tidak dapat jawablah.

Pertamanya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera iaitu setelah 30 tahun *Madrid Protocol* ini diwujudkan tetapi kita sudah jauh ketinggalan di

bidang ini kerana kita dalam ASEAN itu ada hanya tinggal dua negara yang belum menyertai *Madrid Protocol*. Ini memang satu kebenaran. Apakah sebab kita jauh ketinggalan dan apakah sebab kita lambat sangat untuk menyertai *Madrid Protocol* ini, ini saya tidak dapat jawab. Ini lebih baik kita tanya pentadbiran sebelum inilah oleh kerana kita Pakatan Harapan baru ambil alih kerajaan satu tahun sahaja.

Bulan September semasa saya menyertai satu forum antarabangsa mengenai *intellectual properties*, saya diberitahu tentang keadaan itu. Oleh itu, kementerian kita telah meletakkan penyertaan *Madrid Protocol* ini sebagai satu *priority project* supaya ia boleh dipercepatkan. Dalam beberapa bulan sahaja, tidak sampai setengah tahun, kita sudah dapat satu rang undang-undang yang dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang diluluskan dan dibaca kali yang pertama dalam bulan April 2019. Inilah saya hendak ucapkan terima kasih kepada usaha yang begitu komited daripada kakitangan kementerian untuk menggubal rang undang-undang yang baharu itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Eh, cepat sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Baru mukadimah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit, Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau bolehkan, saya ini suka Yang Berhormat tetapi jangan bagi saya tidak suka ya. Yang Berhormat, jangan sebut-sebutlah cerita-cerita lepas itu. Yang Berhormat buat sudah bagus. Dahulu yang baik kita buat GST, bagus, cukai meningkat, harta kerajaan meningkat, barang turun harga tetapi sekarang Yang Berhormat perkenal SST, barang naik, pendapatan kerajaan kurang.

Jadi jangan sebut cerita-cerita yang lama itu. Jangan sebut lagi sudah. Yang Berhormat kata, kita memperkenalkan ini ialah untuk kepentingan ini. Sebut-sebut yang lama, saya sudah hilang keseronokan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sabar, sabar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Malam ini kita patut keluar. Jadi dah tidak boleh keluarlah ini. Sebab apa? Marah ini. Yang Berhormat sebut bahawa ini adalah satu pendekatan baharu untuk membolehkan— ha, cantik. Jangan sebut Barisan tidak bagus sebab..

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya hendak beri penjelasan kepada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, bukan. Kalau kita tidak daftar...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Penjelasan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak apa. Apa yang kita buat baik dulu pun Yang Berhormat tarik. Tidak payah sebut kita tidak daftar— jadi sekarang kita hendak daftar, habis cerita. *That is all.* Jika mula terang sebut Barisan...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Oleh kerana Yang Berhormat Bukit Bendera ada tanya kenapa begitu lama kita barulah bentangkan itu rang undang-undang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, lama sebab kita asyik *dok* fikir orang asing, Afrikalah. Itulah sebab kita lambat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bukan. Di bawah kerajaan baharu ini, kita dalam enam bulan sahaja kita telah berjaya siapkan satu rang undang-undang, menggubal satu rang undang-undang yang begitu banyak fasalnya.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sedikit? Saya puji Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kementerian apabila menyatakan dalam tempoh enam bulan, tiga ke enam bulan sudah dapat mewujudkan sebuah rang undang-undang yang saya kira amat banyak. Adakah ini juga Yang Berhormat cuba menyatakan sebagai alasan berlakunya kesilapan dalam tafsiran bahasa Melayu ke bahasa Inggeris? Minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kacau itu. Kacau.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat dari Paya Besar, yang disebut oleh Yang Berhormat Tenggara itu iaitu mengenai perenggan 100(5)(a) dan (b) versi bahasa Inggeris dan versi bahasa Malaysia ini adalah bercanggahan, ini bukan satu kesilapan. Bagi maksud tafsiran dalam perenggan 100(5)(a) dan (b) rang undang-undang, susunan takrifan disusun mengikut susunan abjad iaitu *alphabetical order* dalam teks bahasa masing-masing.

Oleh itu, yang disebutkan di bahasa Inggeris ini, (a) dan (b) itu adalah berbeza. Oleh itu, itu bukanlah satu kesilapan. Akan tetapi, untuk kesahihan rang undang-undang ini, versi *English* adalah *authorities version*. Kalau ada apa-apa percanggahan, ada apa-apa *inconsistency*, maka *English version will takes precedent*. Itulah kedudukan mengenai...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak ada kesilapan itu adalah masalah. Kerana apa, kita kena labelkan (a) itu sama dengan *translation* bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Kalau dia (a) jadi (b), (b) jadi (a), itu silap, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Patut kena betulkan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, itu adalah pendapat Yang Berhormatlah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Kita sudah lama dekat Parlimen. Takkan ini tidak boleh dibetulkan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih. Untuk menjawab Yang Berhormat Bukit Bendera yang membangkitkan satu soalan tentang...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat, isu ini belum habis lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *Pardon?*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *This is issue*, dengan izin, belum selesai lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Itu perenggan 100 kan? Sudah selesai. Saya sudah jawab. Ini bukan satu kesilapan. Ini adalah susunan *alphabetical order*.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Kita mohon dibetulkan. Maknanya (a) itu bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris sama. (b) pun sama. Janganlah ada (a) lain bahasanya dan (b) lain bahasanya. Kita kena betulkan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *This is a choice of arranging* untuk menyusunkan apa-apa peruntukan dalam peruntukan undang-undang itu. Kita akan merujuk kepada *AG Chamber* untuk mendapat pendapat daripada AG. Kalau memang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu betul dan perlu dibuat, saya rasa ini boleh dipinda secara *clerk amendment* iaitu menurut *Standing Order 96*, adalah satu *clerk amendment whereby it is a clerical error*. Boleh diatitkan. Ini kerana ia bukan mengenai satu polisi atau apa-apa yang *substantial*. *It is only an order of paragraph*. So, dari Penasihat Undang-undang kementerian, pendapat mereka adalah bahawa susunannya adalah perlu ikut *alphabetical order*. Akan tetapi kalau apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, saya akan memanjangkan kepada pegawai-pegawai kita yang pun ada di sini. Mereka akan ambil pertimbangan dan juga...

■1620

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Akan diambil maklum.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya. Kalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah betul, kita akan buat *clerk amendment* atas perenggan itu. Boleh terima?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, saya kira penasihat undang-undang kementerian merupakan pegawai yang diambil daripada *AG Chamber*. Sepatutnya dia ada masa yang panjang sebab Yang Berhormat Tenggara telah berucap lebih awal. Sepatutnya kita tidak perlu tunggu sampai kita hendak buat

*clerk amendment* seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Kita harus putuskan sebelum diluluskan...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, Yang Berhormat...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sebab perkara ini sekarang ini dua percanggahan...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini adalah percanggahan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan, bukan percanggahan pendapatan. Dia isu dia adalah isu dua perkara dokumen yang berbeza, tetapi membawa maksud yang sama. Kalau membawa maksud yang sama tetapi dari segi - Kita tempoh hari berbahas tentang bagaimana *amendment* Perlembagaan Negara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, mereka bangkitkan isu melibatkan (a) dan (b). Ini perkara yang sama. Kalau saya merujuk kepada Perkara 10, fasal 5(a) membawa maksud ini, tetapi walhal dalam *precedent* yang berada dalam bahasa Inggeris adalah perkara yang lain, adakah Yang Berhormat cuba maksudkan ia adalah sama tetapi ia akan merujuk? Saya faham. Dari segi perundangan, saya faham kita akan *refer* kepada bahasa Inggeris yang lebih, *its comes first*.

Akan tetapi dalam hal ini, kita sedang bicarakan tentang satu dokumen yang penting Yang Berhormat. Itu sebab saya kata kalau Yang Berhormat boleh mengatakan bahawasanya kita ambil rang undang-undang ini sebagai satu kesilapan disebabkan kerajaan ini kerajaan baru, kerajaan ini baru enam bulan baru buat, saya boleh terima sebab ini alasan yang logik. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata ini perkara-perkara yang perlu buat keputusan kemudian, saya ingat ini perkara yang kita perlu putuskan sekarang Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Apa yang disebutkan, apa yang dicadangkan, saya rasa saya telah menjelaskan pendirian kementerian itu iaitu ini adalah pendirian kita dan juga kita akan memaklumkan kepada *AG Chamber* untuk nasihat *AG Chamber*. Sekiranya *AG Chamber* adalah berpendapat bahawa apa yang disebutkan atau yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu betul, kita akan buat *amendment*. Kalau *AG Chamber* berpendapat bahawa apa yang pendapat kita, kementerian ini betul, memang kita akan kekalkan versi yang diluluskan hari ini. *So, I think we - Lets not too much, too long in this topic. Alright?*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat, ini perkara melibatkan dokumen Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya minta...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya rasa apa yang saya cakap adalah jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sukacita saya ingatkan sekarang adalah peringkat dasar.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kita fokus kepada dasar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini melibatkan dasar Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma minta Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah hari ini kita hendak meluluskan sebab kita pun bersetuju dengan rang undang-undang ini. Kalau kita setuju rang undang-undang ini, bermakna kita bersetuju yang mana? Versi mana? Bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau kedua-duanya? Akan tetapi kita tidak boleh bersetuju kedua-dua yang mempunyai *arrangement* atau penulisan yang agak mengelirukan. Kita tidak boleh Yang Berhormat. Kita hendak bentangkan...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat, tidak ada apa-apa yang mengelirukan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat, kita hendak menghilangkan rasa resah rakyat melalui Cap Dagangan 2019, tetapi kita tidak boleh meresahkan rakyat dengan tafsiran-tafsiran yang berbeza.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tidak ada tafsiran yang berbeza.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Pemahaman-pemahaman yang berbeza.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tidak ada tafsiran yang berbeza, hanya susunan paragraf yang berbeza dan versi kesahihan adalah bahasa Inggeris. Okey, itulah kedudukan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, teruskan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, saya akan teruskan dengan menjawab isu-isu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Cuma Yang Berhormat, saya hendak tanya satu Yang Berhormat. Kita hendak lulus yang mana? Bahasa Inggeris hari ini atau bahasa...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kedua-duanya. Saya sudah kata dari pendirian...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak boleh Yang Berhormat, sebab benda tidak sama Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Itu pendapat Yang Berhormat. Pendapat Yang Berhormat kata tidak boleh, tetapi dari kedudukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah terang jangan bersuluh lagi. Sila teruskan kepada penggulangan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Untuk menjawab Yang Berhormat Bukit Bendera, ada membangkitkan satu isu iaitu apakah cara MyIPO untuk mengatasi kos bantahan dan kos litigasi yang meningkat selepas menyertai *Madrid Protocol*. Selepas Malaysia menyertai *Madrid Protocol*, MyIPO akan memaparkan undang-undang yang terpakai dan perlu dipatuhi untuk mendapatkan pendaftaran. Oleh itu, pemohon dari luar negara dapat memfailkan permohonan yang mematuhi semua keperluan undang-undang di Malaysia untuk mengelakkan kos bantahan dan kos litigasi.

Yang Berhormat Bukit Bendera juga membangkitkan bahawa apakah langkah-langkah asas yang diambil oleh MyIPO dalam memastikan *intellectual registration* yang bergantung dengan pendaftaran asas tidak menjadi tidak sah dalam lima tahun iaitu *central attack*. Satu pendaftaran asas haruslah terdiri daripada satu cap dagangan yang kukuh iaitu tidak mempunyai sebarang elemen peniruan atau boleh didaftarkan mengikut kehendak Akta Cap Dagangan. Nasihat mengenai perkara ini boleh didapati daripada pendaftar melalui pemfailan carian dan nasihat awal. Oleh itu, pendaftaran yang kukuh dapat mengatasi kemungkinan untuk dibatalkan oleh pihak ketiga dalam tempoh lima tahun. Apakah sumber...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sikit penjelasan ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini untuk tujuan supaya barang tiruan ini tidak berleluasa, apakah boleh kementerian mensyaratkan kepada kerajaan negeri termasuk pihak berkuasa tempatan, sebelum mereka luluskan sesuatu kilang itu, mereka kena pastikan jenama dan jenama itu dia dapat kelulusan daripada kementerian Yang Berhormat. Ini sebab sekarang ini kadang-kadang kerajaan negeri membenarkan penubuhan kilang dan jenama, tetapi dia orang tidak *check* sama ada jenama itu telah digunakan ataupun tidak, palsu ataupun tidak.

Keduanya hendak tengok sama ada ini ialah kilang tiruan yang dibawa masuk secara berleluasa. Ini juga sama seperti yang sahabat saya sebut tadi tentang



penggunaan metanol yang berlebihan yang dikeluarkan daripada mana. Jadi, kita hendak tahu sumber. Katalah contohnya pengeluaran ini daripada Johor, jadi kita tahu, kita dapat kesan bahawa di peringkat pengeluaran sendiri kita dapat kesan dan dengan itu kita boleh *control* di peringkat penggunaan dan penjenamaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya akan *address* isu itu semasa saya membuat penggulungan mengenai barangan tiruan. Kalau tidak sentuh apa yang dicadangkan, bolehkah Yang Berhormat minta penjelasan pada masa itu? Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila percepatkan, masa tinggal 12 minit.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya-lah, masa tidak cukup nanti. Apakah langkah asas... [*Disampuk*] Ya, itu Yang Berhormat Bukit Bendera juga bertanya tentang sumber pentadbiran dan implikasi kewangan kepada MyIPO. Setakat ini, pihak MyIPO mempunyai 412 kakitangan di seluruh Malaysia dan enam cawangan di negeri Pulau Pinang, Pahang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Johor. Sumber pendapatan MyIPO adalah daripada fi permohonan harta intelek yang diterima daripada pemohon dan MyIPO tidak menerima peruntukan daripada kerajaan untuk pengurusan pentadbirannya. So, apa-apa belanja pentadbirannya adalah ditanggung oleh MyIPO sendiri.

Yang Berhormat Bukit Bendera juga bertanya adakah Malaysia akan memperkenalkan peraturan yang memerlukan alamat berdaftar di Malaysia bagi cap dagangan asing. Setiap permohonan antarabangsa yang menggunakan sistem *Madrid Protocol* perlu melantik agen cap dagangan berdaftar di Malaysia yang mempunyai alamat berdaftar di Malaysia bagi mewakili mereka dalam memfailkan sebarang maklum balas dengan MyIPO.

Yang Berhormat Pontian telah membangkitkan beberapa soalan. Antaranya adalah berkenaan berapa banyak berlakunya penipuan produk dan juga tentang iklan palsu yang mengelirukan.

#### ■1630

Beliau bertanya sama ada peruntukkan di rang undang-undang baharu ini yang ada – menjadikan itu iklan palsu, ia satu *offense*. Ada di perenggan 100(2)(a) peruntukkan sedia ada bagi kesalahan berkaitan pengiklanan palsu atau mengelirukan adalah di bawah seksyen 13 Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan seksyen 18 Akta

Perihal Dagangan 011. Oleh itu adalah cukup undang-undang untuk menghukum mereka yang membuat iklan palsu.

Yang Berhormat Pontian juga tanya tentang statistik kes barang tiruan. Statistik kes barang tiruan secara umumnya dari tahun 2015 hingga Mei tahun 2019 mencatatkan bilangan kes sebanyak 3,040 kes yang kita tangkap dengan nilai rampasan RM62,607,982 nilai rampasan. Sehingga kini kita juga – kuasa menangkap – penguat kuasa juga ada kuasa menangkap mereka yang terlibat dalam kes barangan barang tiruan. Kuasa menangkap bagi kesalahan barang tiruan adalah diperuntukkan di dalam akta kementerian – kes tangkapan warga asing terutamanya di Lembah Klang telah diaktifkan semula pada tahun ini.

Sebelum ini kita ada tangkap dan ada kompaun, ada denda tetapi kita aktifkan apa yang prosedur SOP kita adalah tangkap mereka supaya dakwa mereka di mahkamah. Sehingga kini bilangan tangkapan adalah sekurang-kurangnya 20 orang dari negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

KPI *hotspot* barang tiruan termasuk Kenanga, GM Chow Kit, Petaling Street, Berjaya Batu Ferringhi dan lain-lain di seluruh Malaysia. Pemeriksaan secara proaktif dilakukan dari semasa ke semasa selain daripada aduan daripada wakil cap dagangan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada satu soalan. Minta maaf. Dalam perbahasan saya telah dibangkitkan ialah isu penguatkuasaan. Saya cuma ingin tanya sama ada anggota-anggota yang melaksanakan penguatkuasaan di kementerian ini akan diberi kuasa untuk membawa senjata api? Itu adalah soalan pertama saya. Ini kerana kita lihat mereka sering kali menjalankan tugas-tugas yang membawa risiko yang tinggi di mana kita lihat pernah ada kejadian-kejadian mungkin tidak melibatkan kementerian tetapi anggota-anggota polis dan sebagainya diserang dan sebagainya. Jadi, persoalan saya adakah pihak kementerian pertamanya – adakah anggota-anggota ini sedia ada dibekalkan dengan senjata api untuk dibawa semasa menjalankan tugas? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan. Sebanyak 3,040 kes barang tiruan dan rampasan RM62 juta tetapi yang saya dan ramai yang kita ingin ialah apakah hukuman kepada mereka itu selain daripada barang rampas berapa banyak kompaun dikenakan kepada mereka? Berapa ramai dipenjarakan agaknya? Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berikan statistik kalau tidak ada sekarang kemudian secara bertulis. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya minta juga yang berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin tahu daripada jumlah rampasan yang telah diberi, berapakah produk melibatkan produk yang diimport? Ini kerana kita tahu lambakan yang ada pada hari ini bukan sahaja dalam pasaran yang dikeluarkan oleh syarikat dalam negara kita tetapi kita dapati bagaimana ada juga produk-produk palsu yang diimport. Jadi bagaimana yang di-viral-kan ada beras palsu, ada telur palsu macam-macam. Jadi sejauh manakah perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak kementerian dan adakah pembatalan terhadap syarikat yang terlibat daripada hasil rampasan yang melibatkan RM62 juta, berapa syarikat yang telah dilucut pendaftaran mereka. Minta penjelasan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Untuk makluman terperinci saya akan membekalkan secara bertulis. Untuk menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Jelutong, penguat kuasa kementerian memang ada kuasa untuk membawa senjata api semasa menjalankan operasi mereka. Yang Berhormat Pontian juga menanyakan kenapa pendaftaran yang diluluskan kurang bagi permohonan tempatan iaitu lebih kurang 48 peratus ditolak. Permohonan cap dagangan ditolak kerana pertamanya tidak memenuhi keperluan akta dan peraturan cap dagangan iaitu cap dagangan yang deskriptif dan juga cap dagangan tidak distingtif atau *common*.

Keduanya adalah cap dagangan merupai cap dagangan lain yang berdaftar dan boleh menyebabkan kekeliruan. Itu beberapa orang Yang Berhormat yang telah bertanya tentang SOP iaitu berapa lama sesuatu permohonan boleh diselesaikan dan apakah kos-kos yang terlibat. Setakat ini tempoh masa yang diambil oleh permohonan yang memenuhi kehendak cap dagangan adalah lebih kurang selama 7 hingga 10 bulan dan bayaran untuk sesuatu permohonan pendaftaran adalah sebanyak – untuk permohonan RM370, untuk pewartaan iaitu RM650, tempoh pendaftaran adalah untuk selama-selamanya tertakluk kepada pembayaran fi pembaharuan setiap 10 tahun dari tarikh pemfailan.

Dengan wujudnya sistem yang baharu itu untuk pendaftaran kita akan – KPI kita adalah untuk mengurangkan tempoh masa yang akan diambil untuk permohonan itu dan mengurangkannya daripada 7 hingga 10 bulan ke lebih kurang 6 bulan atau 5 bulan. Kita juga bercadang untuk mengurangkan sedikit tentang fi yang dikutip tetapi semua ini tertakluk kepada kedudukan kewangan MyIPO.

Yang Berhormat Pontian dan juga Yang Berhormat Tebrau juga ada menyebut tentang kesedaran awam mengenai harta intelek. MyIPO ada menjalankan beberapa program untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan harta intelek dan juga keperluan untuk membuat pendaftaran. Umpamanya Hari Harta Intelek Negara, kerajaan telah mengistirahatkan 26 April sebagai Hari Harta Intelek Negara dan sambutan Hari Harta Intelek Negara ini telah diadakan setiap tahun bermula tahun 2005. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melindungi dan menghormati hak harta intelek.

Selain daripada itu, kita juga ada melalui jaringan media sosial, MyIPO juga telah menjalankan profil *Facebook*, *Tweeter*, *Instagram*, dan *Youtube* sebagai medium automatif untuk menyebarkan maklumat mengenai perlindungan harta intelek sebagai mendekati golongan muda dan pengguna media sosialnya. MyIPO juga telah melancarkan Pelan Tindakan Media. Antara strategi yang telah dilaksanakan di bawah pelan ini adalah sesi wawancara di televisyen dan radio dan menerbitkan sisip akbar serta menyertai pameran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Juga apa yang dijalankan adalah pendekatan turun padang. Pendekatan turun padang telah mula dilaksanakan pada tahun 2011 bagi membolehkan MyIPO mendekati pelanggan yang berpotensi untuk memberi penerangan mengenai faedah pendaftaran harta intelek mereka. MyIPO melalui pusat latihan harta intelek juga menganjur seminar bengkel dan taklimat mengenai kepentingan perlindungan hak harta intelek secara berterusan yang menyasarkan kepada institusi penyelidikan, universiti, sekolah, industri, persatuan dan dewan perniagaan, badan-badan bukan kerajaan serta orang awam di seluruh negara.

#### ■1640

Kebelakangan ini, kita memperkenalkan satu maskot IP yang dikenali sebagai IP FrenZ yang membawa maksud IP *intellectual* dan *friends, filing registration, examination, novelty and zero piracy*. Maskot ini diperkenalkan bagi menarik minat masyarakat terutamanya golongan muda. Boleh kita lihat, apa-apa usaha yang telah dibuat oleh MyIPO supaya kita dapat meningkatkan kesedaran orang ramai dan juga pemain-pemain industri tentang kepentingan dan perlindungan hak cipta intelek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri? Panjang lagi?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Panjang lagi, panjang lagi. Saya punya belum jawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Berapa masa tambahan yang diperlukan? Lima minit?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sekurang-kurangnya setengah jam.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya bagi lima minit.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Boleh saya bagi secara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kalau tidak sempat, bagi jawapan bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak jawapan mulut sekarang. Saya hendak pasaran naik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, harum manis. Lima minit.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya minta maaf Yang Berhormat kerana masa yang tertekan oleh itu tidak dijawab, saya akan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya punya pendek sahaja tadi, iaitu Malaysia dijadikan hab pendaftaran barang-barang yang berjenama ini. Itu yang penting.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini memang...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pasaran akan naik Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini memang wawasan kita tetapi kita masih belum sampai. Akan tetapi, ini memang *is our aim*. Jadi, untuk menjadikan Malaysia hab intelek.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hab Pendaftaran Harta Intelek dunia. Seperti Forex Singapore.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, ya. Terima kasihlah. Kita boleh bekerjasama. Yang Berhormat Arau juga boleh bantu kita supaya kita dapat mencapai matlamat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dengan ini Yang Berhormat Menteri layak menjadi seorang Menteri sebagai wakil DAP Sarawak, kenapa mereka tidak melantik Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri? Ini menghina DAP Sarawak!

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, Yang Berhormat Arau janganlah menjadi batu api.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah terang lagi bersuluh.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya terima baik apa kepujian Yang Berhormat Arau tetapi saya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tanpa DAP Malaysia, Sarawak boleh *survived*. Kenapa Yang Berhormat Menteri mesti ikut cakap orang?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ini pun kerajaan DAP.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Janganlah Yang Berhormat Arau batu api. Kita bincang hab, *Trade Marks Act...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini tengok DAP ini bagi masa lima minit kepada orang Sarawak. Orang Sarawak patut dapat 30 minit. Lihat, Sarawak telah dihina oleh DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau ini tidak berkaitan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, langsung tidak berkaitan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Sudah petang, pukul empat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Lari tajuk dari Dewan yang mulia sampai ke Mekah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Okey, akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ini pujian, pujianlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagilah dia setengah jam, dia DAP Sarawak. Kesian dekat orang Sarawak.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan apa-apa teguran, kritikan atau cadangan akan membantu kita mencapai tahap yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tahniah, DAP Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, oh. Saya nanti dah tinggal terus. Laju Tuan Pengerusi ini.

#### **Fasal 1 –**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Fasal 1. Apa maksud Fasal 1? Saya mahu sebut Perkara 100 ada Fasal 1?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak tanya maksud itu bukan perbahasan. Oleh sebab tidak ada perbahasan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan, bukan. Ini Fasal 1 ini, Perkara 1 ini perkara berapa? Sebut Fasal 1 Perkara berapa? Perkara berapa? Kalau tidak saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau kena buat *homework* lah.

*[Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Tuan Pengerusi, saya minta pindaan Perkara 100.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tunggu.

#### **Fasal 2 [Pindaan] –**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 2 rang undang-undang dipinda dalam takrif “pemegang lesen” dengan menggantikan perkataan “tuan punya, sama ada berdaftar atau tidak,” dengan perkataan “tuan punya berdaftar”.

Pindaan ini adalah bertujuan untuk memastikan keselarasan Bahagian X yang memperuntukkan hak pemegang lesen apabila diberi kuasa kepada tuan punya berdaftar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Arau?

**4.46 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, tunjukkan kepada saya dalam rang undang-undang ini perkataan fasal. Fasal mana? Mana fasal? Ini Datuk Roosme, mana fasal? Bahagian?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, atas meja ada salinan warna putih...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Fasal mana ada! Fasal!

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Fasal 2...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini fasal yang mana? Mana ada fasal, mana ada perkataan fasal.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Satu lagi salinan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mana fasal?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau sebagai mantan Menteri janganlah bazir masa Dewan yang mulia ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini rang undang-undang – bukan maksud fasal. Saya mahu pinda perkara 100.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu sekarang fasal 2, mengapa pergi perkara 100? Sabar! Duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 3 hingga 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 43 [Pindaan] –****4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 43 rang undang-undang dipinda dengan memasukkan selepas subfasal (4) subfasal yang berikut:

*“(5) Walau apa pun subseksyen (1) hingga (4), tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan berhubung dengan permohonan pembetulan, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan yang mencukupi boleh*



*memohon kepada Mahkamah untuk membetulkan apa-apa kesilapan atau peninggalan dalam Daftar.*

*(6) Apa-apa permohonan bagi pembetulan di bawah subseksyen (5) tidak boleh dibuat berkenaan dengan perkara yang menyentuh kesahan pendaftaran cap dagangan.*

*(7) Kecuali jika Mahkamah mengarahkan sebaliknya, jika suatu pembetulan dibuat dalam Daftar, kesilapan atau peninggalan berhubung dengan pembetulan itu hendaklah disifatkan tidak pernah berlaku”.*

Pindaan kepada fasal 43 rang undang-undang bertujuan untuk membolehkan mana-mana orang yang mempunyai kepentingan yang mencukupi memohon kepada Mahkamah untuk membuat pembetulan dalam Daftar. Pendaftar dan tuan punya berdaftar boleh hadir dalam prosiding yang sama untuk membuat hujahan tentang kepentingan yang mencukupi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 44 hingga 140 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### ■1650

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Fasal 100(5)(a) saya minta buat pindaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak buat pindaan sila baca peraturan tetap dan kena beri pemberitahu usul. Sila Setiausaha.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak. Ini kesilapan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh bahas, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Alah *Speaker* ini semua tidak boleh, apalah macam itu. *[Dewan ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya bagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *You* di negeri Perak *you* hentam macam-macam tahu. Di sana *you backbenchers*, *you* bagi. Sini *yo* ...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Perak mana dia ikut peraturan, sini sahaja dia ikut peraturan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Fasal 100(5)(a) dan 100(5)(b) dalam bahasa Inggeris ditukar dalam bahasa Melayu fasal 100 jadi sama. Yang Berhormat, ia mesti (a) dan (b) bahasa Melayu mesti sama. *Hat* yang lain, fasal yang lain semua sama, kenapa *tang* fasal 100(5)(a) dengan fasal 100(5)(b) itu tidak sama? Bahasa Inggeris (a) dengan (b), bahasa Melayu (b) dengan (a), yang ini ialah bukan melawak. Yang Berhormat tanya pegawai-pegawai. Ini bukan cerita melawak, ini cerita serius. Yang Berhormat ubah sedikit sahaja peraturan ataupun menyebut bahawa kesilapan yang berlaku akan diubah syarat *administrative*, okey. Itu memang cara buat undang-undang. Kalau kita ada kesilapan, kita akan ubah cara *administrative* sebab ia tidak berubah dari segi terjemahan betul, semua betul. Cuma aturan (a) dengan (b) itu salah.

Jadi ubah secara *administrative*, sebut yang itu Yang Berhormat, selesai masalah. Yang Berhormat bakal Menteri daripada DAP Sarawak hendaklah jawab dengan cara terhormat. Jangan *pi* jawab ikut trend macam ini. Macam DAP Malaysia, *they can survive on their own*. Sarawak *on your own*, Sarawak hak Sarawak. Jadi jawab elok-elok dan jangan jawab yang boleh merugikan bahawa kita akan pinda secara *administrative*, baru tepat. Tanya Yang Berhormat Kula, ini salah ini dari segi undang-undang salah sebab (a) dengan (b) bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu lain, disusun secara silap. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Tenggara memang sudah bawa kes ini. Saya menyokong ini kena Yang Berhormat Menteri, sekarang juga.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada lagi yang hendak bahas? Tidak ada lagi ya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak jawab, saya rasa saya telah jawab dalam peringkat dasar. Oleh itu, saya tidak berniat mengulangi alasan saya. Oleh itu, saya pohon supaya fasal 44 hingga fasal 140 diluluskan tanpa pindaan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kita minta Pegawai Undang-undang di belakang bantulah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta Yang Berhormat Tuan Pengerusi supaya pegawai bantu ...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan luluskan lagi sehingga kita selesaikan perkara ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini tidak melawak. Saya hari ini saya akan isytihar perang dengan Yang Berhormat pula. Yang Berhormat ini adalah soal undang-undang, (a) dengan (b) dalam bahasa Melayu ditulis (b) dengan (a), ubah itu sahaja tidak salah. Tidak kalah DAP kalau hendak ubah yang itu. Yang Berhormat ini adalah soal yg harus diperhatikan kita hendak daftar dengan Protokol Madrid ataupun kalau tidak sempat, sementara Konvensyen Paris.

Akan tetapi, kalau (a) dengan (b) itu tidak disamakan, kita ada masalah. Yang Berhormat tidak mahu ubah tidak mengapa, tetapi dalam undang-undang di sebut, dalam undang-undang disebut bahawa kita boleh ubah secara *administrative* kalau sekiranya ia melibatkan perkara-perkara tidak melibatkan dasar, boleh ubah ini undang-undang Yang Berhormat. Saya sudah tahu, saya buat undang-undang sudah lama, Yang Berhormat baru lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Setiausaha.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Parlimen degil. Kenapa pergi lulus benda yang tidak mengikut peraturan?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi tidak boleh Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Hangpa* ini penyangaklah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi. Pegawai Undang-undang tolong sedikit, tidak boleh macam ini Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Come on man* ini benda bukan benda kecil.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat saya sudah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Setiausaha Parlimen bagi tahu.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat saya sudah berulang kali...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan soal benda ini, soalnya salah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bukan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Reti atau tidak? Salah! Dahulu kita pinda rang undang-undang fasal ketum, kami tarik balik apabila DAP protes, kami tarik balik. Tarik balik seluruh undang-undang sebab kesilapan berlaku.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini dari pendapat Yang Berhormat adalah salah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Hat* yang ini kesilapan berlaku dari segi aturan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Akan tetapi dari...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dengar, dengar saya cakap dahulu. Ini kesilapan berlaku dari segi aturan. Yang Berhormat tolong ubah itu sahaja. Ataupun kalau tidak kami akan lihat secara *administrative* itu perkataannya, jawapan yang tepat. Ya Allah ya Tuhanku, apa hendak jadi dengan dunia ini. Tolong belajar cara-cara hendak menjawab di Parlimen, iaitu kalau kita tidak boleh menjawab di sini, kita akan membetulkan secara *administrative*, habis cerita. Itu cara hendak jawab, Yang Berhormat Menteri tolong beritahu cara hendak jawab. Jawab secara *administrative*.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya sudah kata Yang Berhormat Arau, kalau ada keperluan kita akan buat *administrative* pembedulan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey sudah jawab.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ini perlu Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Apa pembedulannya hendak buat.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Kita bukan bangkitkan isu Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah menjawab, sekiranya ada apa-apa kesilapan akan dibuat pembedulan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat ini soal pentadbiran sahaja. Bukan perubahan pentadbiran, perubahan itu sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat ada dengar kah? Kalau ada keperluan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Memang perlu, sebab kesilapan ini.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini bukan pandangan, pakcik! Ini semua *lawyers* di belakang sini.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini yang sana semua UMNO.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah jawab dengan jelas, sekiranya ada kesilapan akan diperbetulkan secara *administrative*. Ini adalah selaras atas juga permintaan Yang Berhormat Arau. Teruskan Setiausaha.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kawan ini layak jadi Speaker. Tuan Pengerusi layak jadi Speaker penuh sebab telah menjawab dengan betul *[Tepuk]*.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak mengapa nanti saya akan hantar Harum Manis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya akan hantar Harum Manis serta-merta tetapi Yang Berhormat tolong jawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri. Itu saya tabik, kita – tetapi peperangan itu masih diteruskan, tetapi untuk hari ini kita *ceasefire*.

#### **Fasal 141 [Pindaan] –**

##### **4.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan bahawa Subfasal 141(1) rang undang-undang dipinda dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “*atau*” di hujung perenggan itu. Di dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; *atau*”; dan perenggan (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) dengan perenggan yang berikut: “(c) *pembetulan dalam Daftar*”.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit Tuan Pengerusi, kita bersetuju Tuan Pengerusi yang hebat. Hari ini pasaran kita akan naik ya. Saya setuju koma atau noktah kami setuju sebab ini ialah satu keperluan. Jadi kita harap Yang Berhormat Menteri, sekarang sudah tidak layak untuk menjadi Menteri lagi, sebab tidak

mengikut jawapan yang betul tadi. Kita menyokong segala bentuk cadangan pindaan yang telah dicadangkan sebab ini ialah untuk kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekejap layak, sekejap tidak layak. Yang Berhormat Menteri ada hendak menjawab? Tidak perlu jawab? Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 141** *sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**[Fasal 142 hingga 161** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal 162 [Pindaan] –**

**4.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa perenggan 162(2)(f) rang undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan “*fi yang akan dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki bagi maksud akta ini*” dengan perkataan “*fi yang hendak dibayar bagi apa-apa perkara atau benda di bawah akta ini*”.

Pindaan kepada fasal 162 rang undang-undang bertujuan untuk membolehkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia mengenakan fi bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentangkan tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Tenggara, sila.

■1700

5.00 ptg.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang saya hendak bangkit ialah dalam akhiran implikasi kewangan, rang undang-undang ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan. Saya hendak kepastian, dalam fasal 162 dibaca bahawa kita sekarang ini "*bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan Jurnal Rasmi Harta Intelek*". Ini tentu memerlukan kewangan. Jadi adakah ini berlainan dengan apa yang ditulis sedangkan kita minta peruntukan dalam ini?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bolehkah Yang Berhormat ulang lagi sekali apa yang disebutkan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Boleh. Dalam rang undang-undang ini, implikasi kewangan yang ditulis akhir sekali iaitu rang undang-undang ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan, wang tambahan. Jadi dalam fasal 162, kita bantangkan di sini, "*Fasal 148 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan Jurnal Rasmi Harta Intelek*". Ini merupakan satu cadangan untuk meminta peruntukan. Jadi ia melibatkan implikasi kewangan. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan ...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat merujuk kepada ...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** 162.

**Tuan Chong Chieng Jen:** 162, mana itu?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Muka surat 177.

**Tuan Chong Chieng Jen:** 162?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ya, fasal 162.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tertakluk kepada peruntukan akta itu, ya kah?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** *No, no. I* baca 162.

**Tuan Chong Chieng Jen:** 162, ya. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bukan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** 162(2)(f).

**Tuan Chong Chieng Jen:** (2)(f) ya?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** "*Untuk menetapkan fi yang akan dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang ...*"

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di bawah Huraian kita ada 162, fasal.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Bawah Huraian.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Huraian 162.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Huraian 162.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Oh! Bawah Huraian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ya, *you* buat fasal kan ikut 162.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya rasa *you* rujuk kepada ...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** 162, *you* tengok muka surat 177.

**Tuan Chong Chieng Jen:** 162, fasal “... *bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan Jurnal Rasmi Harta Intelek*” bukan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Itu “penyelenggaraan” atau “penyenggaraan”?

**Tuan Chong Chieng Jen:** “Penyenggaraan”, ya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Ini melibatkan kewangan. Jadi dalam akhiran fasal, kita ada implikasi kewangan, kerajaan tidak terlibat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Oh! Ya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Adakah ini melibatkan satu lagi peruntukan untuk kita bayar?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat, telah saya sebut tadi, segala perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan MyIPO akan ditanggung oleh MyIPO sendiri dengan kutipan fi yang dikutip daripada permohonan-permohonan dan juga mereka yang minta perkhidmatan daripada MyIPO. *So, it is self-funded.* Oleh itu ia tidak akan melibatkan apa-apa peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila. Tidak ada ya. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 162 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*



**Fasal 163 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.03 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan bahawa fasal baharu 163 dimasukkan ke dalam rang undang-undang.

- (a) dengan memasukkan selepas fasal 162, fasal yang berikut:

*“Rayuan terhadap keputusan Pendaftar -*

*163. Walau apa pun mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan semakan kehakiman, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar berhubung dengan perkara-perkara yang berikut boleh membuat rayuan kepada Mahkamah:*

- (a) keputusan Pendaftar berhubung dengan pemeriksaan permohonan di bawah subseksyen 29(8);*
- (b) keputusan Pendaftar untuk tidak membenarkan apa-apa pindaan permohonan bagi pendaftaran cap dagangan di bawah seksyen 33;*
- (c) keputusan Pendaftar berhubung dengan prosiding bantahan di bawah subseksyen 35(10);*
- (d) keputusan Pendaftar untuk tidak membenarkan apa-apa perubahan cap dagangan berdaftar di bawah seksyen 42;*
- (e) keputusan Pendaftar untuk tidak membenarkan apa-apa pembetulan Daftar di bawah seksyen 43;*
- (f) keputusan berhubung dengan pembatalan pendaftaran oleh Pendaftar di bawah subseksyen 45(4);*
- (g) keputusan Pendaftar berhubung dengan pendaftaran apa-apa transaksi yang menyentuh*

- mana-mana cap dagangan berdaftar di bawah seksyen 65;*
- (h) *keputusan Pendaftar berhubung dengan apa-apa permohonan bagi pendaftaran suatu cap dagangan sebagai suatu objek harta di bawah seksyen 67;*
- (i) *keputusan Pendaftar berhubung dengan pendaftaran ejen cap dagangan di bawah seksyen 97;*
- (j) *keputusan Pendaftar untuk tidak membenarkan pindaan dokumen di bawah seksyen 152; dan,*
- (k) *keputusan Pendaftar di bawah perenggan 6 Jadual Pertama dan Jadual Kedua"; dan,*
- (b) dengan menomborkan semula fasal 163 hingga 182 yang sedia ada sebagai fasal 164 hingga 183, masing-masing.

Pindaan untuk memasukkan fasal baharu 163 ke dalam rang undang-undang bertujuan untuk membolehkan rayuan dibuat kepada mahkamah terhadap keputusan Pendaftar dan tidak melalui semakan kehakiman.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, sudah boleh bincang?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti, saya baca dulu. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Arau.

#### **5.07 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, pindaan ini besar dan ia melibatkan satu fasal baharu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Akan tetapi inti patinya yang sama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi saya tidak nampak benda ini bertulis di atas meja. Ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau betul ada, kesilapan tekniklah sebab meja saya agaknya kosong ya. Oleh sebab saya kalau ada benda itu, sebab ia melibatkan satu seksyen yang besar dan mesti dibawa secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini makluman ya bukan hendak mengkritik sesiapa. Jangan ini – akan tetapi saya tidak dapat pindaan secara bertulis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Sebenarnya sudah diedarkan kepada setiap Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau edar tentulah saya salah, sebab saya tidak pernahnya betul. Semua orang lain semua betul, saya seorang sahaja salah. Jadi saya minta maaf. Akan tetapi saya hendak beritahu saya tidak nampaklah benda itu ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey. So, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak perlu jawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 163 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 164 hingga 182 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Puan Hannah Yeoh) dan diluluskan]*

## ■1710

**RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.11 ptg.****Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan peruntukan bagi menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Akta Perihal Dagangan 2011 telah diwartakan pada 18 Ogos 2011 dan berkuat kuasa pada 1 November 2011. Kesalahan jenayah yang diperuntukkan di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 termasuklah seksyen 8 yang berkaitan dengan larangan perihal dagangan palsu yang berhubung dengan cap dagangan. Sejak dikuatkuasakan, tindakan penguatkuasaan ke atas perdagangan barang yang menggunakan cap dagangan palsu diambil tindakan mengikut peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Berikutan dengan cadangan untuk meluluskan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019, kesalahan-kesalahan jenayah berhubung dengan penggunaan cap dagangan palsu yang terkandung di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 ini telah dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019.

Oleh hal demikian, kementerian mencadangkan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 diluluskan sebagai pindaan berbangkit kepada Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019.

Bagi maksud pelaksanaan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 ini, seksyen-seksyen yang berkaitan dengan kesalahan jenayah berhubung cap dagangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 akan dipotong dan dipinda mengikut

kesesuaian pemakaian tanpa menjejaskan penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 ini telah disediakan dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 April 2019.

Cadangan pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 hingga 10 bertujuan untuk meminda seksyen 2, 5, 6 dan 12 dan memotong seksyen 4, 8, 9, 11 dan 39 Akta 730 yang merupakan pindaan berbangkit daripada penggubalan Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 baharu yang dicadangkan.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

Tiada yang hendak bahas? Yang Berhormat Menteri menjawab pun tidak perlu jawab oleh kerana tidak ada perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Puan Hannah Yeoh) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, 3 Julai 2019.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.18 petang]***